

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 52

Isnin

22 Oktober 2007

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1):	
■ Protes Pro Demokrasi Terhadap Junta tentera Myanmar - <i>Y.B. Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian)</i>	(Halaman 25)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan 2008	(Halaman 27)
USUL:	
Usul Anggaran Pembangunan 2008	(Halaman 27)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 22 Oktober 2007

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan Rakyat disambung semula dan akan terus bermesyuarat sehingga 13 Disember 2007.

1. Dato' Nasaruddin bin Hashim [Parit] minta Menteri Kewangan menyatakan apakah peranan dan tindakan yang telah dijalankan oleh kementerian bagi memastikan bank-bank dan institusi kewangan benar-benar melaksanakan dasar kerajaan untuk membantu usahawan dan peniaga-peniaga kecil/sederhana.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri dan maaf zahir batin kepada Tuan Yang di-Pertua dan seluruh Ahli-ahli Dewan Rakyat dan pegawai-pegawai dan juga termasuk kawan saya Yang Berhormat Ipoh Timor.

Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kerajaan melalui Bank Negara Malaysia sentiasa memantau bagi memastikan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mendapat akses kepada pembiayaan. Bank Negara Malaysia juga memantau pematuhan piagam pelanggan oleh institusi perbankan melalui pemeriksaan di premis-premis institusi kewangan.

PKS yang menghadapi masalah dengan institusi perbankan boleh mendapatkan bantuan daripada unit PKS, bank perdagangan atau menghubungi terus laman informasi nasihat dan khidmat link atau pun LINK.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi pembiayaan, jumlah pembiayaan pinjaman yang telah pun diberi oleh institusi perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP) kepada PKS terus meningkat. Pada tahun 2006, institusi perbankan dan IKP telah meluluskan pinjaman sebanyak RM46.5 bilion kepada lebih daripada 102,000 akaun PKS manakala pada tempoh lapan bulan pertama tahun 2007, sebanyak RM42 bilion telah pun diluluskan kepada 89,000 akaun PKS.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu kerajaan telah menubuhkan Majlis Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Antara fungsinya ialah mengukuhkan infrastruktur yang menyokong pembangunan PKS, membina kapasiti dan keupayaan PKS dan mempertingkatkan akses kepada pembiayaan bagi PKS. Dalam hal ini CGC telah pun diberi peranan tambahan untuk meningkatkan aksesibiliti kepada PKS ini.

Dato' Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Yang Berhormat di atas jawapan yang telah diberikan. Saya ucapkan tahniah kerana daripada data yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi ada peningkatan jumlah pinjaman yang diberikan kepada mereka yang memerlukan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu kebanyakan peniaga-peniaga kecil ini banyak bergantung kepada pinjaman yang dilaksanakan oleh institusi CGC itu sendiri. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan di Dewan Yang Mulia ini apakah perkara yang telah dilaksanakan oleh CGC khasnya dalam membantu peniaga-peniaga kecil ini untuk mendapatkan kemudahan pinjaman dengan lebih terperinci. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, CGC telah pun diberi peranan tambahan untuk membantu PKS. Setakat ini CGC telah pun menubuhkan 16 cawangan di seluruh negara dan setiap negeri ada cawangannya dan selain daripada tugas tradisinya iaitu memberi *credit guarantee* sama ada *direct* atau *indirect*. *Direct* maknanya pihak peminjam terus pergi kepada CGC ataupun *indirectnya* melalui bank yang mereka pohon pinjaman. *Credit guarantee* ini diberikan sehingga 100% di mana yang perlu.

Yang keduanya CGC ini diberikan peranan tambahan untuk memberi *equity financing* dan juga CGC telah pun mengambil dan menguruskan *asset backed security* (ABS) kepada pinjaman-pinjaman yang telah dikeluarkan oleh bank. Contohnya Maybank telah pun mengeluarkan ABS melalui CGC sebanyak RM700 *million*, selain dari itu CGC juga memberi khidmat nasihat kepada PKS dan ini bermakna peranan telah pun ditingkatkan.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih, sebelum daripada itu, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya kepada semua. Saya ingin tahu mengenai dengan pinjaman kepada peniaga-peniaga kecil ini, CGC ini tadi telah pun diterangkan tetapi bila mana mereka hendak meminjam wang ini, pihak bank ini kata sediakan kertas kerja, jadi pihak-pihak yang berkenaan terutama yang tinggal di luar bandar ini tidak tahu.

Adakah pihak bank ini sendiri ataupun pihak kerajaan boleh mengadakan mereka yang layak untuk diberi kemudahan kepada peminjam-peminjam ini sendiri dari segi menyediakan kertas kerja ataupun laporan-laporan tertentu untuk memudahkan kepada mereka yang ingin berniaga terutama sekali mereka yang baru sahaja hendak menceburkan diri dalam perniagaan lebih-lebih lagi penduduk di luar bandar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Yang Berhormat. Memanglah ramai di antara peminjam-peminjam IKS ini mereka kadang-kadang tidak tahu hendak buat kertas kerja pun. Bagi mereka yang sudah ada kertas kerja yang lengkap, piagam pelanggannya ialah 30 hari bagi hari bekerja dan dalam masa 30 hari dia akan tahu sama ada diluluskan ataupun tidak tetapi bagi mereka yang ada masalah, di setiap bank itu ada unit khas PKS, mereka boleh berhubung dan mendapatkan nasihat daripada unit khas daripada tiap-tiap bank ataupun terus berhubung dengan laman informasi, dapatkan khidmat nasihat (LINK), nombor telefonnya ada pada saya, boleh dapat nasihat.

2. **Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]** minta Perdana Menteri menyatakan perkara-perkara yang menampakkan pertindihan kuasa di antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil dan kemungkinan Perlembagaan Persekutuan dipinda bagi mengelakkan berlakunya pertindihan kuasa dan perbahasan oleh masyarakat awam terhadap perkara-perkara yang dianggap sensitif.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada isu bidang kuasa Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah sebenarnya tidak wujud percanggahan bidang kuasa di antara kedua sistem kehakiman tersebut. Kedua-duanya ditadbirkan secara berasingan dan kewujudan mereka adalah setara dalam Perlembagaan Persekutuan. Perlembagaan Persekutuan telah meletakkan undang-undang Islam dan keanggotaan susunan dan tatacara Mahkamah Syariah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri menurut Butiran 1, Senarai Negeri Jadual Kesembilan. Manakala undang-undang dan tatacara sivil dan jenayah dan pentadbiran keadilan termasuk keanggotaan dan susunan semua mahkamah selain Mahkamah Syariah berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan selaras dengan Butiran 4, Senarai Persekutuan.

Pada tahun 1988 Perlembagaan Persekutuan telah dipinda dan memasukkan Fasal (1A) kepada perkara 121 yang menyatakan bahawa Mahkamah Sivil tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan perkara-perkara yang berada dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah. Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah telah mendengar kes mengikut bidang kuasa masing-masing secara jelas dan teratur walaupun masih ada pihak yang membawa pertikaian mereka yang sepatutnya diputuskan oleh Mahkamah Syariah ke Mahkamah Sivil. Contohnya dalam kes di Mahkamah Persekutuan baru-baru ini iaitu Latifah binti Mohd. Zain lawan Rosmawati binti Sharibun dan Roslinawati binti Sharibun.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 20 Januari 2006 telah mengumumkan bahawa Jemaah Menteri telah bersetuju bahawa pindaan tidak perlu dibuat terhadap Perlembagaan Persekutuan berhubung dengan bidang kuasa Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah dan pendirian ini masih kekal sehingga pada hari ini. Walaupun pindaan tidak perlu dibuat kepada Perlembagaan Persekutuan namun kerajaan berpendapat bahawa kajian wajar dibuat terhadap undang-undang lain yang berkenaan dalam hal pemelukan agama Islam oleh

orang bukan Islam. Antara hal yang perlu dikaji ialah pembubaran perkahwinan, hak jagaan anak-anak, nafkah isteri dan anak, pewarisan dan penentuan status agama seseorang yang meninggal dunia.

Jabatan Peguam Negara telah diarahkan untuk membuat kajian berhubung dengan perkara ini. Satu jawatankuasa khas untuk mengkaji isu pemeluk agama Islam oleh seorang pasangan bukan Islam ditubuhkan oleh Jabatan Peguam Negara yang terdiri dari pelbagai kementerian dan jabatan, pihak NGO, pakar-pakar akademik, pertubuhan-pertubuhan agama Buddha, Hindu dan Kristian dan beberapa orang tokoh ulama. Beberapa siri mesyuarat yang dipengerusikan sendiri oleh Peguam Negara telah diadakan untuk meneliti undang-undang yang berkenaan dan menentukan apa-apa pindaan yang perlu dibuat jika ada.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Tuan Yang di-Pertua, dalam budaya politik dan amalan kita apabila berlakunya perkahwinan di antara seorang yang bukan Islam dan seorang Islam tentunya yang bukan beragama Islam itu akan memeluk agama Islam. Namun begitu adanya kes-kes di mana berlakunya perceraian dan yang memeluk agama Islam tadi itu cuma memeluk agama Islam kerana hendak berkahwin. Selepas perceraian maka beliau ingin kembali ke agama asalnya. Jadi, soalan saya, sudahkan Mahkamah Syariah dan ahli-ahli fatwa kita telah membuat keputusan mengenai hal-hal seperti ini yang semakin hari semakin ada berlaku. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya tidak tahu tentang fatwa yang dibuat oleh mana-mana mufti kerana ini merupakan perkara yang terletak di bawah kerajaan negeri. Keduanya, kita merasakan bahawa soal pemeluk agama Islam ini ialah satu perkara yang *extralegal* - lebih daripada itu. Ini berkenaan dengan *faith*. Pemegangan terhadap sesuatu agama itu merupakan kepercayaan dan ia tidak boleh diselesaikan dengan cara undang-undang.

Oleh kerana itulah, seperti mana yang saya sebutkan sebentar tadi, Jabatan Peguam Negara telah pun mengadakan jawatankuasa khas untuk mengkaji isu-isu yang disebut oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Proses perundingan itu sedang berjalan terus - *on going*. Ia merupakan satu perkara yang sensitif dan saya percaya dalam beberapa masa lagi insya-Allah satu kaedah mungkin akan dapat diwujudkan bagi hendak menentukan pemegangan agama oleh seseorang itu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan Selamat Hari Raya kepada Tuan Yang di-Pertua dan semua Ahli-ahli Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, bersangkutan paut secara langsung dengan isu Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah ialah satu cadangan untuk memansuhkan *common law* dan digantikan dengan undang-undang Islamik yang adalah dicadangkan oleh Ketua Hakim pada bulan Ogos, dan pada bulan lalu Yang Berhormat Menteri ada berdiri di Dewan yang mulia ini untuk menafikan bagi pihak beliau bahawa cadangan itu ada dibuat. Di sini saya ada satu rakaman

tape yang menunjukkan sebenarnya Ketua Hakim ada membuat cadangan untuk memansuhkan *common law*. [Menunjukkan sekeping cakera padat] Kenapa Yang Berhormat Menteri berdiri untuk menafikan satu perkara yang ada berlaku dan kalau ini boleh berlaku dalam kes *Fairuz tape*, bukankah ini boleh lagi berlaku apabila Yang Berhormat Menteri menafikan bagi pihak Ketua Hakim bahawa beliau ada terlibat dalam *Lingam Tape* yang *perverse Courts of Justice*, dan bagaimana penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri bagaimana beliau akan mempertahankan maruah Parlimen supaya tidak digunakan, diperalatkan untuk memesongkan Dewan yang mulia ini dan bukankah ini menunjukkan bahawa krisis keyakinan mengenai kehakiman satu isu yang sangat besar, yang baru dan perlulah satu Suruhanjaya Diraja ditubuhkan khasnya bagi *Lingam Tape* dan *Fairuz tape* ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...dan bagaimana mengembalikan keyakinan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua: Ini soal lain.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak ada krisis keyakinan terhadap *judiciary* ini melainkan apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timor dan rakan-rakannya. Saya ingin menyatakan di sini iaitu di dalam perbahasan yang lalu, saya telah menyatakan iaitu bahawa tidak ada dalam ucapan yang dibuat oleh CJ Tun Fairuz yang menyatakan bahawa dia mencadangkan iaitu bahawa *common law* ini harus dihapuskan dan rujukan yang saya buat itu ialah kepada surat yang telah dibuat oleh CJ kepada saya dan dibekalkan juga dengan ucapan beliau.

Saya melihat dalam ucapannya sebentar tadi iaitu bahawa dia tidak ada mencadangkan supaya *common law* itu diubah. Dia menyebut supaya peserta-peserta yang menghadiri seminar itu untuk berbincang mempolemikkan pemikiran yang telah dibawa oleh Ahmad Ibrahim. Satu cadangan yang saya lihat dalam ucapan itu ialah cadangan untuk menubuhkan satu institusi Ahmad Ibrahim. Itu sahaja.

Soal pita, apabila disebut soal pita saya pun minta daripada CJ berkenaan dengan pita rakaman dan ada ditulis di sini bahawa ada orang bertanya kepada dia berkenaan dengan *common law* ini. Dia jelas mengelak daripada mengatakan bahawa perkara ini dicadangkan untuk ditukar. Akhirnya orang tanya dia bagaimana dengan pandangan Tun, *your opinion, your own opinion*. Jadi, Tun memberi pandangan dia iaitu *there is no need for us to go for common law. Now we have a lot of our* pakar undang-undang sekarang ini yang memberi pendapat masing-masing mengenai undang-undang. Itu pandangan dia sahaja, bukan cadangan. Itu pun setelah ditekan oleh pemberita.

Oleh sebab itu saya kata, saya tidak *mislead the house* pada ketika itu apabila saya mengatakan bahawa dalam ucapan beliau, saya pegang ucapan itu dan suratnya, beliau tidak

pernah mencadangkan supaya menghapuskan *common law*. Itulah penjelasan saya. Selamat Hari Raya, Ipoh Timor.

■ 1020

3. Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat] minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan yang sedang diambil untuk mempertingkatkan keupayaan polis dalam bidang 'Forensic Science' di tempat kejadian jenayah. Sudahkah pihak polis memperolehi teknik yang terkini supaya peguam dan saintis luar negara tidak memperlekehkan keupayaan polis forensik kita dalam perbicaraan di mahkamah.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, bagi mempertingkatkan keupayaan polis dalam bidang sains forensik, Polis Diraja Malaysia telah mengambil langkah-langkah awal dengan:

- (i) menghantar pegawai-pegawai forensik untuk menghadiri kursus-kursus forensik yang dianjurkan oleh *Federal Bureau of Investigation FBI, International Law Enforcement Academia, Victoria Forensic Science Centre* dengan izin dan badan-badan luar yang lain;
- (ii) makmal forensik PDRM menjalankan kursus-kursus pengurusan tempat kejadian atau CSI, kepada pegawai-pegawai penyiasat serta penolong pegawai penyiasat dari semua kontinjen untuk mendedahkan dan mempertingkatkan keupayaan mereka dalam menjalankan siasatan;
- (iii) mengadakan hubungan rapat dengan agensi-agensi antarabangsa bagi tujuan pertukaran teknologi dan pengetahuan dalam bidang sains forensik; dan
- (iv) mengkaji dan menggubal undang-undang baru berkaitan dengan penubuhan DNA data bank bagi membolehkan semua sampel-sampel DNA dapat disimpan untuk tujuan penyiasatan dan digunakan di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, PDRM sentiasa menggunakan teknik-teknik terkini dalam menjalankan siasatan menggunakan sains forensik. PDRM juga sentiasa menghantar pegawai-pegawai forensik untuk menerima latihan-latihan di luar negara, di mana yang dianjurkan institusi forensik yang diiktiraf seperti *Victoria Forensic Science Centre* di Melbourne, Australia. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: Mengenai cara-cara terkini menggunakan ICT, apakah pegawai-pegawai kita telah dapat mengatasi masalah-masalah dahulu sebelum kita punya *lab* ditubuhkan pada tahun 2002, dan apakah hubungan kita dengan makmal forensik di New Zealand?

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, di bawah bahagian forensik PDRM; di Maktab PDRM di Cheras, kita ada empat bahagian iaitu Bahagian Fizikal, Bahagian Kimia, Bahagian

Biologi dan Bahagian Narkotik. Di bawah Bahagian Fizikal, memang ada satu unit yang tertumpu kepada komputer dan untuk menyiasat audio video, bukti-bukti audio video dan cuba untuk memperbaiki gambaran atau *images* dan *soundtrack* daripada CCTV, *handphone*, *cassette* dan sebagainya. Tentang kerjasama dengan New Zealand, saya akan bagi maklumat yang spesifik. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kepada Ahli Dewan saya ucapkan selamat hari raya dan maaf zahir batin.

Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua ialah mengikut maklumat yang kita ketahui, di Malaysia 20% kesalahan-kesalahan jenayah adalah dibuat oleh orang asing. Ini dikatakan rendah, tetapi pada pandangan saya ini adalah amat tinggi kerana mengikut nisbah pendatang asing ke Malaysia hanya kurang daripada 2 juta. Ini bermakna kurang daripada 10%, Namun yang kurang daripada 10% ini telah melaksanakan 20% jenayah.

Jadi ini menunjukkan fakta yang nyata iaitu tinggi. Jadi persoalan saya dalam konteks soalan ini ialah adakah kerajaan atau pun kementerian bercadang supaya tiap-tiap pendatang asing ke Malaysia diambil sampel untuk membuat bank DNA kita sendiri supaya boleh membuat *comparison* apabila berlaku jenayah. Terima kasih.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama saya perlu perbetulkan tanggapan tersebut iaitu bilangan kes-kes jenayah yang dilakukan oleh orang asing atau pekerja asing bukan 20% daripada jumlah kes-kes jenayah, tidak. Sebenarnya ia adalah lebih kurang 2% sahaja tetapi dalam kes-kes...

Tuan Yang di-Pertua: 2%?

Datuk Fu Ah Kiow: 2% sahaja, lebih kurang. Dalam kategori kes jenayah kekerasan seperti pembunuhan dan kes samun bersenjata, peratusannya ialah lebih kurang 18% dengan 16%, lebih kurang ke angka itu. Jadi keseluruhannya kes yang terlibat pekerja asing adalah 2% sahaja, iaitu sebagai pembetulan.

Mengenai dengan cadangan mengadakan rekod atau data bank DNA, semua pekerja asing. Untuk makluman, setakat ini kita belum menubuhkan data bank DNA, masih dalam proses dan akta berkaitan dengan penubuhan data bank DNA telah pun siap sedia diteliti oleh kementerian dan AG dan akan dibentangkan di Parlimen nanti. Sekian, terima kasih.

4. Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap] minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan kejayaan dan keberkesanan kempen membaca dan budi bahasa, sempena sambutan kemerdekaan ke-50. Apakah perancangan kerajaan untuk memperhebatkan lagi kempen membaca dan budi bahasa.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]: Tuan Yang di-Pertua, KeKKWa melaksanakan pelbagai aktiviti kempen membaca, dan kempen budi bahasa dan nilai-nilai murni kepada semua lapisan masyarakat dalam meningkatkan tahap

pembacaan, pembudayaan ilmu dan penerapan amalan nilai-nilai murni dalam kehidupan masyarakat Malaysia.

Dari kajian profil membaca rakyat Malaysia 2005 didapati 98.8% responden berumur 10 tahun dan ke atas membaca purata 8 buah buku setahun. Ini bermakna purata bilangan buku yang dibaca telah meningkat berbanding dengan kajian yang dijalankan pada tahun 1996 iaitu hanya 2 buah buku sahaja. Secara amnya terdapat peningkatan bilangan bahan yang dibaca oleh golongan tertentu.

Kerajaan juga telah melaksanakan projek khas iaitu membangunkan perpustakaan desa atau PD di seluruh negara. Pada tahun 2005 sebanyak RM30 juta telah dibelanjakan untuk mengubahsuai 200 unit bangunan awam untuk dijadikan PD, sementara RM85 juta dibelanjakan untuk membina 225 PD baru pada tahun 2006. Projek PD 2005 misalannya membolehkan 76,490 penduduk desa mendaftar sebagai ahli perpustakaan.

Sehingga Jun 2007 PD ini juga mencatatkan 597,000 kunjungan penduduk yang menggunakan perkhidmatan perpustakaan yang disediakan. Bersempena dengan 50 tahun kemerdekaan, KeKKWa akan meneruskan aktiviti-aktiviti kempen Budi Bahasa, bersekali dengan aktiviti-aktiviti kemerdekaan yang akan merentasi empat institusi iaitu institusi kekeluargaan, institusi kemasyarakatan, institusi pembelajaran dan institusi perkhidmatan serta melibatkan pelbagai etnik yang terdiri daripada anggota sektor awam dan swasta, badan-badan bukan kerajaan, belia, pelajar-pelajar sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi.

Sebagai contoh untuk meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan, kerajaan melalui Unit Pemodenan Pentadbiran, Perancangan dan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dengan kerjasama KeKKWa dan agensi-agensi perkhidmatan kaunter yang lain seperti Kastam, Imigresen, KWSP, JPJ dan lain-lain telah menyediakan satu model latihan khas petugas barisan hadapan iaitu dengan izin, *the front liners* yang menitikberatkan pembangunan sikap seta perhubungan pelanggan. Modul ini diharapkan adar dapat memberi impak yang lebih berkesan dalam melahirkan kakitangan kerajaan yang lebih berbudi bahasa.

Aktiviti-aktiviti kempen ini akan dilaksanakan secara berterusan dan di seluruh negara, di semua peringkat negeri daerah dan kampung bagi memberi impak yang berpanjangan di kalangan rakyat serta memberi kesan psikologi terutama kepada setiap lapisan masyarakat tentang keutamaan dan kebaikan memiliki dan mengamalkan budi bahasa dan nilai-nilai murni dalam aspek kehidupan harian mereka. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Padang Terap

■ 1030

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Kita dapati bahawa kempen membaca ada peningkatan dari segi minat rakyat untuk membaca dengan adanya kutubkhanah desa dan sebagainya, tetapi kita dapati bahawa Kempen Budi Bahasa ini masih boleh diperbaiki. Contohnya pemandu teks

ataupun orang-orang barisan hadapan, pegawai-pegawai di barisan hadapan di kaunter-kaunter masih lagi berada di tahap yang kurang membanggakan kita. Apakah sebab utama walaupun ianya telah dilancarkan sejak sekian lama, tetapi kita dapati bahawa kempen ini masih lagi belum mencapai tahap yang membanggakan kita.

Adakah Kementerian bercadang untuk mempergiatkan lagi ataupun memperhebatkan lagi kempen-kempen ini, kerana ianya boleh menarik pelancong dan juga budi bahasa yang menjadi kita punya budaya ketimuran di negara kita ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih Yang Berhormat yang membangkitkan tentang keberkesanan. Memang tahap walau pada masa ini memuaskan, tetapi kita bolehlah meningkatkan tahap keberkesanannya, dengan ini kita akan buat kajian dari semasa ke semasa.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini pada tahun 2006 KeKKWa telah pun menjalankan kajian keberkesanan Kempen Budi Bahasa dan di 21 buah lokasi aktiviti kempen di seluruh Malaysia yang melibatkan pelbagai peringkat umur dan bangsa. Dari kajian tersebut yang melibatkan seramai lebih kurang 9,000 orang responden yang telah memberikan maklum balas berkenaan Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni mengikut pembahagian jantina, bangsa, umur dan pekerjaan.

Antara faktor yang diguna pakai dalam indeks budi bahasa adalah menyentuh kefahaman dan masyarakat kita tentang 47 nilai-nilai murni. Daripada maklum balas tersebut didapati 71% responden menyatakan keberkesanan Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni manakala 29% responden lagi menyatakan sebaliknya. Kesimpulannya ialah menunjukkan Kempen Budi Bahasa pada tahun 2006 adalah berjaya dan mencapai matlamatnya.

Untuk tahun ini Kementerian kami akan menjalankan satu lagi iaitu kajian yang lebih menyeluruh dengan bantuan institusi pengajian tinggi supaya lebih saintifik dan sasaran-sasaran kita di mana yang berjaya, di mana yang kurang berjaya dan sebagainya supaya kita akan *custom made* atau *fashion* kita punya Kempen Budi Bahasa mengikut keperluan. Sekian terima kasih.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam Aidilfitri kepada semua. Soalan tambahan saya ialah dalam kerangka kerajaan mengusahakan, meningkatkan nilai-nilai budi bahasa dalam warga negara kita, baru-baru ini ada insiden di Terengganu yang mana kita pun tahu dalam kita menyemarakkan Jalur Gemilang dan bendera kita, pada kita menyambut kemerdekaan yang ke-50 baru-baru ini, Kementerian sendiri pun sudah bekal banyak bendera kepada kita. Tetapi ada segelintir daripada warganegara kita yang masih membuat usaha-usaha yang bertentangan dengan nilai-nilai murni yang dikehendaki oleh Kementerian.

Soalan tambahan saya ialah apakah pendirian kerajaan khususnya dan Kementerian ini secara spesifik tentang ada warga negara kita yang membakar bendera, yang menjadi lambang kedaulatan negara kita baru-baru ini. Apakah campur tangan Kementerian kita selain daripada

kementerian yang terbabit dalam penguatkuasaan, kerana ia berkait dengan nilai-nilai budi bahasa sebahagian daripada generasi muda dan juga beberapa pemimpin-pemimpin politik dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah baik.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Sebagai contohnya Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: ... sedikit lagi, salah seorang yang ditangkap ialah anak kepada seorang calon PAS pada tahun 80-an dari Terengganu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, Yang Berhormat.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih Yang Berhormat dari Dungun. Seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat daripada Dungun iaitu bilangan yang kecil atau segelintir yang kecil. Pada amnya perayaan kemerdekaan 50 tahun ini Malaysiaku Gemilang kita nampak iaitu sebilangan besar atau pada puratanya orang warga negara Malaysia mencintai tanah air kita. Hanya mereka yang sesat tentang hutang budi dan sebagainya dan orang ini patutlah diperingatkan lagi tanpa negara kita, tanpa pengorbanan negara kita, tanpa kerja-kerja yang baik yang selama ini 50 tahun yang dibuat oleh Barisan Nasional di negara ini kita tidak akan menikmati kemakmuran di negara kita. Jadi saya memperingatkan lagi mereka dan kita akan mengambil tindakan yang tegas kepada mereka yang jadi pengkhianat kepada negara kita. Sekian terima kasih.

5. Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam] minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan setakat manakah 'Dana Sains Fund dan Techno Fund' telah digunakan dan sejauh manakah rakyat luar bandar telah mendapat manfaat dari dana tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan semua Ahli Yang Berhormat saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri maaf zahir batin.

Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan 2006 – 2010 jumlah peruntukan yang diterima bagi Program Sains Fund secara khususnya adalah sebanyak RM816.9 juta. Bagi tahun 2006 permohonan secara atas talian Sains Fund telah dilancarkan pada 2 Mei 2006 di mana jumlah permohonan yang diterima adalah sebanyak 2,427, manakala jumlah permohonan yang telah diluluskan adalah sebanyak 1,198 yang mana membabitkan amaun peruntukan sebanyak RM204.4 juta.

Bagi tahun 2007 pula sehingga bulan September 2007 sebanyak 783 permohonan telah diluluskan membabitkan amaun peruntukan sebanyak RM152.25 juta.

Bagi Skim Techno Fund jumlah amaun yang diperuntukkan untuk tahun 2006 dan 2007 adalah sebanyak RM156.63 juta dan RM256.59 juta setiap satunya yang mana sehingga bulan September 2007 sebanyak 93 permohonan untuk pembiayaan projek telah diluluskan membabitkan jumlah sebanyak RM307.2 juta.

Untuk makluman Skim Sains Fund adalah berperanan bagi membantu membiayai projek-projek penyelidikan R&D di peringkat asas yang bertujuan menjana pengetahuan baru dalam sains asas dan juga gunaannya di samping meningkatkan keupayaan penyelidikan dalam negara seiring menambah bilangan penyelidik yang berkebolehan. Manakala Techno Fund pula bertujuan membantu dalam membiayai prototaip produk teknologi atau proses baru berskala makmal yang dihasilkan di peringkat penyelidikan asas yang mempunyai potensi pasaran untuk dibangunkan dan diperkembangkan sehingga ke peringkat pra pengkomersialan.

Walau bagaimanapun kerajaan juga telah memperkenalkan Skim Inno Fund, di mana tujuan utama skim ini diwujudkan ialah bagi memenuhi pembangunan inovasi di peringkat akar umbi serta program-program komuniti yang inovatif dan memberi faedah kepada komuniti berkenaan. Pada masa ini bagi Inno Fund kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM200 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dan RM23.4 juta adalah bagi tahun 2007 ini. Sehingga bulan September 2007 sebanyak 57 projek untuk pembiayaan projek telah diluluskan membabitkan amaun sebanyak RM10.65 juta.

■ 1040

Beberapa projek telah dimanfaatkan melalui dana ini seperti projek penjanaan elektrik bagi komuniti Orang Asli di Kampung Tuil, Gua Musang. Projek pengeringan ikan kering melalui tenaga solar di Chendering, Kuala Terengganu, projek pembangunan loji pemprosesan minyak gaharu di Kuala Rompin, Pahang, projek biofonik kaedah bioteknologi mudah untuk pengeluaran bahan makanan, peladang Bukit Tok Kandang, Pulau Pinang dan projek penghasilan produk ais krim berasaskan nira nipah dan pengisian dan pembungkusan produk nira nipah di Marang, Terengganu. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada jawapan yang diberikan dan Sabak Bernam ingin merakamkan syabas dan tahniah kepada kerajaan melalui kementerian ini kerana berjaya melahirkan angkasawan pertama negara, Dr. SMSM.

Soalan tambahan saya, saya berharap supaya kajian yang telah dibuat yang memberikan manfaat kepada rakyat luar bandar itu dapat dibukukan supaya ia boleh dijadikan rujukan. Perkara yang keduanya ialah saya ingin bertanya setakat manakah inovasi ataupun kreativiti di peringkat akar umbi dapat dibantu melalui Sains Fund ataupun Techno Fund ini? Terima kasih.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih kepada saranan untuk semua hasil-hasil kajian yang datangnya daripada perkara akar umbi ini untuk dibukukan. Mereka menyediakan laporan dan saranan untuk dibukukan Insya-Allah akan kita laksanakan. Berkaitan dengan inovasi dan kreativiti di peringkat akar umbi seperti yang saya nyatakan kita pada permulaannya membiayai dan mencadangkan, memohon Dana Inno Fund kerana Dana Ino Fund ini prosesnya adalah agak singkat dan cepat untuk diluluskan tetapi amaunnya tidaklah

begitu tinggi tetapi sekiranya selepas mendapat Dana Ino Fund dan memerlukan bahawa pengkomersialan ini perlu diperbesarkan dan sebagainya, memerlukan dana yang lebih banyak, kita cadangkan boleh memohon terus kepada Dana Techno Fund. Terima kasih.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, soalan tambahan saya. Saya ingin tahu apakah bidang-bidang yang menjadi keutamaan dalam pembahagian dana ini terutama Sains Fund? Daripada jawapan yang diberikan oleh Setiausaha Parlimen tadi saya dapati bahawa misalnya dikatakan bahawa dalam tahun 2006, lebih daripada 1,000 permohonan yang diluluskan untuk Sains Fund yang mana berjumlah lebih daripada RM200 juta.

Jadi saya dapati bahawa setiap permohonan Sains Fund itu yang berasaskan kerja-kerja R&D kalau kita bahagikan kurang daripada RM1 juta. Jadi bagaimana suatu R&D itu boleh berjaya kalau peruntukan itu begitu kecil? Sebab saya pernah terlibat dalam kerja-kerja R&D dan saya tahu bahawa kerja-kerja R&D memerlukan satu dana yang besar. Selain daripada itu apakah bentuk pemantauan yang dibuat supaya Dana Sains dan Tecno Fund ini tidak disalahgunakan? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih. Sebenarnya seperti yang dinyatakan tadi Dana Sains Fund adalah merupakan penyelidikan asas yang mana kalau hendak kira penyelidikan asas memang memerlukan peruntukan penyelidikan yang begitu tinggi. Walau bagaimanapun, pemohon-pemohon boleh memohon seperti apa yang dipohon tetapi pihak jawatankuasa teknikal yang membuat penilaian akan memperakukan amaun yang sesuai yang boleh ditampung daripada Dana Sains Fund ini semua. Jadi tidak semua permohonan kalau misalnya memohon RM20 juta saya tidak fikir kerajaan akan memberikan sebanyak RM20 juta sebab kita pun juga mempunyai komitmen untuk memberikan peruntukan kepada penyelidik-penyelidik yang lain.

Yang kedua, yang dinyatakan tadi sebagai contohnya kita memang ada jawatankuasa pemantau. Jawatankuasa pemantau adalah merupakan jawatankuasa teknikal yang memberikan perakuan kepada projek-projek penyelidikan yang diluluskan. Jawatankuasa ini juga adalah bertindak sebagai jawatankuasa pemantau yang mana sekurang-kurangnya setiap enam bulan semua penyelidik perlu memberikan laporan atau membuat persembahan sebelum dana berikutnya diluluskan.

Jadi dengan ini kita akan mengadakan satu *measurement* atau pengukuran supaya dana ini tidak disalahgunakan, hanya digunakan untuk tujuan penyelidikan sahaja. Terima kasih.

[Soalan No. 6 – Y.B. Tuan Lau Yeng Peng (Puchong)] tidak hadir

7. **Tuan Jawah anak Gerang [Lubok Antu]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan daging, ikan, sayur-sayuran dan buah-buahan dalam negara kita sentiasa selamat dimakan. Adakah kajian dibuat tentang keselamatan makanan dan minuman di negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan daging, ikan, sayur-sayuran dan buah-buahan dalam negara kita berkualiti dan sentiasa selamat dimakan, kementerian mengambil langkah melaksanakan Program Kawalan Kualiti yang merangkumi sektor tanaman, ternakan dan perikanan seperti berikut:

- (i) amalan pertanian yang baik atau *good agriculture practice*;
- (ii) Skim Amalan Ladang Baik Malaysia atau SALAM;
- (iii) Program Kawalan Kualiti dan Keselamatan Makanan di bawah Perjanjian Sanitary dan Pito Sanitary;
- (iv) pengurusan perladangan secara organik;
- (v) amalan perkilangan yang baik atau *good manufacturing practice*;
- (vi) pemantauan melalui analisis sisa baki racun perosak ke atas sayur-sayuran dan buah-buahan secara berjadual;
- (vii) Program Kawalan dan Pembasmian Penyakit Haiwan Kebangsaan;
- (viii) Skim Akreditasi Ladang Ternakan iaitu Skim Amalan Ladang Ternakan;
- (ix) Program Pemeriksaan dan Pensijilan Veterinar untuk persijilan pusat penyembelihan, ternakan dan loji-loji pemprosesan hasil ternakan;
- (x) ujian keselamatan ke atas daging dan hasil ternakan iaitu ujian mikrobiologi, sisa ubatan veterinar dan bahan kimia lain di atas makmal khas jabatan;
- (xi) amalan akuakultur yang baik atau *good aquaculture practice* dan sijil amalan akuakultur baik; dan
- (xii) Skim Persijilan Ladang Akuakultur Malaysia.

Manakala kajian tentang keselamatan makanan dan minuman di negara ini dijalankan oleh Kementerian Kesihatan. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Pagi. Selamat Hari Raya Tuan Yang di-Pertua, Maaf Zahir Batin. Begitu juga kepada semua Ahli Parlimen dan pegawai-pegawai yang beragama Islam, Minal Aidilwalfaizin Walmakbuli Kulluamin Waatubilkhair. Terima kasih.

Soalan tambahan saya, jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen begitu jelas tetapi yang hendak saya tanya sedikit ini berkaitan dengan apa yang hendak dikata ya... seperti khabar angin Tuan Yang di-Pertua. Boleh kita kata bukan seperti, memang khabar angin Tuan Yang di-Pertua. Perkara yang diperkatakan di dalam atau di tengah-tengah masyarakat Tuan Yang di-Pertua tentang enzim babi dalam makanan ayam sehingga orang-orang Islam dan raya ini Tuan Yang di-Pertua, banyak orang bertanya benar atau tidak cerita ini? Kerana kalau benar

cerita ini ia menjadi satu perkara yang merugikan semua pihaklah, kalau benar! Kerana katanya mengikut apabila enzim babi ini digunakan dalam pemakanan ayam atau di *inject* kepada ayam, ayamnya lebih besar, gemuk, ayamnya lebih tembam, lebih montok dan gemuk, begitu Tuan Yang di-Pertua.

Jadi nampaknya ayam-ayam macam itu ada di pasaran jadi orang jadi ragu Tuan Yang di-Pertua. Jadi cerita ini betul atau tidak jadi kita hendak satu penjelasan yang lebih jelas kepada masyarakat supaya jangan timbul masalah kepada penjual ayam, kepada orang yang hendak makan ayam. Ada orang tidak boleh makan daging lembu daging kambing dia hendak makan ayam tetapi kalau sudah ada cerita macam ini mual dia punya tekak, kembang tekak dia termasuk saya Tuan Yang di-Pertua, serba salah hendak makan ayam tidak makan ayam.

Tuan Yang di-Pertua: Biar menteri jawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya, biar menteri jawab Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■ 1050

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat daripada Sri Gading yang telah bertanya. Menunjukkan betapa prihatinnya beliau atas dari segi pemakanan yang disebutkan.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, memang telah disebarkan dengan begitu meluas di dalam Internet dan juga melalui satu surat khabar yang telah mengeluarkan satu berita yang sebenarnya telah menggemparkan sedikit sebanyak dan betul ada kesannya kepada penjualan ayam sehingga Persatuan Penternak Ayam telah memanggil surat khabar tersebut dan hendak mengheretkan ke mahkamah. Jadi itu adalah satu khabar angin.

Namun demikian, Jabatan Haiwan telah juga menjalankan kajian-kajian dan didapati tidak ada enzim itu yang telah kononnya disuntikkan kepada ayam-ayam ini. Enzim itu sebenarnya bertujuan supaya mempercepatkan untuk ayam itu boleh dijual.

Untuk makluman di dalam Dewan yang mulia ini, ini adalah satu fakta untuk kita mengetahui bahawa memang enzim itu ada, tetapi enzim itu begitu mahal sekali sehingga kalau kita hendak menyuntikkan semua ayam yang berjuta-juta dengan enzim ini memang tidak berbaloi. Jadi memang tidak ada, namun demikian untuk kita mengesahkan sekali lagi, pihak JAKIM akan menjalankan siasatan bersama dengan Jabatan Haiwan dan insya-Allah akan mengeluarkan satu makluman untuk semua dan meyakinkan bahawa perkara ini memang khabar angin. Terima kasih.

Ir Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya meneliti jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengenai keselamatan makanan dan juga buah-buahan yang dikatakan memenuhi sijil amalan baik. Soalan saya, adakah kita ini menepati atau mematuhi standard antarabangsa?

Kalau ianya berlaku mengapa pula setakat ini Kementerian Pertanian gagal untuk mengeksport buah-buahan dan sayur-sayuran ke negara China?

Saya mengambil satu contoh di Parkson. Kita ada 39 *store* dan Khazanah mempunyai pegangan sebanyak 99%. Apa yang menjadi masalah mereka hanya mengambil barangan daripada Thailand bukan dari Malaysia. Kalau betul-betul buah-buahan kita selamat, kenapa itu tidak jadi dan apa yang menjadi kekangan? Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai pengeksportan buah-buahan kita ke negara-negara lain termasuk China, untuk makluman Yang Berhormat, proses *negotiation* dengan izin, bukan mengambil masa satu, dua tahun dan untuk makluman Yang Berhormat, bukan sahaja dari segi keselamatan makanan, tetapi banyak faktor-faktor lain yang diambil kira.

Oleh yang demikian Yang Berhormat, saya memaklumkan di sini bahawa memang buah kita ini setaraf dengan buah-buahan antarabangsa dan kalau dikira dengan buah-buahan tropika, kita adalah juga disenaraikan daripada negara yang memang berpotensi besar, tetapi di dalam meja perundingan, diambilkan bermacam-macam faktor dari segi kerjasama, dari segi dalam banyak-banyak negara, negara mana diambil dahulu atau dalam *negotiation* itu mungkin negara-negara lain ada *special mix* yang mereka dapat hulurkan kepada negara yang kita hendak jualkan barangan kita.

Namun yang demikian Yang Berhormat, saya mempertikaikan apa Yang Berhormat katakan bahawa sekarang memang kita ada, kita tengah dalam proses untuk menghantarkan *consignment* ke negara China. Untuk makluman, sebab itulah satu daripada langkah kita ialah untuk mengadakan *atache* pertanian. Yang pertama kita bukakan di Rotterdam, yang kedua sekarang ini di Beijing, jadi ini juga adalah satu proses untuk kita mengukuhkan satu jalinan kerjasama supaya proses untuk kita memasukkan barangan-barangan kita khususnya buah-buahan tropika itu lebih lancar dan insya-Allahlah kita akan dapat mengeksport buah-buahan kita bukan sahaja ke negara China, tetapi banyak juga negara-negara lain dan memang standard itu kita gunakan dengan sepenuhnya. Kita *prescribed* kepada semua pensijilan antarabangsa. Terima kasih.

8. Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan jumlah orang yang telah didakwa oleh Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Malaysia Timber Industry Board) atas kesalahan mengimport kayu balak secara haram dalam empat tahun yang lepas. Sila senaraikan nama syarikat atau orang yang terlibat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Senator Dato' Dr. S. Vijayarantnam]: Tuan Yang di-Pertua, Selamat Hari Raya diucapkan kepada rakan-rakan saya.

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam tempoh empat tahun iaitu 2003 hingga 2006, terdapat 242 kes penyeludup kayu dari Indonesia yang telah diambil tindakan oleh Jabatan

Kastam Diraja Malaysia di bawah seksyen 135 Akta Kastam 1967. Ini melibatkan sebanyak enam syarikat pengimport atau agen penghantaran yang telah dikenakan kompaun oleh Kastam Diraja Malaysia di bawah seksyen 135 Akta Kastam 1967.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, perintah larangan import Akta Kastam 1967, Pindaan 2006 yang berkuat kuasa mulai bulan Jun 2006 menetapkan kesalahan penyeludup kayu adalah di bawah bidang kuasa mahkamah dan tidak lagi boleh di kompaun. Selepas penguatkuasaan pindaan ini, terdapat empat kes penyeludup kayu dari Indonesia yang melibatkan 14 awak-awak ataupun tekong telah berjaya didakwa di mahkamah serta dikenakan tindakan denda atau penjara oleh mahkamah. Sekian, terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan saya kalau dibaca secara jelas ialah sila senaraikan nama syarikat atau orang yang terlibat, tapi Yang Berhormat tidak menyenaraikan nama syarikat dan juga orang yang terlibat.

Di sini saya ingin tanya satu soalan tambahan, memandangkan Yang Berhormat tidak menyenaraikan nama syarikat, saya ingin tahu syarikat Binyu Sof Enterprise yang kepunyaan Yang Berhormat Jasin, adakah ia disenaraikan dalam senarai di bawah pendakwaan kes yang didakwa di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya terdapat satu buku yang tajuknya ialah The Thousand Headed Snake, Forest Crimes Corruption and Injustice in Indonesia yang dikeluarkan oleh Environment Investigating Agency di United Kingdom dan juga terdapat di Indonesia. Jadi dalam buku ini ia menjelaskan dan menerangkan bahawa banyak kayu balak di Indonesia diimport oleh syarikat Malaysia dan dipotong di sini selepas itu ia dieksport ke luar. Ia juga menyatakan bahawa kayu balak Indonesia dicampurkan dengan kayu balak tempatan selepas itu sama-sama dieksport.

Jadi syarikat Binyu Sof Enterprise dan juga satu lagi syarikat yang pengarahnya juga ahli politik dari Sarawak, dinamakan. Saya hanya hendak tanya Yang Berhormat sama ada kedua-dua syarikat itu adakah ia didakwa di mahkamah dan kenapa didakwa oleh Kastam? Mengapakah Malaysia Timber Industry Board yang diberi kuasa untuk menjalankan pendakwaan tetapi mengapa mereka kelihatan tidak buat apa-apa dan kenapa semua diserahkan kepada Kastam? Sekian, terima kasih.

Senator Dato' Dr. S. Vijayarantnam: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Seputeh di atas soalan tambahan tadi dan juga komen-komen. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi berasa bahawa tidak berapa sesuai untuk senaraikan atau sebut nama-nama syarikat atau orang yang telah membuat kesalahan di Dewan yang mulia ini. Mungkin ada yang masih di dalam perbicaraan.

■ 1100

Saya percaya Yang Berhormat boleh mendapat maklumat berkenaan daripada pihak ataupun agensi penguat kuasa undang-undang ataupun *law enforcement agency* dengan izin

yang berkenaan. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kes-kes spesifik yang disebut oleh Yang Berhormat dan juga sebuah buku yang ditulis di negara asing, ini pun satu yang kita tidak boleh komen oleh kerana ini bukan satu sumber informasi atau sumber penerangan yang disahkan. Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Adakah Yang Berhormat cuba melindungi ahli politik yang terlibat? Ini kenapa nama-nama mereka tidak boleh diumumkan? Saya memang...

Tuan Yang di-Pertua: Mambong.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Apa, Seputeh eh...?? Tuan Yang di-Pertua, peraturan Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, baru tadi sudah jawab. Saya ingat Seputeh ini betul-betullah...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bukan melindungi, soalan itu tidak.....

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Janganlah buat hal Seputeh, selepas raya. [Dewan riuh].

Tuan Yang di-Pertua: Mambong.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pengimportan balak dari mana-mana negara kalau Yang Berhormat Seputeh tahulah, itu adalah satu *arrangement* di antara *exporter* dan *importer*. Jadi, tidak timbul masalah campur kayu balak dari Malaysia dan kayu balak dari Indonesia kalau diekspor ke negara-negara lain. Itu soal pokoknya. Namun walaupun demikian, Indonesia memang ada perundangan sendiri bagaimanakah mereka boleh mengeksport kayu balak. Persoalannya sekarang adalah kayu balak yang disyaki diseludup ke Malaysia adakah ianya dalam bentuk balak ataupun dalam bentuk yang sudah dipotong, gergaji yang dikatakan *fitches*. Adakah dua-dua ini berlaku ataupun hanya *fitches* sahaja berlaku?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik Yang Berhormat.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih.

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat dari Mambong ke atas soalan tadi. Kita tidak boleh nafikan, ada penyeludupan kayu balak dari Indonesia ke Malaysia, tetapi Tuan Yang di-Pertua, pihak-pihak ataupun agensi penguat kuasa undang-undang termasuk jabatan kastam dengan bantuan MTIB dan pihak maritim sedang dengan sedaya upaya mencegah penyeludupan tersebut dan sukacita saya dimaklumkan bahawa usaha-usaha mereka pun adalah berjaya sedikit. Tentang import kayu balak dari Indonesia, semua pengimportan kayu balak dari Indonesia hanya boleh untuk kayu bulat kurang dari 40 inci persegi dan untuk balak-balak lain dari Indonesia semuanya dilarang sama sekali. Sekian, terima kasih.

9. **Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan adakah kerajaan sedar program perantisan (apprenticeship) anjuran kerajaan dengan kerjasama pihak swasta kurang mendapat sambutan. Adakah kerajaan bercadang memperbaikinya terutamanya dengan meningkatkan insentifnya.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Fitri, maaf zahir dan batin. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad telah melaksanakan skim perantisan semenjak tahun 1996, bagi melahirkan tenaga kerja yang mempunyai pelbagai kemahiran yang diperlukan oleh majikan-majikan sektor industri, atau perkhidmatan yang tertentu. Kaedah latihan skim ini adalah berasaskan latihan *on the job* di premis penyedia latihan dan diikuti dengan latihan *on the job* di premis majikan penaja. Sepanjang tempoh latihan, perantis akan menerima bayaran elaun bulanan di antara RM300.00 sehingga RM500.00 dan yuran latihan pula akan ditanggung oleh kerajaan melalui tabung perantisan yang berjumlah antara RM3,500.00 hingga RM8,500.00.

Semenjak ianya dilancarkan, skim ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari majikan dan sehingga 31 Julai 2007, seramai 8,613 orang perantis telah dan sedang dilatih di bawah skim ini. Bagi tempoh lima tahun pertama, pelaksanaan skim perantisan PSMB iaitu dari tahun 1996 sehingga tahun 2000, seramai 3,207 orang perantis telah dilatih, manakala bagi tempoh lima tahun berikutnya iaitu dari tahun 2005, seramai 4,122 orang perantis telah dilatih dan ini menunjukkan peningkatan sebanyak 29 peratus.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh 2006 hingga 31 Julai 2007, seramai 1,284 perantis telah dilatih di bawah skim ini. Ini menggambarkan bahawa sambutan terhadap skim ini adalah sangat-sangat menggalakkan. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan, sebanyak RM15 juta telah diperuntukkan oleh kerajaan yang dijangka akan dapat melatih 2,815 orang perantis. Kerajaan buat masa ini berpuas hati dengan insentif diberikan dan belum ada cadangan untuk mengkaji insentif ini kerana ianya juga bergantung pada peruntukan yang diberikan. Terima kasih.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih timbalan menteri. Daripada angka-angka Yang Berhormat Timbalan Menteri berikan tadi, boleh tidak, saya dapat pecahan mengikut skim-skim yang ditawarkan dan adakah PSMB bercadang untuk meningkatkan skim-skim latihan yang mendapat sambutan yang hangat daripada peserta-peserta? Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, berasaskan kepada pertanyaan, pecahan skim-skim adalah seperti berikut:

(i)	Mekatronik	-	1,628 orang
(ii)	Industri Perhotelan	-	5,105 orang
(iii)	Industri Berasaskan Kayu	-	64 orang
(iv)	<i>Plastic injection moulding</i>	-	734 orang

(v)	<i>Tool and Dye Maker</i>	-	426 orang
(vi)	<i>Industrial Serving Machine Technician</i>	-	60 orang
(vii)	Teknologi Maklumat Pengaturcaraan	-	541 orang
(viii)	Pemesinan Industri	-	123 orang
(ix)	Persediaan Teknologi Maklumat	-	151 orang
(x)	Pemesinan Alat Dan Acuan	-	24 orang
	Jumlah	-	8,856 orang
			=====

Bagi soalan kedua, memang kerajaan bercadang untuk membesarkan skim-skim ini dan di antara yang terbaru ialah pemesinan alat dan acuan bagi *metal press* dan kita juga bercadang untuk mewujudkan dua lagi iaitu *electrical technician* dan juga *welding*. Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin bertanya soalan tambahan tentang sama ada Pembangunan Sumber Manusia Berhad ini akan membuat kajian terhadap pelatih-pelatih yang telah tamat berlatih ataupun kursus tentang:-

- (i) dari segi peluang kerja; kemudian
- (ii) dari segi bidang pekerjaan yang mereka berkecualan dan juga gaji yang ditawarkan mengikut latihan dan kursus yang telah dianjurkan oleh PSMB ini. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih Yang Berhormat. Dari segi kajian kita ataupun *tracer's study* yang telah kita lakukan iaitu dalam tempoh enam bulan, mereka yang memperoleh pekerjaan lebih daripada 90 peratus dan kajian ini juga menunjukkan bahawa bidang-bidang yang kita sebutkan tadi, 10 bidang, mendapat sambutan yang baik dan kita akan membesarkan lagi tiga bidang yang saya telah sebutkan tadi.

■ 1110

Dari segi gaji saya berikan contoh di sini umpamanya industri perhotelan mereka memperoleh gaji sehingga RM1,600. Keduanya untuk industri *sewing machine technician* RM1,100, *tool and dye maker* untuk *mould* mereka mendapat RM1,200, plastik *injection molding* RM1,000, *mechatronic* RM1,100. Pendek kata bidang-bidang yang lain juga mereka memperoleh gaji lebih daripada RM1,000 dan ada yang mencecah sehingga lebih daripada RM2,000. Terima kasih.

10. **Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan apakah peranan kerajaan dalam mengawal gejala *blogging* di internet yang semakin berleluasa di dalam menyebarkan fitnah kepada pihak kerajaan serta pemimpin. Adakah *blogging* boleh diterima sebagai saluran suara rakyat dan perlukah diadakan satu akta baru seperti akta media cetak.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari kawasan Tangga Batu pada 22 Oktober 2007, Ahli Yang Berhormat Cameron Highlands pada 23 Oktober 2007, Ahli Yang Berhormat Kalabakan pada 6 November 2007, Ahli Yang Berhormat Rasah pada 7 November 2007, Ahli Yang Berhormat Tumpat pada 15 November 2007, Ahli Yang Berhormat Sekijang pada 3 Disember 2007 dan Ahli Yang Berhormat dari kawasan Papar pada 6 Disember 2007 mengenai isu yang sama Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat peningkatan yang pesat dalam penggunaan internet di Malaysia adalah selaras dengan plan pembangunan MyICMS 886 atau Perkhidmatan Maklumat Komunikasi dan Multimedia Malaysia di mana antara strateginya ialah peningkatan penggunaan internet jalur lebar kepada 5.5 juta pengguna pada tahun 2010.

Jika dilihat dari sudut positif peningkatan penggunaan internet adalah sangat memberangsangkan. Pendirian dan jaminan kerajaan bahawa tidak ada penapisan internet oleh MSC Bill of Guarantee dan peruntukan seksyen 3(3) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 98) tidak bermaksud bahawa kebebasan mutlak diberi kepada pengguna untuk menyalahgunakan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan. Kerajaan akan mengambil tindakan undang-undang terhadap pemilik, pengendali, penulis yang menyalahgunakan internet sebagai platform untuk menabur fitnah menghina pemimpin negara, agama dan bangsa. Tindakan undang-undang di bawah seksyen 211 dan 233 AKM 98 boleh diambil terhadap individu yang menyalahgunakan internet bagi menyebarkan kandungan yang bersifat palsu, mengancam atau yang jelik. Jika disabitkan kesalahan, individu boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau di penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali. Selain daripada itu, ianya juga boleh didakwa di bawah Akta Hasutan 1948, Akta Fitnah 1957 dan Kanun Keseksaan.

Secara amnya semua undang-undang Malaysia diterima pakai dalam menangani perlakuan sesuatu kesalahan tanpa mengambil kira pengantaraan atau platform yang digunakan.

Kementerian berpandangan tidak perlu menggubal satu lagi akta khas untuk menangani masalah *blogging* yang negatif. Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia juga memainkan peranan yang penting dalam membantu untuk memupuk sikap kawal selia sendiri di kalangan rakyat Malaysia dan beberapa program kesedaran awam telah diadakan sejak ia didaftarkan oleh SKMM. Forum kandungan juga bercadang untuk bekerjasama dengan *bloggers* untuk membangunkan satu kod etika yang boleh diguna pakai oleh *bloggers* Malaysia.

Peruntukan undang-undang sedia ada dan kod etika yang akan dibangunkan adalah mencukupi untuk menangani isu blog yang tidak bertanggungjawab. Dalam usaha menangani

penyalahgunaan perkhidmatan telefon mudah alih prabayar, kerajaan telah mewajibkan pendaftaran pengguna-pengguna perkhidmatan tersebut pada tahun 2006. Pihak SKMM juga sedang dalam proses perbincangan dengan pihak pemberi perkhidmatan mudah alih bagi menggunakan *flittering software* dengan izin yang boleh dilanggan oleh pengguna-pengguna untuk menapis kandungan internet yang boleh diakses melalui telefon mudah alih. Terima kasih.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, selamat hari raya. Tuan Yang di-Pertua, memandangkan soalan ini adalah salah satu daripada soalan popular baru-baru ini dalam bulan Julai Tuan Yang di-Pertua kita semua pelayar-pelayar blog kebanyakannya terperanjat apabila membaca sebuah ruangan *Another Constitutional Crisis Over the Horizon* oleh *Malaysia Today* yang telah menggambar-gemburkan suatu suasana yang tidak tenteram di negara yang melibatkan institusi ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda dan sultan-sultan di negara ini. Ini satu pelanggaran akta yang jelas yang dilakukan secara terang-terang Tuan Yang di-Pertua.

Soalan saya, ia mungkin akan menyebabkan satu suasana, keadaan yang di luar kawalan. Apakah pihak kementerian masih lagi perlu menunggu laporan daripada pihak ketiga untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas pengendali-pengendali blog yang tidak bertanggungjawab ini. Soalan yang kedua, apakah kementerian bersedia untuk menyediakan satu sistem dan kawalan serupa dengan *mobile number portability* atau sistem gerak alih yang boleh mengawal dakyah-dakyah negatif ini daripada disebar kepada masyarakat umum. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk menunjukkan bagaimana seriusnya kementerian ini berhubung dengan isu *bloggers*, ingin saya jelaskan kira-kira enam bulan yang lalu kementerian ini telah meletakkan seorang timbalan pendakwa raya di dalam Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia untuk memudahkan segala siasatan yang dilakukan oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi ini untuk mengetengahkan kes-kes ini supaya boleh diambil tindakan dengan segera.

Berhubung dengan isu sebagai mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tangga Batu tadi ada perkara-perkara dan kes-kes yang kesalahannya melebihi daripada kesalahan-kesalahan yang terletak dalam peruntukan Akta Komunikasi Multimedia 1998 maka akta-kata lain boleh diguna pakai sebagai mana saya katakan di peringkat awal jawapan saya mungkin akan diambil tindakan dalam Akta Hasutan atau Akta Fitnah sekiranya ia akan menjejaskan dari segi keselamatan negara. Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Akta yang sudah berusia hampir 10 tahun tidak menunjukkan taring atau kukunya. Sehingga sekarang saya ingin dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berapa banyakkah pendakwaan atau siasatan yang telah dibuat di bawah akta-akta ini dan akta yang menunjukkan adanya kuasa jenayah dan kuasa sivil

secara serentak ini boleh diguna pakai juga oleh individu-individu yang rugi atau mendapat fitnah akibat daripada tindakan seseorang yang lain.

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat berapa banyakkah yang dibawa oleh tokoh-tokoh korporat misalnya, individu-individu dalam hal memberi pengajaran kepada *bloggers* yang tidak bertanggungjawab ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Untuk dari segi angka saya minta satu jawapan bertulis untuk diberikan kepada Yang Berhormat. Tetapi saya boleh menyatakan kepada Yang Berhormat pada tahun ini sahaja Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia telah mengenakan 11 tindakan kepada laman web iaitu telah mengarahkan 11 laman web ditutup atas sebab-sebab tidak mematuhi peraturan iaitu tidak memenuhi syarat-syarat 211 dan 233. Setakat ini juga dua kes telah dibawa kepada pihak pejabat Peguam Negara untuk diambil tindakan yang sepatutnya dilakukan. Untuk pengetahuan Dewan, sebenarnya di negara kita walaupun kita lihat mungkin *bloggers* ini merupakan satu kaedah terbaru bertukar dan berkongsi maklumat sebenarnya banyak laman-laman web ini mempunyai peranan positif, memberi banyak kebaikan kepada orang ramai.

Sebab itu kalau kita lihat mengikut satu *survey* yang dilakukan oleh *Microsoft* yang diadakan di Malaysia responden yang paling sedikit yang melihat laman-laman web politik. Kebanyakan mereka yang menggunakan laman web ini lebih berminat untuk melihat laman-laman web yang bercorak keusahawanan ataupun laman-laman web yang mengeratkan hubungan dalam kekeluargaan. Laman-laman web fitnah dan laman-laman web politik adalah laman web yang paling kurang diminati oleh pengunjung laman web di negara ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1120

11. Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat] minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah kesemua sekolah khususnya di luar bandar akan melaksanakan sepenuhnya pelaksanaan J-QAF. Setakat ini apakah penilaian kementerian terhadap pelaksanaan ini dalam membentuk modal insan yang seimbang.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, selamat hari raya dan maaf zahir batin. Pada tahun 2005 Program j-QAF mulai dilaksanakan secara berperingkat-peringkat di sekolah-sekolah rendah. Tahun 2007 merupakan tahun ketiga j-QAF dijalankan dengan bilangan sekolah yang terlibat adalah sebanyak 3, 703 buah dan jumlah murid seramai 644,419 orang.

Kementerian Pelajaran Malaysia mengunjurkan pada tahun 2010 semua sekolah rendah di negara ini akan menjalankan program j-QAF ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, j-QAF adalah program Kementerian Pelajaran yang bertujuan untuk memastikan murid-murid dapat mengkhatamkan bacaan Al-Quran boleh menulis jawi dengan baik memiliki kemahiran asas Bahasa Arab dan menghayati asas-asas fardu ain dengan baik.

Program ini dijalankan sepanjang enam tahun pembelajaran sekolah rendah. Matlamatnya adalah untuk menyediakan generasi yang kukuh ilmu dengan pengisian rohani di samping kemahiran lain yang diperolehi di sekolah. Memandangkan pelaksanaan Program j-Qaf baru sahaja memasuki tahun yang ketiga dan murid yang terlibat dalam lingkungan usia berusia tujuh hingga sembilan tahun; maka adalah terlalu awal untuk KPN membuat sebarang penilaian keberkesanan j-QAF ke atas kualiti modal insan. Walau bagaimanapun, KPM percaya bahawa Program j-QAF mampu membentuk dan menyediakan modal insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek pada masa yang akan datang. Justeru itu KPN sentiasa melakukan pemantauan dan penambahbaikan dari semasa ke semasa ke atas pelaksanaan j-QAF ini, terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Saya ingin mengemukakan soalan tambahan, memanglah pelaksanaan j-QAF ini adalah sesuatu yang saya percaya akan melahirkan sumber modal insan yang seimbang. Namun saya ingin bertanya adakah pihak kementerian misalnya memberikan penekanan terhadap kualiti-kualiti tertentu dalam melahirkan modal insan di dalam negara kita. Ini kerana negara kita hari ini dibanjiri dengan ramai pekerja asing. Adakah misalnya penanaman terhadap kualiti untuk bekerja keras ada diberikan penekanan di dalam pelaksanaan j-QAF ini supaya kita akhirnya dapat melahirkan warga negara kita pada masa akan datang dapat memikul apa juga tanggungjawab untuk menjamin kejayaan negara kita, terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat Kudat. Seperti yang saya nyatakan tadi bahawa pencapaian dan penambahbaikan j-QAF ini akan kita kaji dari semasa ke semasa dan lebih-lebih lagi kita telah pun merancang untuk menubuhkan IPPI iaitu Institut Pembangunan Pendidikan Islam yang akan melihat pembelajaran agama terutamanya j-QAF. Segala cadangan dan juga yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi sudah tentulah diberikan penekanan di dalam j-QAF ini supaya kita benar-benar dapat melahirkan modal insan seperti mana yang diharapkan oleh pemimpin negara, yang merupakan generasi yang akan datang yang akan menjadi pemimpin negara kita, terima kasih.

12. Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis] minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilakah projek menaik taraf jalan raya laluan 8 menghubungkan Lipis dan Gua Musang akan dilaksanakan bagi keselamatan dan keselesaan penggunaan jalan raya tersebut.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Amat Berhormat, projek membina jalan laluan 8 dari Kampung Relong iaitu KM14 dari Kuala Lipis, Pahang ke Gua Musang Kelantan telah diluluskan untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dengan peruntukan diluluskan berjumlah RM80 juta. Kementerian Kewangan Malaysia telah meluluskan projek ini ditawarkan kepada 'Konsortium Karli Sdn. Bhd.' dan 'Hanawin Sdn. Bhd.' secara rundingan terus.

Lanjutan daripada itu pelaksanaan projek ini dipecahkan kepada dua fasa. Fasa I bagi segmen jalan yang paling kritikal; manakala fasa II bagi baiki jalan tersebut. Fasa I iaitu terdiri daripada segmen lima KM62 hingga ke KM74 di sebelah negeri Pahang, dan segmen tujuh KM95 hingga KM102 di sebelah negeri Kelantan.

Reka bentuk jalan ini adalah dengan izin *two lane single carriageway with paved shoulder* mengikut piawai JKR R5 dengan kelebaran lorong adalah 7 meter. Di mana 3.5 meter setiap lorong dengan bahu jalan berturap selebar dua meter setiap belah. Lorong-lorong memotong akan disediakan setiap lima kilometer bagi memastikan pengguna jalan raya diberi peluang yang mencukupi untuk memotong kenderaan yang bergerak lebih perlahan.

Tuan Yang di-Pertua, fasa I telah siap reka bentuknya dan sedang dalam proses rundingan harga dengan kontraktor dan dijangka selesai rundingan pada Oktober 2007. Pelaksanaan fasa ini dijangka bermula pada Jun 2008. Fasa II sedang dalam peringkat reka bentuk yang terperinci oleh perunding projek ini dan dijangka siap sepenuhnya pada akhir tahun 2007. Pelaksanaannya bergantung kepada peruntukan yang diluluskan, sekian.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang rasa saya jarang-jarang dapat menjawab bagi pihak Kementerian Kerja Raya. Walaupun projek ini sudah diumumkan beberapa kali, tetapi nampaknya tidak ada kesan langsung dari segi tahap pelaksanaannya dan jalan-jalan yang bersambungan dari itu sendiri di laluan 8 ini pun nampaknya banyak juga kerosakan dan sebagainya.

Jadi saya rasa macam seolah-olah Parlimen Lipis ini terpinggir dari jalan raya dan sebagainya mungkin kerana dia terletak di kampung sedangkan jalan ini memang banyak digunakan. Contohnya dalam hari raya baru ini kalau kita lihat memang jalan kita sesak teruk dan berlaku juga kemalangan yang mengakibatkan kematian, walaupun tidak dilaporkan dalam akhbar dan sebagainya.

Jadi apakah permasalahan sebenar sehingga jalan itu sampai sekarang tidak boleh dibuat. Adakah masalah pengambilan tanah atau sebagainya yang menyebabkan sudah diumumkan rasa saya dua tahun lebih tetapi belum lagi dapat dilaksanakan sehingga kini, terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat, sebagaimana jawapan saya, bahawa projek ini akan *off on the ground*, maknanya pada dalam tempoh enam bulan apabila selesai sahaja runding harga di *finalize* berakhir bulan Oktober. Maknanya *by June 2008* ini kita *expect* supaya *activity on the ground* akan dapat berjalan dan saya yakin bahawa segala perkara yang berhubung kait tentang reka bentuk telah pun dilaksanakan dan perkara yang berhubung kait tentang masalah pengambilan tanah tidak timbul. Saya rasa *final alignment* telah pun dengan izin *determinekan*. Jadi untuk makluman Yang Berhormat bahawa projek ini insya-Allah akan *off the ground by June 2008*. Terima kasih.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, ada kesinambungan dengan Kelantan dan Kuala Krai. Saya juga merakamkan ucapan penghargaan kerana timbalan dapat jawab hari ini dan agak jelas juga. Pertamanya baru-baru ini apabila mana hari raya begitu sesak sekali rakyat dari Kelantan balik menerusi Lipis ini dan banyak berlaku kemalangan. Jalan yang fasa ke-II saya hendak soal ini, iaitu KM95 - KM102 ini mengikut kata timbalan tadi akhir 2007, begitu lama sekali.

Sedangkan ini satu jalan yang begitu dilalui oleh penduduk-penduduk dari Kelantan terutama apabila ada menjelang hari-hari perayaan. Sesak sampai berjam-jam tidak boleh lalu. Jadi boleh atau tidak pihak kementerian supaya dapat menyejajarkan sedikit, kerana akhir 2007 mengikut keterangan dia baru sahaja hendak selesai, bila pula hendak *start* belum tahu. Jadi saya mintalah supaya dapat disegerakan, terima kasih untuk keperluan rakyat.

■1130

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya ulangi lagi jawapan kepada fasal II ini, ianya di peringkat reka bentuk terperinci oleh perunding dan dijangka siap sepenuhnya pada akhir tahun 2007. Pelaksanaannya bergantung kepada peruntukan yang diluluskan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahaja soal jawab lisan pada pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 18(1)**

PROTES PRO DEMOKRASI TERHADAP JUNTA TENTERA MYANMAR

11.32 pagi.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh Ahli-ahli Dewan yang mulia ini.

Usul untuk menangguhkan Dewan untuk perkara tertentu; berkepentingan ramai dan perlu disegerakan. Saya Salahuddin bin Ayub, Kubang Kerian mohon mencadangkan:

“Bahawa mesyuarat ini hendaklah ditangguhkan bagi membolehkan Dewan yang mulia ini merundingkan dan membincangkan berkaitan proses dan protes pro demokrasi terhadap junta tentera Myanmar bagi menghentikan penyalahgunaan hak asasi manusia di negara berkenaan.”

Tuan Yang di-Pertua, lebih 100,000 orang penunjuk perasaan anti kerajaan diketuai oleh 20,000 orang barisan sami Buddha, mengetuai perarakan dalam protes umum terbesar di Myanmar sejak pemberontakan pro demokrasi dihancurkan oleh tentera pada 1998 yang diadakan pada 26 September baru-baru ini. Manakala kira-kira 2,000 orang berkumpul di kedutaan Myanmar di Kuala Lumpur pada 28 September dan 2 Oktober. Dan sekumpulan kira-kira 50 orang warga Myanmar termasuk beberapa orang yang hidup dalam buangan mengadakan demonstrasi yang hingar bingar di Dag Hammarskjold Plaza tidak jauh daripada Ibu Pejabat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Menurut laporan rasmi berbelas orang terbunuh termasuk seorang juru foto Jepun apabila tentera melepaskan tembakan ke arah penunjuk perasaan di jalan raya. Seorang warga Singapura pula dilaporkan ditembak dengan peluru getah, media juga melaporkan bahawa 10 orang ditahan, manakala 10 orang lagi cedera atau diganggu ketika junta tentera Myanmar cuba menyekat liputan mengenai demonstrasi pro demokrasi.

Turut ditangkap ialah Min Zaw koresponden akhbar harian Jepun Tokyo Shimbun dan tiga wartawan muda Myanmar yang tidak dibenarkan berkomunikasi dengan orang lain. Dilaporkan juga lebih 1,500 orang termasuk wartawan ditahan. Sumber rasmi juga dua, tiga hari kemudian melaporkan beribu-ribu mayat sami Buddha dijumpai terapung di sungai-sungai utama di Rangoon dan ini pada saya memerlukan satu perbincangan khusus dan Parlimen Malaysia seharusnya menentukan sikap kita terhadap apa yang berlaku di Myanmar demi menjaga kestabilan di rantau ini. Sekian saya mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat bagi Kawasan Kubang Kerian pada hari Rabu 17 Oktober 2007. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat, pada hari ini saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati:

- (i) bahawa perkara itu adalah perkara tertentu - saya dapati perkara ini adalah perkara tertentu;
- (ii) ia merupakan kepentingan orang ramai - saya juga dapati bahawa perkara ini adalah untuk kepentingan orang ramai; dan
- (iii) berkehendak disegerakan.

Saya difahamkan kerajaan amat prihatin dengan keadaan di Myanmar dan usaha-usaha ke arah pendamaian antara pihak-pihak berkenaan sedang dilakukan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Malaysia akan terus menggesa Myanmar melalui ASEAN dan juga secara dua hala supaya langkah-langkah positif ke arah mencapai pendamaian di Myanmar dapat dicapai. Perbincangan mengenainya tidak perlu disegerakan. Oleh yang demikian, saya menolak usul ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2).

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2008****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2008**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2008 dibacakan kali yang kedua sekarang dan bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah buah Majlis.”

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada empat puluh lapan bilion satu ratus lapan belas juta dua ratus enam puluh sembilan ribu ringgit (RM48,118,269,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2008, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Bajet Persekutuan 2008, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 13 Tahun 2007, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersementaraan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut. **[12 September 2007]**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, perbahasan mengenai bajet akan terus dijalankan, kita hanya tinggal lima hari sahaja lagi dan hanya baru 10 orang telah berucap, berbahas. Oleh itu Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, yang ingin bahas, saya harap akan dapat membahaskan perkara ini, bajet ini dengan tepat, padat dan pendek supaya dapat diberi peluang oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain untuk sama-sama berbahas pada bajet ini. Saya jemput Yang Berhormat daripada Jasin kalau dapat dalam masa 20 minit untuk berbahas, silakan.

11.35 pagi.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Hari Raya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk membahaskan tentang Bajet 2008. Saya memulakan untuk meminta kerajaan supaya melihat balik kerana pada hari ini kita lihat Tuan Yang di-Pertua, banyak peristiwa berlaku dalam negara yang melibatkan kematian baru kerajaan hendak menjalankan Ops. Operasi ini, operasi itu.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Yang terakhir ini, negara dikejutkan dengan peristiwa feri terbakar. Feri daripada Mersing ke Tioman yang membuatkan beberapa orang telah meninggal dunia dan ketika itulah Kementerian Pengangkutan baru sibuk hendak menjalankan operasi, hendak memeriksa bot, hendak memeriksa feri. Begitu juga dengan peristiwa *accident* bas ekspres sebelum bulan Ramadhan yang lepas dan ketika itulah juga baru kita hendak isytiharkan operasi untuk memeriksa keadaan bas, keadaan *driver* dan sebagainya.

Saya hendak minta kepada kerajaan, ini sepatutnya tak perlu ada operasi, operasi ini harus diadakan sepanjang masa untuk memastikan segala pengangkutan-pengangkutan di dalam negara kita ini sentiasa baik. Saya pun tak tahu Yang Berhormat Dato' apabila feri ini terbakar dan orang meninggal barulah didapati bahawa feri ini tidak mempunyai lesen. Walhal mengikut syarat daripada *Malaysian Shipping Ordinance*, bahawa tiap-tiap tahun feri-feri ataupun segala kapal dagangan ataupun yang bawa penumpang juga tak lari daripada kerja-kerja pemeriksaan. Contohnya macam pergi Puspakom untuk lori, kapal pun kena ada ini semua. Ini ada sampai mengatakan bahawa sudah lebih setahun kapal ini tak diperiksa dan tidak mempunyai lesen dan apabila tidak mempunyai lesen, berlaku pula *accident*, bagaimana tuntutan berkenaan dengan insurans kepada mangsa-mangsa ini. Oleh yang demikian saya berharaplah kepada kerajaan, janganlah hendak menunggu sampai kehilangan nyawa manusia barulah kita hendak ambil tindakan dengan mengadakan operasi-operasi.

Baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, saya pun banyak juga berjalan pada musim raya ini. Saya pun hairan, saya pun hairan melihat bagaimana keadaan bas-bas bukanlah sahaja bas ekspres, tetapi bas-bas yang mengangkut penumpang-penumpang ini yang berada di jalan raya kita, saya difahamkan bahawa bas-bas ini mesti menjalankan pemeriksaan Puspakom tiap-tiap enam bulan. Kalau dia menjalani Puspakom tiap-tiap enam bulan, masakan bas ini boleh berasap macam serumbu kilang Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat *something is wrong* dengan izin *some way* dekat Puspakom ini Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat, saya yakin dan saya minta supaya Kementerian Pengangkutan kaji balik sama ada monopoli untuk memeriksa kenderaan yang ditugaskan oleh Puspakom ini masih relevan ataupun tidak.

■ 1140

Saya tengok di Melaka, sebagai contoh yang duduk di dalam laporan *Auditor General*, di Melaka kita ada *bus station* yang terancang di Malaysia, Melaka Central, semua sekali penumpang tempat duduk yang enak, *air-conditioned* tetapi basnya buruk. Ini mengikut laporan. Laporan daripada *Auditor General*. *Bus station*nya cantik tetapi bas yang mengambil penumpang, baik *town bus* ataupun bas yang menghantar ke pekan-pekan yang sekitar negeri Melaka didapati buruk. Saya kira kerajaan juga kena ambil perhatian ini. Kita kena hadkan umur bagi bas-bas ini. Kita kaji dan kita jangan dengar sangat permintaan daripada persatuan-persatuan lori, persatuan-persatuan pengusaha bas ini yang hendakkan bas ini 15 tahun, 20 tahun umurnya.

Hari ini Malaysia sudah masuk era di mana kita hendak pergi ke negara maju. Yang ini untuk pengangkutan awam ini harus kita perhatikan dan kita kena hadkan segala pengangkutan untuk awam mesti ada mempunyai hadnya kerana ini akan melibatkan kehilangan nyawa sekiranya berlaku kemalangan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membuat satu perkara berkenaan dengan pencemaran alam Laut Selat Melaka kerana didapati pada hari ini tidak kurang daripada 62,621 kapal yang melalui Selat Melaka. Ini mengikut data tahun 2005 dan 2006 dan membuatkan Selat Melaka adalah selat yang paling sibuk di dalam dunia.

Namun begitu dalam masa yang sama, Tuan Yang di-Pertua, kita melihat banyak kes di mana kapal-kapal ini mengambil kesempatan untuk membuang minyak-minyak kotor di laut dan membuatkan pada hari ini nelayan di pesisiran pantai dari Johor sehingga ke Perlis menghadapi masalah kerana didapati bahawa oleh kerana laut kita sudah tercemar, maka susah hendak mendapat ikan. Hari ini, orang Melaka, Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan memakan ikan yang diimport daripada Thailand, yang diimport daripada negeri-negeri Terengganu ataupun di Pantai Timur disebabkan pada hari ini laut kita sudah tercemar.

Yang menyedihkan bahawa pada tahun 2000 sehingga 2005, ada 144 kes yang mana kapal-kapal melepaskan minyak-minyak kotor, *illegal discharge* oleh kapal-kapal ini dan daripada 144 kes, hanya 108 kes sahaja yang dicaj di mahkamah. Sehingga hari ini, hanya 14 kes sahaja yang didapati salah dan *fine* yang dikenakan amat menyedihkan – RM10,000 sehingga RM25,000 – hanya tiga kes sahaja yang mana satu kes itu *finenya* RM100,000 dan dua kes yang mana *finenya* RM120,000. Tetapi apabila berlakunya pencemaran, kerajaan terpaksa belanja berjuta-juta ringgit untuk hendak membersihkan balik pencemaran yang sedang berlaku.

Begitu juga apa yang berlaku di Kuala Linggi yang mana *dichampionkan* oleh parti pembangkang, mahu PAS ataupun DAP. Bukan main menjadi *champion* lagi, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan khinzir yang berlaku dekat Kuala Linggi. Runding punya runding punya runding, hari ini alhamdulillah, Tuan Yang di-Pertua, perkampungan-perkampungan yang lain ini sudah tutup. Hanya babi ataupun khinzir hari ini bertumpu kepada Paya Mengkuang dan sehingga semalam, saya dimaklumi oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, masih ada 117,000 ekor yang mana kawasan itu hanya mampu menampung 48,000 ekor sahaja.

Pencemaran yang berlaku pada hari ini mengikut daripada Jabatan Alam Sekitar, tidak kurang daripada RM20 juta diperlukan untuk menyelesaikan masalah pencemaran yang berlaku di pantai Kuala Linggi. Saya pun hendak tanya kepada kerajaan, lebih-lebih lagi *income tax* kerana pada hari ini memang kita akui bahawa industri khinzir di Melaka adalah satu tahun industri ini RM200 juta punya industri dan memberi pekerjaan kepada 500 orang. Memang kita akui tetapi saya hendak tanya *income tax*, berapakah cukai pendapatan yang telah dibayar oleh pengusaha-pengusaha khinzir ini yang mana pada hari ini kerajaan terpaksa membelanjakan lebih daripada RM30 juta untuk hendak menyelesaikan masalah alam sekitar.

You ketawa dan saya juga merasa amat sedih pada sebelum Ramadhan itu, Ahli daripada Pengkalan Chepa mengatakan bahawa Kerajaan Negeri Melaka amat zalim. Kononnya khinzir ini adalah benda hidup, mengapa hendak dibunuh, hendak diambil tindakan. Saya hendak beritahu Pengkalan Chepa, masalah yang berlaku dekat Melaka pada hari ini berkenaan dengan khinzir ini, bukan sahaja telah memusnahkan alam sekitar tetapi telah mencemarkan udara sekitar kampung di kawasan itu.

Kalau menyidai baju atau membasuh baju, kalau letak di sidaian, Tuan Yang di-Pertua, datang angin tiup, baju itu pun akan berbau khinzir. Kalau orang hendak sembahyang, angkat takbir, hendak tarik nafas pun tidak berani kerana berbau khinzir. Kalau inilah juga yang hendak diperjuangkan oleh PAS, hari itu saya sudah bagikan kepada Ipoh Timor 5,000 ekor, Bukit Mertajam 5 ekor, kali ini eksport ke Pengkalan Chepa 10,000 ekorlah. Tahulah kalau esok dapat jumlah itu, tahulah esok bagaimana keadaan yang dihadapi oleh rakyat negeri Melaka di kawasan ini.

Oleh yang demikian saya berharap kita tidak pernah menghalang untuk mereka hendak memelihara tetapi kita kena ambil tindakan. Kalau sebagai ahli politik mahupun pembangkang ataupun penyokong kerajaan, ini masalah penghidupan rakyat 25,000 orang di Kuala Linggi ini, marilah kita sama-sama menasihatkan kepada penternak-penternak ini supaya mengikut peraturan dalam hendak memelihara ataupun hendak menternak khinzir ini kerana kalau ini kita tidak jaga, maka alam sekitar di kawasan itu akan terus tercemar, apatah lagi pada hari ini udara pun sudah tercemar.

Di negeri maju, di Denmark, mereka adalah pengeluar khinzir yang terbesar di Eropah, mengapa masalah bau dan alam sekitar tidak berlaku di sana kerana ia menggunakan *facilities* yang moden dan sudah sampai masa dan ketikanya, supaya penternak-penternak kita yang ada di Melaka ini, gunakanlah kaedah yang sama. Ini tidak hendak, hendak ambil tahu untung sahaja tetapi tentang kebajikan dan juga masa depan rakyat di kawasan itu tidak diambil kira yang akhirnya orang akan menanggung masalah-masalah dan pada hari ini banyak rungutan daripada peniaga-peniaga.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Apa pasal Tangga Batu?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Hendak tanya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Hendak tanya? Pasal dia ini, Tuan Yang di-Pertua, dia dahulu Yang Dipertua Majlis Perbandaran Alor Gajah, tempat khinzir ini dipelihara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Yang Berhormat Jasin, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Jasin beri pengiktirafan pada saya serupa dengan pengendali *blog* yang satu itulah yang mengatakan hari ini di Alor Gajah ada 150,000 ekor lebih babi ini oleh kerana saya dahulu membiarkan mereka ini menternak babi. Salah satu

daripada *bloglah* yang menyatakan saya orang yang bertanggungjawab, Tuan Yang di-Pertua. Itu tidak kisahlah, itu *beside the point*.

Tetapi saya hendak tanya Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Jasin pun biasa juga dengan ladang ternakan babi ini kerana hendak pergi ke tempat kerja dia, lalu situ tiap-tiap hari. Yang Berhormat Jasin, saya banyak berbincang dengan pihak kerajaan negeri sepanjang cuti raya ini, sambil kita bercerita pasal raya, kita juga bercerita pasal babi di Melakalah.

■ 1150

Antara yang menarik perhatian ialah tauke-tauke babi ini Yang Berhormat Jasin, ada seorang tokeh babi ini telah menuntut, telah *claim* kepada kerajaan ini mengatakan dia telah memperolehi keuntungan yang banyak. Apabila ditanya tokeh babi ini sanggupkah duduk di kawasan babi ini, dia kata “*no way, dengan bau yang busuk dan sebagainya, saya tidak sanggup*”, dia kata. Bila ditanya mengapa kamu menternak babi di kawasan ini? Tuan Yang di-Pertua dia kata, penduduk kawasan setempat, 85% daripada orang-orang Melayu ini begitu *tolerance*, semangat toleransinya begitu tinggi. Pernah satu ketika dia kata, babinya terlepas, orang Melayu telefon, dia kata “*Chia, you punya babi terlepas, pergi ambil balik*”, di tengah-tengah majlis perkahwinan dan sebagainya. Ini adalah senario yang berlaku Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Jasin,

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [*Menyampuk*]

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Dengarlah sini Seputeh, janganlah kacau saya hendak berucap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat teruskan, tak payah layanlah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya tidak layah Seputeh ini, tetapi hari ini dia pakai lawa sikit, tak apa kita boleh layan.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya kepada Yang Berhormat Jasin ialah bolehkah Yang Berhormat Jasin membayangkan contohnya di kampung saya dahulu, di Kampung Relau Asahan ada kawasan ternakan babi. Tetapi hari ini disebabkan oleh ledakan pembangunan di kawasan, ternakan babi ini *face out*, sedikit-sedikit sudah jadi tiada. Dan kita percaya kawasan Masjid Tanah ini akan jadi satu kawasan pembangunan yang pesat satu hari nanti. Jadi oleh sebab keperluan pembangunan, kawasan ternakan babi akan menjadi kawasan pembangunan dan penternak-penternak babi terpaksa melupakan kegiatan mereka menternak babi. Adakah Yang Berhormat Jasin boleh bersetuju dengan saya? Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Saya yakin kerana cara kebetulan seperti Tangga Batu pun sedia maklum, kita mempunyai pantai yang indah. Daripada Tanjung Bidara terus sampai ke Kuala Linggi yang boleh menjadi satu tarikan pelancong. Pada hari ini juga di kawasan itu juga telah didirikan chalet-chalet dan restoran-restoran dan saya ingat kalau

penternak-penternak ini hendak tukar dia punya profesion, saya rasa industri pelancongan juga akan menghasilkan hasil yang lumayan,. tetapi kalau masalah ini tidak diatasi, saya penuh yakin dan percaya chalet-chalet yang ada, restoran-restoran yang ada akan gulung tikar. Begitu juga dengan keadaan hotel yang begitu cantik di Tanjung Bidara, kalau ini tidak diambil tindakan, air sungai pada hari ini telah tercemar, dan juga kita sudah ambil sampel-sampel air dekat tepi-tepi pantai di Tanjung Bidara, didapati bahawa hitam keladak. Bagaimana? Bagaimana industri pelancongan di situ akan hidup?

Jadi saya berharap, ya sila Seputeh, apa lagi you hendak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Seputeh sila.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, saya hendak tanya yang kawasan disebut oleh Yang Berhormat itu, adalah agak jauh daripada tempat pelancongan. Jadi saya memang tidak faham, kalau ladang penternakan sama ada babi ke, ayam ke, monyet ke atau apa-apa tentulah busuk. Jadi inilah tanggungjawab kerajaan negeri untuk memberi kemudahan kepada mereka, membantu mereka untuk menjaga alam sekitar, mengadakan satu sistem pengairan ke, yang lebih baik untuk penternak babi itu. Kenapakah industri itu harus dikorbankan? Adakah ini sejajar dengan prinsip dan jiwa Islam Hadhari yang mengorbankan satu industri yang merosakkan periuk nasi orang di situ bergenerasi.

Jadi Yang Berhormat tidak makan babi, tetapi ada orang lain yang makan dan mereka semua adalah pembayar cukai kepada kerajaan. Kenapakah Ketua Menteri Melaka begitu degil dan begitu keras atas isu ini? Jadi saya rasa yang alasan pelancongan itu memang tidak *valid*, mereka sepatutnya dipindahkan ke kawasan lain. Kalau itu tempat penternakan babi, adalah tanggungjawab kerajaan negeri untuk membantu mereka.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Seputeh. I ingat you pun tidak tahu kawasan itu, saya lebih tahu. You pergi malam-malam, saya tahu you ada *dinner*, selepas itu you mengapi-apikan orang kampung di situ dengan strategi 13 Mei.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: I pergi pada waktu pagi, ada tunjuk perasaan di sanalah, saya tahulah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Mengapi-apikan orang kampung,, mengapi-apikan penternak-penternak dan kawasan-kawasan itu, itu kerja you tetapi ini kerja kami Barisan Nasional. Air dah tercemar, sungai dah tercemar, laut dah tercemar dan kita sudah bagi kebenaran, yang kita benarkan untuk menternak 48,000 ekor, tetapi mereka ambil kesempatan ini menternak tiga kali ganda daripada itu. Kalau dia hendak buat yang besar boleh tetapi dia *upgrade* lah kandang-kandang itu mengikut apa yang piawaian-piawaian yang ada di Eropah, kau *upgrade* lah, tetapi tidak.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Air-air itu sewenang-wenangnya keluar ke sungai, air-air itu keluar ke laut membuatkan sungai itu hitam, laut pun hitam. Ya sila Batu Gajah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Jasin, sejak sesi yang lalu sebelum kita *break* untuk puasa, berulang-ulang dengan sebab mengapa *pig farming* ini harus ditutup. Tetapi Barisan Nasional boleh di bawah kepimpinan UMNO, mengapa tidak boleh membantu mereka menangani masalah alam sekitar, masalah tanah. Jadi Yang Berhormat sangat bahaya, pandangan Yang Berhormat, fikiran Yang Berhormat yang menjurus untuk menghapuskan hak-hak mereka minoriti ini. Dan tadi Yang Berhormat kata bahawa kain-kain yang dijemur, dikotori bau-bau oleh khinzir ini, jangan lupa ini adalah masyarakat berbilang kaum.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Betul.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tanpa mengira bangsa dan agama harus memberi bantuan. Mengapa tidak? Kalau sebegitu wang, duit yang pernah dipegang oleh penjual khinzir, daging khinzir, apakah ini juga tidak boleh dipegang oleh kaum-kaum yang lain?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tidak boleh, tidak boleh.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jadi sangat bahaya dan pihak minoriti ini jangan lupa mereka menjual juga daging khinzir di pasar dan juga sebenarnya sepanjang masa telah mengambil langkah untuk memastikan bahawa mereka

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Sudah-sudah, saya sudah faham., Duduk, sudah faham.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: juga menghormati kaum lain. Kalau cakap macam itu, daging-daging lembu mengapa pihak kerajaan semasa majlis dalam acara juga dihidangkan. Dalam aspek itu, bagaimana kita boleh hidup dalam masyarakat berbilang kaum kalau kita ada ahli politik, ahli Parlimen yang berfikiran sedemikian, sangat bahaya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat ya.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Barisan Nasional boleh beri peruntukan bantu mereka, bukan hapuskan kehidupan mereka.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Boleh, siapa kata tidak boleh. Batu Gajah ambil 20,000 ekor bawa balik.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ulang-ulang alam sekitar, ulang-ulang masalah tanah, ulang-ulang kerana tidak ada lesen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tak bagi jalan. Jasin teruskan.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Bagilah peruntukan, bantu mereka, mereka adalah warganegara Malaysia juga.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Betul, betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sila duduk Batu Gajah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Betul, tetapi jangan cakap tentang hak minoriti, apakah perasaan majoriti? Di Alor Gajah, di kawasan itu ada 20,000 manusia, bangsa

Cina baru 2,000. Apa kata lagi 18,000 orang? You kena ambil kira itu semua. Jadi oleh yang demikian, 20,000 diserahkan kepada Batu Gajah, yang jantan-jantan, yang besar-besar itu bagi.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, ini kita bukan nak timbangkan nak cakap fasal kita tidak mengizinkan dia menternak, kita izinkan, tetapi ikutlah peraturan. Alam sekitar mestilah dijaga,

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tunggu dulu Seputeh, saya hendak cakap lagi. Jadi saya ini Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab masa tiada, saya hendak ambil kesempatan hendak menjawab soalan yang dikemukakan oleh Seputeh kerana saya memang lalu di kawasan itu hari-hari kerana pelabuhan saya di hujung Kuala Linggi. Saya hendak beritahu kepada dia, dia jangan hendak menuduh mengatakan saya ini penyeludup. Yang sebenarnya saya hendak beritahu, saya hendak tunggu masanya hendak menerangkan kerana pada masa dulu, surat khabar pun ada biaskan sikit pada saya. Saya hendak beritahu dia bahawa saya adalah Binyu Sof Enterprise adalah *shipping agent*. Dalam masa yang sama, kita juga pengendali pelabuhan, port operator dan *barter trade* yang membawa kayu ke Melaka. Bukannya orang Melaka ataupun saya pergi kepada Indonesia tebang kayu di sana, seludup masuk ke Malaysia, tidak.

■ 1200

Barter trade yang ada dekat Melaka ini sudah berkurun. Orang Indonesia bawa kayu datang ke Melaka. Saya pengendali pelabuhan. Saya tidak membeli, saya *facilitate*, saya menjadi *shipping agent* untuk *declare*kan barang daripada *traders* Indonesia ini kepada kastam. Kalau didapati salah undang-undang, merekalah yang disalahkan, yang tukang bawa. Saya ini hanya agen jadi kerja saya ini lebih kurang macam Yang Berhormat Bukit Gelugor punya kerja *lawyer*, penyamun datang *hire* dia, penyeludup dadah pun pakai dia, pembunuh pun pakai dia.

Kalau dia bela pembunuh dalam mahkamah, dia pembunuhkah? Kalau dia membela penagih dadah dalam mahkamah, dia penagih dadahkah? Kalau dia membela pengedar dadah dalam mahkamah, dia pengedar dadahkah? Serupa macam saya. Saya hanya *shipping agent* yang duduk di situ, mereka minta saya sebagai *shipping agent declare*kan barang ini dekat kastam.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Minta jalan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Kalau tertangkap, tersalah, dia yang kita tangkap, dialah itu. Sila bijak pandai konon.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukit Gelugor, ya.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Jasin, tidak faham apa sistem perundangan. Apabila seorang peguam jadi peguam bagi pihak yang dituduh membunuh, pengedar dadah, itu bukan bermakna dia ada bersalah. Satu perbicaraan apabila saksi-saksi pengakuan ada memberi keterangan dan selepas itu saksi-saksi pembelaan.

Saya bukan sebagai *lawyer* mempertahankan orang yang membunuh, orang yang mengedar dadah tetapi apabila tidak ada keterangan, tidak ada bukti seseorang itu bersalah, itu tanggungjawab saya sebagai peguam untuk membela dia, adakah dia faham itu.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Saya faham Bukit Gelugor. Saya hendak menyatakan kepada Dewan Yang Mulia ini kepada Seputeh yang kelabu asap ini, yang tidak faham, kedudukan saya serupa macam Yang Berhormat. *Traders* datang menggunakan perkhidmatan saya sebagai *shipping agent* dan juga menggunakan kemudahan dekat pelabuhan saya, adakah saya jadi penyeludup? Adakah saya jadi itu? Janganlah Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya hendak tanyakan jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat sekejap tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, hendak bagi jalankah Yang Berhormat? Hendak bagi jalan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tak ada, saya tidak hendak bagi jalan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Sini ada sebut...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Seputeh,... sila, ya Yang Berhormat, teruskanlah kalau tak bagi jalan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Sini ada sebut tentang tindakan diambil terhadap agen penghantaran, jadi saya hendak tahu syarikat Yang Berhormat terlibatkah. Adakah salah satu daripada enam syarikat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Seputeh, dia tak bagi jalan. Seputeh, sila duduk Seputeh. Sila duduk.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Saya tidak terlibat. Saya hanya *port operator*, faham tidak? Serupa juga macam *lawyer*, orang bunuh, kita *defend*, kita pembunuhkah? Serupa juga keadaan saya. *Your profession is a lawyer* dengan izin. *My profession is a shipping agent and a port operator*. Orang tidak datang menyeludup, mereka datang terang-terang masuk di dalam pelabuhan yang disahkan tetapi oleh kerana barangan yang dibawa ini, didapati oleh kastam melanggar undang-undang, dia yang salah, dia yang pergi *jail*, bukan Binyu Sof.

Habis, kalau yang dibela oleh Bukit Gelugor tadi, orang yang membunuh didapati bersalah, dia masuk *jail*, Bukit Gelugor masuk *jail*kah? Fahamlah, tak fahamkah?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat, kalau benda itu dadah, adakah Yang Berhormat

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Seputeh, Seputeh dia tak bagi jalan. Dia tak bagi jalan, sila duduk Seputeh, ikut peraturanlah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tak ada. Tak ada.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tolong edarkan itukah?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tak ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Seputeh!

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Kalau kayu balak itu *illegal*, tidak memenuhi kehendak

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk Seputeh. Teruskan Jasin. Ya, Jasin teruskanlah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Saya minta maaf. Janganlah, kalau tak cukup ini, jangan hendak bertekak dengan saya. Janganlah main-main soal-soal ini, jadi Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kala apa yang berlaku dalam peristiwa saya hari ini, saya berdiam diri.

Saya hendak tunggu peluang yang sebesar ini untuk menjawab balik dan saya pun agak hendak yang dihebahkan Seputeh tadi, saya pernah bercakap dalam Dewan Yang Mulia ini, kementerian kena buat sesuatu kerana yang pada hari ini yang datang, kayu-kayu daripada Indonesia datang ke pelabuhan Melaka dan pelabuhan Johor, Yang Berhormat, hanya tongkang-tongkang kecil.

Di Singapura, kapal besar-besar, mengapa tak keluar dalam *report* antarabangsa ini? *I think you got to do something, some homework*, yang memburuk-burukkan kerajaan Malaysia ditambahkan pula daripada DAP yang sama-sama memburukkan negara kita. Kita sendiri yang buka, semalam surat khabar New Straits Times

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat, kalau tak ada buku ini, saya boleh bagi, Singapura juga dibangkitkan, disiarkan dalam buku ini.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Apa pasal tak cakap Singapura? Mengapa Malaysia sahaja?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ada, ini Malaysia, Parlimen Malaysia.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, yang lain sila duduk.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ini soal-soal perdagangan, perdagangan, kita kena ambil tahu. Semalam Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor pun sudah mengatakan bahawa pada hari ini Negara China sudah mengatasi tentang perabot. Betul Yang Berhormat! Hari ini oleh kerana perabot dekat dalam negara kita yang dahulu terkenal, Muar terkenal sebagai pengeluar perabot yang terbesar di Malaysia dan juga di Asia, pada hari ini kita sudah kalah kerana kita tidak cukup kayu dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor telah mengatakan bahawa kerajaan negeri akan membuat persiapan untuk mengimport kayu daripada Indonesia untuk memastikan bahawa kilang-kilang kita, pekerja-pekerja kita mempunyai pekerjaan.

Tentang kalau kayu ini datang ke dalam negara kita, patut kita kena *welcome*. Ini memberi hasil dalam negara, yang dikemukakan Seputeh punya entah tidak tahu dia punya otak entah macam manalah. Kalau kayu itu datang dalam negara kita, peluang berniaga bagi

kita, kita buat perabot, kita buat apa semua lepas itu kita eksport kan menguntungkan negara? Yang dipertikaikan buat apa?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Kalau kayu balak itu tidak memenuhi kehendak, peraturan kastam, jadi ini memang tidak sah. Ini memang salah bagi dia untuk ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Seputeh, dia tak bagi jalan. Seputeh, dia tak bagi jalan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Sebenarnya Seputeh ini Yang Berhormat Jasin, dia mempunyai niat yang busuk terhadap Yang Berhormat Jasin. Dia ada niat yang tak baik.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Niat tak baik, memang saya tahu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Itu sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Lepas itu dia cakap kita tunggu pilihan raya. Saya hendak cabarkan dia kalau Seputeh berani datang kalau Jasin bertanding dalam pilihan raya akan datang. Baru tahu tengok nasib engkau. Dekat sini bolehlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jasin, habiskan jawapan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak pergi lagi kepada suatu perkara. Saya hendak pergi satu perkara lagi berkenaan dengan keadaan kewangan negara kita. Saya tengok akhir-akhir ini, kita lihat di dalam *annual report*, semua bank telah menyatakan bahawa dia untung besar, bilion-bilion ringgit yang di untungkan oleh bank tetapi yang saya sedih Tuan Yang di-Pertua, sebelum bulan Ramadan hari itu kerana Bulan Ramadhan saya tak ada sini.

Saya tengok di dekat bank itu kerani-kerani bank, kaunter itu menggunakan lencana mengatakan bahawa bank merompak bonus-bonus mereka. Apa dah jadi ini. Untung berbilion ringgit tetapi kebajikan pekerja ini bank langsung tak jaga.

Kalau untung berbilion ringgit kenapa tidak boleh bagi bonus yang secukupnya bagi kakitangan dia. Ini langsung tidak ambil hal. Yang dia tahu bahawa *director-director* bank ini mendapat imbuhan yang paling banyak. Yang satu lagi Tuan Yang di-Pertua, saya dimaklumi oleh rakan-rakan saya, mana dia pergi bank pun hari ini, dia kena tukar duit hendak bayar gaji, hendak bayar apa, kebanyakan bank ini bagi duit yang kebanyakan *nomination* yang RM50.

Kalau RM20,000 pun RM50 sampai empat ketul. Bila empat ketul ini hendak masuk dalam kocek tak cukup tempat, terpaksa pakai *envelop*. Akhirnya apabila keluar daripada bank dengan *envelop* yang begitu besar, perompak ikut kereta dia. Perompak ikut kereta dia Tuan Yang di-Pertua.

Bank ini sekarang ini mengapa hanya RM50 sahaja dia bagi dan kebetulan pula negara kita pula wang yang paling besar ialah RM100. Saya kira sudah sampai masa dan ketikanya oleh kerana dahulu kita menghadapi masalah kewangan yang begitu tenat, begitu teruk membuatkan bahawa kita kerajaan mengambil tindakan untuk menghapuskan not RM500 dan RM1,000.

■ 1210

Saya minta kerajaan untuk menimbang balik supaya paling tidak kita ikut Arab Saudi, dengan adanya *note* 500 rial ataupun RM500 dan RM200. Hari ini, Tuan Yang di-Pertua, gaji kakitangan kerajaan pun sudah naik. Kerani besar pun gajinya sudah RM3,000, kalau duit RM50 itu masuk ke dalam kocek macam ini tebalnya, Tuan Pengerusi, tetapi kalau *note* RM500 cuma lima, enam helai sahaja. Dari segi keselamatan pun ia boleh ditaruh dalam beg.

Oleh yang demikian, saya berharap supaya kerajaan kaji balik supaya *note nomination* ringgit ini dikembalikan balik. Mungkin RM1000 terlampau banyak tetapi *note* RM500 diadakan dan ditambahkan lagi *note* RM200 supaya mudah bagi orang hendak bergerak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskan, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tuan Yang di-Pertua, saya ada panjang lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masa sudah habis, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya sudah beri lebih masa. Cukuplah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Boleh gulung?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Sebelum saya menggulung, Tuan Yang di-Pertua, ini berkenaan dengan harta bumiputera. Dalam bajet yang sudah dan juga dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan telah mengadakan tabung ini dan tabung itu, tetapi pada hari ini saya telah ditemui oleh beberapa orang peniaga di Kuala Lumpur. Amatlah mendukacitakan sekali di KLCC pada hari ini, kita dapati bahawa banyak kedai yang dimiliki oleh kaum bumiputera terpaksa ditutup dengan sewa yang begitu mahal iaitu RM20,000 hingga RM30,000. KLCC siapa yang punya? Petronas yang punya. Takkanlah tidak boleh *social obligation* sedikit kepada peniaga-peniaga kita?

Begitu juga dengan UDA, Tuan Yang di-Pertua, yang mana tujuan dan maksudnya ialah untuk menambah pemilikan harta orang Melayu dalam bandar, tetapi di Kompleks UDA, PERTAMA, berapa kerat sahaja yang ada peniaga-peniaga Melayu? Mereka ini ialah yang duduk menyewa dengan UDA daripada dulu sampai sekarang dan yang mendukacitakan saya ialah mereka ini sanggup membeli unit-unit kedai daripada UDA, tetapi UDA menolak! Kalau

tujuan kita hendak menambahkan harta bumiputera, mereka yang telah berniaga dan sudah lama menyewa mengapa tidak diberikan pemilikan kepada mereka?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jasin sudah gulung, Jerai. Sudah habis masa dia.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Selamat hari raya, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya sudah beraya semalam, cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya belum beraya dengan Tuan Yang di-Pertua lagi. Terima kasih. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Jasin. Kita dapat melihat bahawa di kompleks-kompleks yang terkenal seperti di Lot 10 atau di KLCC, peniaga-peniaga bumiputera dan peniaga-peniaga Melayu ini seperti disisihkan. Ada sahabat saya yang isterinya berniaga di situ yang juga disisihkan. Berapa sewanya, Dato'?

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]: *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sewanya tidak berpatutan. Baru-baru ini ada keluar di surat khabar, seorang peniaga menjual masakan Melayu Kelantan, dia terpaksa disisihkan kerana hendak meletakkan makanan antarabangsa di situ.

Jadi, apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada kerajaan, ataupun agensi-agensinya yang telah dipertanggungjawabkan oleh kerajaan memastikan bahawa syarikat-syarikat bumiputera yang melibatkan diri dalam perniagaan dalam kompleks-kompleks yang begitu terkenal diberi peluang. Ini kerana kita tidak mahu melihat hanya satu kumpulan yang berada sahaja yang berniaga di situ, butik-butik yang begitu mahal, sedangkan peniaga-peniaga Melayu ini tersisih di tepi jalan.

Jadi, apa pandangan Yang Berhormat Jasin? Walau bagaimanapun kita dalam bulan Syawal tetapi pembelaan harus diteruskan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih, Jerai, dan saya ingin menjadikan ucapan Yang Berhormat Jerai ini sebagai sebahagian daripada ucapan saya. Sekarang ini kita lihat ramai peniaga bumiputera ini tidak ada pembelaan. Di mana UDA, di mana MARA yang bertanggungjawab untuk menambahkan bilangan harta bumiputera?

Baru-baru ini di Jasin, saya sampai berpeluh meminta dalam Mesyuarat Tindakan Daerah supaya MARA mengambil tanah untuk membuat kedai, kompleks, dan untuk membuat macam Pekan Rabu di Jasin, tetapi apa yang luluskan ialah gerai kereta tolak! Beberapa puluh, beberapa ratus gerai kereta tolak telah dihantar ke Jasin. Orang Jasin, eh, sudah tidak main kereta tolak lagi dah! Kita mesti ada gerai-gerai dan kompleks-kompleks Medan MARA supaya orang kita sudah ada peluang berniaga. Akhirnya, saya hendak minta kepada kerajaan supaya melihat perkara ini.

Akhirnya, saya sudah janji dengan Tuan Yang di-Pertua, sekejap sahaja. Baru-baru ini saya lihat macam mana saya tegur di peringkat awal tadi supaya badan kerajaan kena buat kerja ini 24 jam dan konsisten. Jangan sampai sudah ada apa-apa berlaku baru hendak ada Ops itu dan ini.

Saya lihat industri *handphone* sekarang ini, saya tengok dalam negara kita ini macam tidak ada kawalan. Saya difahamkan bahawa setahun kita berbelanja ataupun mengeluarkan duit dalam industri *handphone* ini sebanyak lima hingga ke enam bilion ringgit. Kalau lima hingga ke enam bilion ringgit seharusnya cukai kastam - kastam lagi, Tuan Yang di-Pertua. Cukai kastam kalau 10% sahaja sudah RM500 juta tetapi saya perlu yakin cukai itu lebih daripada itu.

Kalau kita lihat pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, di tingkat tiga, Low Yatt Plaza, *handphone* yang dijual kebanyakannya dipanggil AP set, yang sebenarnya adalah set-set yang diseludup. Apa yang menghairankan saya *handphone* seludup ini, kalau kita buka di dalamnya siap dengan cop SIRIM. Kalau dulu dalam Dewan ini kita hebohkan tentang logo halal boleh dibeli di mana-mana tetapi pada hari ini logo SIRIM pun boleh didapati di tepi jalan. Tidak ada satu *handphone* yang dijual di tingkat tiga Low Yatt Plaza itu yang tidak ada SIRIM, semuanya ada cap SIRIM. Kononnya bahawa ia dibuat original, tetapi itu semuanya penipuan.

Di Melaka, Mahkota Parade, TESCO atau apa sahaja kompleks yang ada itu tidak dijual secara sorok-sorok lagi, terus sahaja telefon di *display*. Semua yang di seludup dijual tanpa segan silu. Saya hendak tengok pihak penguat kuasa ini. Mengapa pihak penguat kuasa tidak ambil tindakan berkenaan dengan penyeludupan? Apa yang anehnya di Low Yatt itu, saya ada dengar cakap-cakap orang kebanyakan daripada telefon yang dijual di sana adalah telefon-telefon *secondhand* yang dibeli murah dan selepas itu ditukar *cover*nya yang berharga RM15, ditukarnya bateri yang berharga RM3 - RM4 dan ditukar apa semua. Lepas itu ditampalnya cop SIRIM di situ dan dia boleh jual dengan harga yang lebih murah daripada harga pasaran. Kalau E 90 ini belum ada lagi, Tuan Yang di-Pertua, belum ciplak lagi. Kalau model yang lama itu, kalau hari ini harganya RM1800, di Low Yatt boleh dijual dengan harga RM1400.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskan, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: ...kerana yang ini semuanya lama, hanya ditukar kulit yang baru dan ada pula cop SIRIM yang baru. Oleh yang demikian saya berharap supaya pihak berkuasa mengambil tindakan kepada peniaga-peniaga telefon yang bermaharajalela pada hari ini seolah-olah negara kita ini tidak ada langsung undang-undang ataupun penguatkuasaan undang-undang membuatkan mereka ini menipu orang ramai dengan barang-barang *secondhand* yang dikatakan baru. Dengan demikian, saya menyokong dan terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kita beri Bukit Gelugor dulu. Bukit Gelugor.

12.19 tgh.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2008.

Tuan Yang di-Pertua, ada dikatakan bahawa Barisan Nasional adalah satu kerajaan yang kuat. Satu kerajaan yang mempertahankan rakyat. Adakah ini benar?

■ 1220

[Beberapa Ahli Barisan Nasional menyampuk]

Oleh kerana Tuan Yang di-Pertua dalam Barisan Nasional ada berbagai perompak yang terdiri dalam barisan ini. Barisan Nasional ini ada 14 parti komponen dan di antara itu adalah Parti PPP. Adakah parti ini apa-apa nilai, adakah parti ini ada apa-apa sokongan daripada rakyat dalam negara?

Tuan Yang di-Pertua, Parti PPP adalah ditubuhkan oleh D.R Seenivasagam dan S.P Seenivasagam. Parti ini adalah kuat sebagai parti pembangkang dalam tahun 50-an dan 60-an. Apabila menyertai Barisan Nasional, parti ini hancur. Selepas The Seenivasagam Brothers meninggal dunia, ada beberapa perompak, *con man* sebagai SI Raja, Paramjit Singh dan baru-baru ini Kayveas. Adakah Kayveas berhak untuk mengatakan dalam PPP, dia lari kenapa dia lari sekarang Tuan Yang di-Pertua? Takut, seorang penakut. Saya cakap kalau berani, kembali, Kayveas kembali sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, panggil Ahli Yang Berhormat. Panggil kawasan dia Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Bukan itu, adalah orang penakut seperti itu dalam Barisan Nasional. Dikatakan UMNO jadi tulang belakang Barisan Nasional, apa bahagian PPP dalam pertubuhan itu? Adakah Barisan Nasional dalam Dewan yang mulia ini ahli-ahli Barisan Nasional yang bermutu? Pagi ini adalah satu soalan mengenai 'conduct'. *Conduct* rakyat – apa tauladan dalam dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, dalam satu masa Ahli Yang Berhormat dari Yan, sekarang Jerai ada menggunakan dalam Dewan yang mulia ini perkataan 'puki mak'. Sekarang Jerai, dahulu Yan, tetapi kelakuan sama tidak ada apa-apa perbezaan dan Ahli Yang Berhormat dari Kinabatangan, beliau tidak hadir hari ini, menggunakan perkataan 'bocor' terhadap Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Penjelasan Yang Berhormat, Yang Berhormat panggil orang binatang, lembu, bodoh, Yang Berhormat ingat tidak?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Itu tidak apa, 'puki mak', Tuan Yang di-Pertua, itu....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Apa pasal tidak apa, itu bahasa yang negeri, dan saya menggunakan perkataan itu kerana Yang Berhormat pada masa itu Yang Berhormat biadab dalam dewan ini, menghina bangsa Melayu, menghina bangsa saya. Kita

kena ajar orang macam ini dan sekarang Tuhan dah ajar dia Tuan Yang di-Pertua. Seorang ahli politik yang veteran tetapi tidak ada hikmah, tidak ada budi, tidak ada bahasa dan menghina negara Malaysia sebagai negara Islam. Menghina orang Melayu,

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Duduk, duduk. Tuan Yang di Petua,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Jerai, duduk Yang Berhormat Jerai

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini bukan kawasan Yang Berhormat di Gelugor. Jadi apakah saya tidak boleh mempertahankan maruah dan agama saya, bukan Tuan Yang di-Pertua, orang ini, mengungkit perkara-perkara lama. Dia panggil orang binatang, dia panggil orang macam-macam. Yang Berhormat sendiri kena bersopan santun kalau mahu ajar orang, kalau Yang Berhormat sendiri pun dah perangai macam itu dengan berkerusi roda, ini Tuhan telah tunjukkan kepada Yang Berhormat. Di atas sikap Yang Berhormat yang angkuh itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat bagi Jerai. Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Jerai, sabar.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Bukan, Yang Berhormat nak tuduh orang, perkara lama diungkit-ungkit..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat Jerai dia tidak bagi jalan, sila duduk. Ya teruskan, ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dan saya kalau mahu ungit perangai Yang Berhormat dalam Dewan ini, berapa kali Yang Berhormat dihalau, saya tidak pernah dihalau Speaker keluar Dewan. Yang Berhormat telah berapa kali dihalau Speaker keluar Dewan. Yang Berhormat berapa kali digantung daripada menghadiri Dewan. Itu sudah cukup membuktikan Yang Berhormat tidak berdisiplin, kalau nak tuduh orang.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Menyampuk]* Demokrasi dalam Dewan.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Cukupkah?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bangun]* Sambung lagi boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Jerai, Bukit Gelugor teruskan. Ya, Yang Berhormat Bukit Gelugor saya nak bagi nasihat, tidak payahlah nak ungit-ungkit hal peribadi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua saya mengatakan begitu dan saya tarik balik, apa lagi mahu diungkit-ungkit?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya sila duduk Yang Berhormat bagi Jerai.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua adakah cukup? Kalau tidak cukup keriau lagi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya cukup *[Ketawa]*. Ya cukuplah Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dalam kepala dia. Kepala Yang Berhormat sudah jem tak baik, tak baik. Tuhan qada kepada dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya pohonlah Yang Berhormat bagi Jerai, jangan menghina kepada OKU. Jangan, tak baik macam itu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kalau dia tidak menghina saya

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Boleh menggunakan apa perkara tetapi tidak boleh menghina OKU.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah sila duduk. Yang Berhormat bagi Jerai

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kalau sedar dia OKU, berbudi bahasa seperti orang OKU.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah. Saya dah bagi tahu Yang Berhormat Bukit Gelugor tidak payahlah isu-isu peribadi. Teruskan Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ini OKU sementara sahaja. Tetapi saya bagi nasihat kepada Ahli Yang Berhormat dari Jerai, bila dalam satu *court* yang seperti mana tadi, jangan panik. Jika panik lebih teruk. Di antara apa yang saya menyatakan-perkataan-perkataan saya gunakan binatang dan sebagainya, berbanding dengan perkataan 'puki mak'...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat tak baik...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: ...di mana, di mana dalam dunia ini ada perkataan seperti itu digunakan dalam mana-mana Parlimen atau Kongres-kongres lain dalam negara ini? Apabila dia menyatakan menggunakan perkataan 'puki mak'...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, tidak payahlah ulang perkataan itu....

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, dia menafikan sehingga dalam *Hansard* ada perkataan itu, dia bohong kepada Dewan apabila dia menafikan. Tarik balik, tarik balik 'puki mak', apa ini, apa tindakan ada diambil ke atas dia? Adakah dia dirujuk kepada

Committee of Privileges? Adakah itu dibuat? Adakah apa-apa tindakan diambil ke atas beliau, dia keriau tadi. Ini bukan negara Islam, ini suatu negara sekular. Ini sudah ditentukan oleh mahkamah, ada ditentukan oleh Tunku Abdul Rahman, Tun Hussein Onn dan pemimpin-pemimpin lain dalam Barisan Nasional. Apa dia mahu keriau dalam Dewan yang mulia ini.

Saya pergi ke tajuk lain Tuan Yang di-Pertua. Apa yang penting adalah untuk melihat, memeriksa apa yang terjadi kepada kehakiman? Krisis dalam kehakiman sekarang Tuan Yang di-Pertua adalah lebih teruk daripada krisis dalam kehakiman dalam tahun 1988, *is saking of Salleh Abbas*. V.K. Lingam, Tuan Yang di-Pertua, siapa ini V.K. Lingam yang boleh mempengaruhi kehakiman? Dalam tahun 1999, Tuan Yang di-Pertua dalam The Commonwealth Law Conference 1999, ucapan saya dalam mesyuarat itu, saya ada menyatakan V.K. Lingam adalah *lawyer* bagi Vincent Tan, yang lawan dengan MDG Pillay dalam satu kes *definition*,

■ 1230

Saya ada menyatakan dengan terbuka bahawa V.K. Lingam menulis sebahagian alasan kehakiman untuk Mokhtar Sidin masa itu orang yang mengendalikan kes itu. Dengan tindakan itu Tuan Yang di-Pertua tidak berani, tidak berani untuk mengambil tindakan ke atas saya menghina dua-dua ini kerana apa yang saya nyatakan adalah benar. Oleh itu hakim ini Mokhtar Sidin dan V.K. Lingam tidak berani untuk mengambil apa-apa tindakan ke atas saya. V.K. Lingam adalah seorang yang tidak ada integriti, tidak ada kredibiliti. Seorang yang boleh membuat apa-apa pun. Adakah apa-apa yang dibuat untuk kawal orang ini? Dalam klip video ini Tuan Yang di-Pertua, terus terang dia ada berhubung dengan Ketua Hakim Negara, Tun Ahmad Fairus. Tidak boleh dinafikan walaupun Ketua Hakim ini menafikan *that it was at the end of the phone* melalui Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz.

Kenapa? Kenapa Ketua Hakim ini menafikan melalui *the executive* bukan sendiri. Di mana *separation of powers*? Apakah kaliber Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz ini Tuan Yang di-Pertua? Baru-baru ini dia menyatakan mengenai klip ini Tuan Yang di-Pertua, untuk 'weasel blowers' ada *the witness protection act* apabila tidak ada akta seperti ini atau rang undang-undang seperti ini yang ada dibawa ke Dewan yang mulia ini. Dan bagi, bagi *the extension of tenure of the Chief Justice* dengan izin, dia menyatakan Perdana Menteri adalah berkuasa untuk melanjutkan *tenure* Ketua Hakim ini untuk ke satu tempoh tidak lebih daripada enam bulan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz ini tidak tahu mengenai apa jadi peruntukan perlembagaan bagi isu seperti ini. Dia tidak baca perlembagaan. Terus terang Tuan Yang di-Pertua, apabila Perkara 125 Bahagian I dan Perkara 40 Bahagian II dan dibaca bersama untuk melanjutkan *tenure* seorang hakim yang akan bersara selepas berusia 66 tahun. Yang Di-Pertuan Agong sendiri ada kuasa bukan Perdana Menteri. Tetapi itu adalah satu perkara yang *it side issue*. Panel yang ada ditubuhkan diketuai oleh bekas Hakim Besar Malaya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sebelum Yang Berhormat Bukit Gelugor masuk mengenai panel itu, adakah Yang Berhormat Bukit Gelugor bersetuju bahawa kita menghadapi mungkin satu krisis kehakiman yang baru mengenai isu melanjutkan perkhidmatan Ketua Hakim oleh kerana yang akan habis bulan ini. Dan oleh kerana ada bantahan bukan sahaja Bar Council tetapi pun di kalangan yang tertinggi termasuk di kalangan Majlis Raja-Raja. Oleh kerana Ketua Hakim yang akan habis bulan ini dalam perkhidmatan beliau sudah menjatuhkan kepercayaan orang ramai terhadap kehakiman. Dan sebenarnya dalam Malaysian Bar ada input yang baru yang menunjukkan bahawa beliau begitu tidak produktif apabila berbanding dengan Ketua Hakim dahulu Tun Salleh Abas, Raja Azlan Shah, Tun Mohd Sufian.

Tun Salleh Abas dalam sembilan tahun APAC Court adalah tulis 107 *judgment*, Raja Azlan Shah dalam sembilan tahun ada tulis 72 *judgment*, Tun Mohd Sufian dalam sembilan tahun 202 *judgment* tetapi Tun Ahmad Fairus dalam tujuh tahun dalam federal court tujuh *judgment* sahaja untuk menunjuk *unproductive, the most unproductive chief justice history in Malaysia*. Dan bukankah kita bersetuju bahawa Perdana Menteri perlu menunjuk kepimpinan beliau bahawa dengan tegas menerima bantahan bahawa tidak melanjutkan perkhidmatan Tun Ahmad Fairus sebagai *chief justice* dan melantikkan seorang *chief justice* yang berwibawa bermula 1 November.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Saya bersetuju dengan apa yang dinyatakan oleh rakan saya dari Ipoh Timor. Saya ingat lebih baik jika Ketua Hakim ini menarik balik, suruh jangan dihantar kepada Yang Di-Pertuan Agong untuk *extension* kerana dia tidak layak, tidak layak menjadi Ketua Hakim Negara. Saya cabar, saya cabar Ketua Hakim Negara ini untuk sendiri bukan melalui Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz menafikan, menafikan bahawa dia adalah orang *at the other end of the phone* dalam klip itu. Dan apa yang saya nyatakan tadi Tuan Yang di-Pertua mengenai panel yang diketuai oleh Tan Sri Haidar bekas Hakim Besar Malaya dan Mahathir Shankar dan Lee Lam Thai. Panel ini Tuan Yang di-Pertua tidak ada apa-apa kekuatan untuk menentukan tugas yang sudah diberi kepada dia telah dilaksanakan. Kenapa satu royal commission of enquiry dengan izin tidak ditubuhkan?

Dalam tahun 1988, Air Royal Commission of Enquiry lebih daripada itu Tuan Yang di-Pertua, harus ditubuhkan tetapi itu tidak dibuat oleh kerana masa itu kerajaan diketuai oleh Tun Mahathir Mohamad. Dengan izin Tun Mahathir Mohamad *single handedly destroyed the judiciary. The judiciary is not recovered since then* dan sekarang kami ada Ahmad Fairus. Dia kawan baik saya. Kami ada di Universiti Singapura bersama-sama, tetapi tugas saya dalam Dewan ini adalah untuk membongkar apa yang perlu dibongkar. Tidak kira dia kawan saya atau tidak. Panel ini ada lebih kurang enam hari dari hari ini untuk membuat satu laporan, tetapi tidak ada apa-apa bahan dalam tangan panel ini.

Adakah Tuan Yang di-Pertua, apa yang ada diberi kepada ACA oleh peguam Sivarasa mencukupi? Kenapa, kenapa mahu original? Authenticity apa yang diberi adalah terus terang tidak payah untuk ada seorang pakar untuk menentukan itu. Walaupun Tuan Yang di-Pertua, dalam kes D.P. Vijandran.

■1240

Dalam Dewan ini saya ada meminta apa yang dia buat dalam satu video lucu. Video lucu itu ada digunakan dalam Mahkamah Seksyen di Ipoh di mana saya memberi keterangan, satu pakar dari negara Jepun ada datang ke negara ini menjadi seorang yang memberi bukti dalam mahkamah itu dan menunjukkan itu adalah video lucu yang sah, bukan satu video yang tidak autentik.

Adakah V.K. Lingam sendiri Tuan Yang di-Pertua menafikan dia ada dalam video klip itu, kenapa dia tidak berani menafikan? Jika dia tidak menafikan dan oleh sebab dia tidak menafikan sampai hari ini boleh dikatakan bahawa dia yang ada dalam video klip itu.

Jika itu Tuan Yang di-Pertua tidak ada apa-apa yang menghalang video klip itu boleh digunakan dalam mahkamah. Apa isi kandungan, isi kandungan percakapan V.K. Lingam dalam *video clip* ini menjatuhkan maruah kehakiman itu sendiri Tuan Yang di-Pertua, menjadi satu kesalahan hasutan. *It is sedition under the Sediton Act*. Kenapa Peguam Negara tidak mengambil apa-apa tindakan ke atas dia? Tidak payah menentukan siapa yang ada *at the other end of the phone* dan dalam apa yang hendak dibincangkan oleh V.K. Lingam ini Tuan Yang di-Pertua dalam klip ini, nama seorang Menteri, Tengku Adnan Tengku Mansor masa itu Timbalan Menteri, sekarang Menteri Pelancongan. Nama dia ada digunakan sebagai orang tengah untuk menentukan hakim-hakim ada dilantik dan ada diberi kenaikan pangkat.

Adakah ini dinafikan oleh Tengku Adnan? Dia seorang konco Mahathir Mohamad masa itu. Adakah Perdana Menteri mengambil apa-apa tindakan ke atas dia, pecat dia daripada Kabinet kerana dia tidak menafikan apa yang dikatakan oleh V.K. Lingam mengenai peranan dia dalam apa yang dikatakan oleh V.K. Lingam. Saya cabar V.K. Lingam ini untuk menafikan kepada umum bahawa dia adalah dalam klip itu. Tidak payah hantar klip itu kepada pakar di Hong Kong kerana tidak ada satu keperluan untuk buat itu. Buat satu pertuduhan, *sedition* atas V.K. Lingam.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Mohon penjelasan.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Atas apa Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor kata bahawa ini merupakan satu *sedition*, satu kesalahan yang serius Lingam *tape* dan memandangkan bahawa sampai sekarang ini sudah lebih satu bulan bahawa Tun Ahmad Fairuz yang dikatakan adalah *the other hand of the phone conversation* dan Tengku Adnan adalah menteri yang terlibat, bukan sahaja tidak buat apa-apa penafian, tetapi tidak ada buat laporan polis yang menunjukkan mereka mengakui. Oleh sebab ini, kalau tidak benar sekurang-

kurangnya buat laporan polis oleh mereka dan bukannya ini menunjukkan bahawa ia satu pengakuan.

Kedua, adakah Yang Berhormat setuju bahawa tindakan ACA yang mahu beri satu arahan kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim dan kedua-dua orang yang lain untuk mengeluarkan *tape* yang sepenuhnya atau tidak akan ambil tindakan, halau mereka untuk mendakwa mereka termasuk boleh penjara mereka, yang sebenarnya satu *cover up* dan bukan untuk siasat *provision of the court of justice* yang dibongkar oleh Lingam *tape*.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tidak boleh dinafikan. Tuan Yang di-Pertua, *the silence* dengan izin, of Tengku Adnan Tengku Mansor *condemn it*, itu mencukupi. Bagi apa yang dinyatakan oleh rakan saya dari Ipoh Timor, apa yang terjadi adalah ini Tuan Yang di-Pertua sekarang, *cover up*. Tindakan memberi atas *the man who points out the thief* dia diberkas bukan *the thief*. Kenapa Tuan Yang di-Pertua mengambil tindakan ke atas Sivarasa dan seorang lain yang pergi dengan sukarela kepada ACA dengan video klip ini untuk mengadakan satu siasatan. Kenapa sekarang mengambil *statement* daripada Anwar Ibrahim, *statement* yang kedua dengan ugutan, sekarang beliau - jika tidak memberi, tidak *surrender tape* yang original, *tape* yang tidak deditkan kepada ACA, beliau akan dituduh.

Ini jadi satu *cover up* yang harus diketepikan, Perdana Menteri kita Tuan Yang di-Pertua ada menyatakan kerap kali, "*Tell me the truth*". Apa ini *tell me the truth*? Apa tindakan ada diambil oleh Perdana Menteri ini? Baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua mengenai satu kes di Pulau Pinang, Kampung Buah Pala, di Greenland di Pulau Pinang, penduduk-penduduk hindu dalam kawasan itu lebih kurang 105 tahun. Kampung ini Tuan Yang di-Pertua adalah satu kampung India yang harus *dipreserve* dan apabila Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri dan ini ada Tuan Yang di-Pertua dalam surat khabar, beliau ada menyatakan dengan izin, "*They must preserve kampungs*", tetapi sekarang tanah itu diberi kepada satu *corporative* untuk membina *structure* dan rumah-rumah besar di sana.

Notis ada diberi kepada semua penghuni dalam kampung ini untuk keluar daripada kampung itu. Sebagai Perdana Menteri dan sebagai Ahli Dewan Rakyat daripada Pulau Pinang, dua bulan kebelakangan saya ada hantar sepucuk surat kepada Perdana Menteri untuk mengadakan satu perbincangan dengan dia di Kuala Lumpur atau di Pulau Pinang mengenai isu ini, tetapi tidak ada apa-apa balasan daripada Perdana Menteri mengenai surat saya ini. Perdana Menteri ini *does not walk the talk*, dia bercakap sahaja. Kenapa dia tidak mahu lain daripada *acknowledge* oleh diri sendiri *acknowledge* surat itu tetapi berbincang dengan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskan Yang Berhormat.

■1250

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Lagi satu isu Tuan Yang di-Pertua adalah mengenai kehakiman. Ada satu *circular*, ada satu *directing* oleh Ketua Hakim Negara. Hakim-

hakim diperintahkan apabila satu notis *appeal* difailkan untuk memberi alasan kehakiman dalam lapan minggu. Arahan ini tidak diikuti.

Dalam satu kes, kes Baha Jambut Tuan Yang di-Pertua, seorang dari Kelantan. Hakim itu yang mensabitkan dia, menjatuhkan hukuman mati ke atas dia, mengambil sembilan tahun dan empat bulan untuk memberi alasan kehakiman. Kerana itu adalah apabila saya Tuan Yang di-Pertua, dapat peluang untuk membuat satu kenyataan dalam surat khabar.

Pada hakim-hakim lain yang berbuat demikian, kerajaan tidakkah memberi alasan kehakiman dalam tempoh enam tahun, tujuh tahun, lima tahun dan sebagainya. Kenapa tindakan tidak diambil ke atas hakim-hakim ini? Hakim-hakim ini tidak layak untuk meneruskan jawatan beliau sebagai hakim-hakim.

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat, gulung dan habiskan.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Satu tindakan tegas harus diambil ke atas hakim-hakim ini, tetapi siapa yang mahu dan siapa yang membuat apa-apa ke atas hakim-hakim ini apabila Ketua Hakim Negara jadi satu sasaran sekarang? Ini adalah isu-isu yang harus Tuan Yang di-Pertua, bawa ke dalam Dewan yang mulia ini untuk berbincang dengan lebih lanjut.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, pendek sahaja. Adakah Yang Berhormat setuju bahawa kita mahu Dewan yang mulia ini mahu satu laporan yang penuh mengenai hakim-hakim di semua peringkat yang tidak menulis, tidak keluar sebab-sebab keputusan mereka.

Oleh kerana baru-baru ini Ketua Hakim berkata bahawa ada menyahut respons kepada seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai seorang hakim *Federal Court* yang ada lebih daripada 30 *grounds of judgment* yang tidak ditulis bahawa beliau sudah tulis surat kepada Perdana Menteri. Apa yang kita mahu bukan satu *accountability* kepada Perdana Menteri, ini satu barangkali doktrin *separation of powers*, tetapi satu *judicial accountability* kepada Dewan yang mulia, kepada rakyat Malaysia. Kita mahu tahu satu laporan yang penuh mengenai semua hakim-hakim, *outstanding grounds of decision* yang melanggar *judicial code of ethics* yang ada ditetapkan lapan minggu. Harap satu laporan dibuat oleh Menteri dan Jabatan Perdana Menteri dalam jawapan.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Saya bersetuju Tuan Yang di-Pertua. Itu adalah satu keperluan.

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskan Bukit Gelugor.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Satu keperluan yang harus diberi *expression* dengan izin, dengan serta-merta. Mengenai dengan *Independence of Judiciary*, adakah *Independence of Judiciary* dijamin apabila baru-baru ini seorang *advisor, the legal advisor to UMNO* iaitu Tan Sri Zaki Tun Azmi, dia jadi hakim Mahkamah Persekutuan Tuan Yang di-Pertua, dalam sejarah tidak ada apa yang dibuat seperti itu. Adakah dia diletak di sana untuk menentukan dia ada apabila kerajaan ada *interval* dengan izin, untuk menyelamatkan kerajaan itu?

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya cukup Bukit Gelugor.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Ledang

12.55 tgh.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin mengucapkan selamat Hari Raya, maaf zahir batin kepada semua. Keduanya, saya juga ingin menumpang rasa gembira dan tuah di atas kejayaan misi angkasawan negara dan saya ucapkan tahniah kepada kerajaan dan kepada Dr. Sheikh Muszaphar yang telah berjaya menamatkan misi angkasawan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menjurus kepada satu tajuk iaitu tentang keselamatan jalan raya. Semasa musim perayaan ini kerajaan ataupun pihak polis telah pun melancarkan Ops Sikap yang ke-13 dan daripada laporan terbaru diterima jumlah kematian pada tahun ini ataupun Ops Sikap ini telah pun menurun kepada satu angka yang kecil iaitu turun 12 kematian. Jumlah kematian yang tercatat ialah 217.

Walau bagaimanapun, jumlah kemalangan ialah 890. Maknanya 217 dibahagi dengan 890, kematian berlaku di antara ataupun boleh kita sebut satu perempat daripada setiap kemalangan. Dalam erti kata lain, setiap empat kemalangan berlaku satu kematian dan pada saya ini masih lagi satu angka yang besar jika kita bandingkan dengan bandingan-bandingan lain. Saya lebih menjurus kepada bagaimana sesuatu kemalangan itu boleh menyebabkan kematian kerana daripada Ops Sikap yang dijalankan baru-baru ini, satu perempat daripada setiap kemalangan adalah menjurus kepada kematian.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya berhujah tentang hal ini kerana kemalangan jalan raya masih lagi menjadi isu besar di dalam kita menyediakan kemudahan jalan raya di dalam negara kita. Sama ada jalan raya yang dibina oleh JKR, sama ada jalan raya yang dibina oleh PBT, sama ada jalan raya yang dibina oleh Lembaga Lebuh Raya. Begitu juga dengan jalan raya-jalan raya yang lain yang dibina oleh Pejabat Daerah dan lain-lain lain. Belum lagi saya bercakap tentang penyelarasan jalan-jalan raya.

Maknanya Tuan Yang di-Pertua, kepada saya oleh kerana jalan raya menyumbang kepada banyak kemalangan, sedangkan jalan raya itu adalah kemudahan kepada sistem pengangkutan di negara kita dan sudah sampai masanya pihak kerajaan mewujudkan satu kaedah supaya suatu audit dibuat kepada semua jalan raya di dalam negara kita. Sama ada jalan raya yang dibina oleh JKR ataupun agensi-agensi lain termasuk PBT supaya kita dapat mengkaji sebenar-benarnya tentang segala kemudahan yang disediakan atas nama jalan raya. Sama ada yang berkaitan dengan persimpangan-persimpangan, sama ada yang berkaitan dengan papan-papan tanda, sama ada yang berkaitan dengan penukaran jalan raya dan lain-lain lagi kerana kesemuanya Tuan Yang di-Pertua, adalah menjurus kepada kemalangan jalan raya yang banyak

berkaitan dengan sikap pemandu-pemandu yang sangat sensitif dengan segala kemudahan jalan raya yang disediakan ini.

Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: [*Bangun*]

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Hulu Langat, bagi jalan Yang Berhormat.

Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Ledang. Saya ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat berkenaan dengan *statement* Yang Berhormat katakan audit jalan raya atau audit keselamatan yang berkenaan dengan permukaan, persimpangan, keadaan jalan raya dan sebagainya, tetapi akhir-akhir ini Yang Berhormat kementerian yang mengendalikan, kementerian yang bertanggungjawab berkenaan jalan raya tidak kira jalan raya persekutuan, negeri atau yang dibina oleh Lembaga Lebuh Raya sering menyatakan bahawa lebuh raya di negara kita selamat. Lebuh raya di negara kita tidak ada masalah dan jalan-jalan raya yang dibina mengikut spesifikasi antarabangsa.

Apa pandangan Yang Berhormat dalam hal ini, kalau lebih raya sudah baik, kalau lebuh raya sudah dibina dengan cukup mematuhi spesifikasi antarabangsa, kenapa masih berlaku kemalangan? Saya berharap Yang Berhormat sebagai seorang jurutera boleh membuat penjelasan mengenai perkara ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya yakin Ahli Parlimen daripada Hulu Langat telah pun memahami tentang tajuk yang saya hendak sebutkan di dalam ataupun tajuk yang saya hujahkan di dalam Dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, Hulu Langat telah pun menyentuh tentang standard jalan raya di dalam negara kita yang dikatakan memenuhi piawai yang telah ditetapkan oleh antarabangsa.

Satu perkara Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyebut satu contoh tentang keadaan muka jalan raya di dalam negara kita. Umumnya kalau kita memandu di lebuh raya, umumnya kita rasa kereta kita selamat, kita boleh pandu laju, tetapi kenapa tiba-tiba kereta kita terbalik? Kenapa kita tiba-tiba langgar air kita berpusing. Kawan saya kelmarin baru saja berdepan dan mengalami kemalangan jalan raya. Kereta baru E20 Mercedes, takkan tidak ada ABS sistem? Kenapa dia melanggar air dengan kelajuan hanya 110 Kilometer boleh berpusing?

Maknanya Tuan Yang di-Pertua, di sini perlu kita kaji balik tentang muka jalan raya kita. Adakah muka jalan raya yang terlalu saya kata yang halus menggunakan *wiring course* dengan izin, yang halus itu sesuai dengan tabiat memandu di dalam negara kita? Sedangkan pada bahagian-bahagian tertentu di beberapa lebuh raya ada permukaan yang kasar.

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, boleh sambung petang ini.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih.

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula. Dengan ini Yang Berhormat daripada kawasan Ledang dijemput menyambung ucapan.

2.32 ptg.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Selamat Hari Raya. Tuan Yang di-Pertua, sebelum sesi berhenti rehat tadi, saya menyebut tentang perlunya ada audit kemudahan jalan raya. Saya menyentuh tentang permukaan. Pertamanya saya menyentuh tentang permukaan jalan raya dan dalam situasi sekarang, memanglah Tuan Yang di-Pertua, permukaan jalan raya yang halus itu amat selesa bagi pemandu-pemandu kenderaan sebab mereka boleh pecut. Mereka rasa selesa, mereka boleh memandu kenderaan dalam suasana senyap dan menghidupkan radio atau muzik tanpa diganggu oleh bunyi lain, tetapi Tuan Yang di-Pertua, mungkin sudah sampai masanya kita memikirkan tentang sama ada permukaan jalan raya yang halus itu, tidak kasar, sesuai dalam situasi sekarang. Dalam situasi di mana pemandu-pemandu kenderaan lebih didorong kepada suatu keadaan selesa dan mereka memecut kenderaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, contoh yang kedua, tentang persimpangan jalan-jalan raya. Kita ada banyak persimpangan jalan raya, sama ada jalan raya JKR dengan jalan PBT, jalan raya JKR dengan jalan raya pejabat daerah, jalan JKR dan lebuh raya dan lain-lain lagi. Banyak tuntutan-tuntutan, akhirnya, sesuatu persimpangan dibina lampu isyarat ataupun *traffic light*, dengan izin. Akhirnya terlalu banyak lampu isyarat di jalan-jalan raya di dalam negara Malaysia. Baru-baru ini apabila kita menyambut ketibaan, kepulangan orang ramai balik kampung, maka *traffic light*, persimpangan-persimpangan yang ada lampu isyarat, telah berlaku kesesakan ataupun *queue* yang panjang.

Di kampung-kampung, di kawasan-kawasan luar bandar, kerana jika dahulu tidak ada *traffic light*, sekarang ini sudah ada *traffic light*, termasuklah di tempat saya. Ini kerana Tuan Yang di-Pertua, tuntutan orang tempatan supaya persimpangan ada *traffic light*, ada lampu isyarat. Akhirnya mengundang kepada *queue* yang panjang semasa orang ramai balik kampung baru-baru ini. Ini berlaku bukan sahaja di tempat saya, malahan di tempat-tempat lain dilaporkan di surat khabar. Pagi tadi, Kuala Krai pun menyebut di tempatnya. Berlaku di mana-mana, bukan sahaja berlaku di dalam bandar, malahan berlaku di tempat-tempat di luar bandar. Pada masa

yang sama Tuan Yang di-Pertua, ada lokasi-lokasi persimpangan yang langsung tidak sesuai dibina atau diadakan lampu isyarat. Misalnya, di persimpangan selepas selekoh berbahaya.

Di persimpangan selepas selekoh berbahaya, kita berhadapan dengan selekoh, tiba-tiba ada *traffic light*. *Traffic light* itu diwujudkan semata-mata kerana memenuhi permintaan orang tempatan. Tidak kiralah orang politikkah, orang NGO kah, JKPP kah dan sebagainya. Akhirnya, *traffic light* itu sebenarnya bukannya menyelamatkan keadaan, tetapi mengundang lebih banyak bahaya daripada tujuan asal sedangkan Tuan Yang di-Pertua, kepada saya lebih baik kita tumpukan kepada soal isu yang sebenar. Katakanlah sesuatu *junction* atau persimpangan itu berlaku banyak kemalangan. Apakah punca kemalangan? Adakah kerana *junction* tidak sesuai saiznya atau kerana terlalu banyak kenderaan memecut dan sebagainya? Inilah Tuan Yang di-Pertua, akhirnya kita mengadakan kemudahan tetapi tidak sesuai dengan sesuatu penyelesaian ke atas isu yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara ini kepada saya perlu kita lihat balik. Sebab itulah saya awal-awal tadi cadangkan, supaya sekarang ada satu jabatan yang membuat satu kajian untuk mengemukakan satu laporan audit kepada semua kemudahan-kemudahan jalan raya seperti yang saya sebutkan tadi. Saya sebutkan dua contoh, permukaan jalan raya sama ada sesuai atau tidak, begitu juga persimpangan-persimpangan. Kalau saya hendak sebut contoh satu lagi pun boleh juga Tuan Yang di-Pertua iaitu *yellow bar*, dalam bahasa Malaysia saya tidak tahu. Mungkin saya panggil garisan kuning berbendul ini. Di dalam negara Malaysia, di jalan-jalan raya, terlalu banyak *yellow bar*...

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: [Bangun].

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Di hadapan bas sekolah *yellow bar*...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Di hadapan balai raya *yellow bar* dan sebagainya. Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, *yellow bar* ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat...

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: ... Tidak, kejap ya, kejap. Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana terlalu banyak *yellow bar*, pemandu kenderaan sudah tidak lagi sensitif dengan *yellow bar*. Mereka langgar *yellow bar*, satu perkara biasa. Walau pun dia rasa tidak selesa, tetapi kepada dia, perkara biasa kerana terlalu banyak *yellow bar* di atas jalan raya di dalam negara Malaysia. Jadi, hilang fungsi dan matlamat asal. Matlamat asal diadakan *yellow bar* kerana kita terlalu menunaikan permintaan orang ramai untuk mengadakan *yellow bar* sedangkan *yellow bar* hanya boleh dipasang ataupun diadakan di lokasi-lokasi tertentu sahaja. Silakan Kuala Krai.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih Ledang. Dia seorang *engineer*, saya tertarik mengenai kemalangan-kemalangan jalan raya, yang disentuh ini

mengenai *traffic light, junction* yang tidak seharusnya ada diadakan, yang sepatutnya diadakan tidak ada. Apakah pandangan Ledang supaya perkara ini kita wujudkan segera kerana telah memakan masa lama yang telah menyebabkan kemalangan. Kita asyik bercakap berulang-ulang perkara yang sama. Adakan satu jawatankuasa segera mengenai perkara ini kerana kemalangan beratus-ratus melalui Ops Sikap baru-baru ini, lepas satu, satu tidak habis-habis dan ini menyebabkan perkara-perkara yang seharusnya kita lengkapkan di jalan raya, jadi sudah sampai masanya satu jawatankuasa bertindak khusus mengenai jalan raya ini lebih-lebih lagi kepada *traffic light*, pembesaran jalan dan saya kira juga papan-papan tanda yang mengelirukan, bila jauh kita nampak, bila dekat langsung cari tidak jumpa, apa pandangan Yang Berhormat?

■1440

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Kuala Krai, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Itulah sebenarnya Tuan Yang di-Pertua perkara-perkara yang saya maksudkan. Dalam erti kata lain semua kemudahan ini perlu diaudit semula supaya kita dapat sesuaikan dengan situasi semasa. Begitu juga Tuan Yang di-Pertua tentang jalan-jalan baru. Saya berpengalaman ke atas jalan baru yang baru sahaja dibina iaitu jalan pintas Muar, Tuan Yang di-Pertua.

Kalau Tuan Yang di-Pertua bergerak dari Tangkak menghala ke Batu Pahat, lalu Bandar Muar saya memang mengalu-alukan. Kita lihat sendiri keadaannya bergelombang. Jalan yang baru dibina bergelombang kerana mungkin salah dari segi pembinaan. Mungkin jalan tersebut telah pun dibina tidak menepati piawaian tertentu. Mula-mula memang cantik daripada satu aspek terlalu banyak *traffic lights* tadi saya sudah terangkan. Namun jalannya bergelombang, jalan baru siap baru dibina. Menghubungkan jalan baru Muar. Ini contoh Tuan Yang di-Pertua dan banyak lagi jalan. Bukan sahaja permukaannya licin kerana halus tetapi bergelombang dan ini sebenarnya Tuan Yang di-Pertua mengundang kepada air bertakung dan bayangkanlah apabila kita melanggar air yang bertakung walaupun kita pada kelajuan 80 kilometer sejam. Sangat berbahaya Tuan Yang di-Pertua.

Inilah perkara-perkara yang perlu dilihat oleh satu jabatan. Mungkin kita serahkan kepada JKR untuk memeriksanya oleh kerana jalan tersebut dibina oleh JKR. Mungkin JKR perlu wujudkan satu lagi jabatan untuk mengaudit semua sekali kemudahan-kemudahan yang ada di jalan-jalan raya supaya benar-benar sesuai dan menepati kehendak orang ramai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu Jalan Tangkak ke Jalan Muar?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Begitu juga Tuan Yang di-Pertua Jalan Tangkak ke Muar. Jalan yang baru dinaik taraf, sekarang sudah siap dan banyak lubang jalan. Tuan Yang di-Pertua dia lalu sebab itu dia tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jalan Tangkak ke Segamat?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Kalau bercakap tentang Jalan Segamat ke Tangkak Tuan Yang di-Pertua rasanya kita sudah berulang-ulang kali mohon jalan dari Tangkak

hendak balik kampung ke Segamat jalan yang patut sudah lama diluruskan, jalan yang patut dinaik taraf....

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:tapi sehingga sekarang belum ada lagi bunga-bunga atau tanda-tanda bahawa jalan itu akan dinaik taraf.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Santubong hendak tanya Jalan Tangkak ke Santubong.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Silakan.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: *[Ketawa]* Ahli Parlimen Malaysia berucap berhubung dengan perkara-perkara yang boleh diperkatakan ataupun dibangkitkan apabila dibangkit dari Perlis hingga ke Sabah. Jadi saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat Ledang, dia pakar jurutera berhubung dengan jalan raya ini. Kadang-kadang ada kita melihat syarikat membina jalan raya, dia buat *alignment* jalan raya, permukaan jalan raya dan sebagainya dia buat lurus macam ular yang sudah mati, dia lurus cantik macam ular mati. Namun bila jalan itu sudah siap macam ular itu hidup semula, bangkit lepas itu macam ular hidup macam itulah badan dia. Jadi berbangkit kepada persoalan Yang Berhormat tadi banyak cerita hal jalan-jalan ini, kalau pergi melihat jalan daripada Kuching ke Serian dia macam itulah macam ular yang sudah bangkit semula.

Jadi ia memang tidak selamat, banyak selekoh dan banyak lagi *yellow bar* macam yang disebut oleh Yang Berhormat tadi dan banyak lagi *meridian strip* ataupun *road divider* yang kita *commonly* panggil itu dibuka semula dan untuk orang pusing kiri, pusing kanan dan sebagainya. Ini mendatangkan keadaan yang amat berbahaya dan saya setuju cadangan Yang Berhormat adakah menyusulkan perkara ini lagi kepada kerajaan secara bertulis bukan sahaja bercakap di Dewan ini. Ini supaya Kementerian Kerja Raya memahami sebenarnya kesalahan-kesalahan pembinaan jalan raya ini walaupun dalam peta ataupun pelan yang ditunjuk dalam jabatan mereka cantik, tapi bila sudah sampai dilaksanakan nanti jalan itu diterima walaupun dia macam ular kena pukul. Macam mana Yang Berhormat?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua, saya dapat bayangkan macam keadaan jalan antara Kuching dan Serian seperti yang disebutkan oleh sahabat kita dari Santubong. Saya boleh bayangkan keadaan jalan seperti ular kena palu, seperti ular hendak bangun daripada tidur dan sebagainya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun]*

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Saya boleh bayangkan dan inilah maksud saya Tuan Yang di-Pertua yang perlu diaudit semula oleh pihak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kinabatangan.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: ...jabatan yang tertentu supaya ia benar-benar memberikan keselamatan dan keselesaan kepada orang ramai. Silakan, selamat hari raya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih, selamat hari raya Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, saya terpanggil Yang Berhormat bercerita soal jalan raya macam jalan ular. Yang saya hendak tanya ini jalan raya tidak pandai dibuat-buat. Tidak pandai pun dibina, sedangkan penggunaanya berpuluh-puluh ribu. Di kawasan saya contohnya Jalan Sogo-sogo Pinangah, 29 buah kampung. Jalan ini sudah ramai orang mati, tidak juga dibuat. Kalau hujan tidak boleh dilalui.

Jadi adakah Yang Berhormat ingin menyarankan kepada agensi-agensi yang berkenaan supaya lebih fokus melihat ke arah bagaimana memberi kemudahan jalan ini kepada rakyat. Sebab kita sudah 50 tahun merdeka, Yang Berhormat pun tahu. Jadi setujukah Yang Berhormat supaya agensi-agensi kerajaan yang terlibat ini melihat bagaimana kepentingan jalan raya ini kepada orang ramai. Terima kasih.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Kinabatangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Ahli Parlimen Malaysia.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Sebagai Ahli Parlimen Malaysia saya juga kena melayani ulasan ataupun celahan daripada Kinabatangan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa tak banyak lagi.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: ..Walaupun masa tidak banyak dan ini juga perlu dilihat Tuan Yang di-Pertua. maksud saya tadi tidak semestinya jalan JKR, jalan-jalan kampung juga, asalkan jalan itu digunakan oleh orang ramai. Boleh berfungsi yang sebenar-sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan lorong-lorong motosikal yang telah pun dibina di beberapa Jalan Persekutuan termasuklah di jalan-jalan utama Persekutuan seperti di Muar dan sebagainya. Namun yang dibina bukan bercirikan lorong motosikal seperti jalan Lebuhraya Persekutuan; ada lorong motosikal dan tidak ada *junction* yang banyak sedangkan lorong motosikal di Jalan-jalan Persekutuan seperti Johor terpaksa berdepan dengan persimpangan yang banyak. Adakah sesuai lorong motosikal itu dibina berdepan dengan *bus stop* dengan izin, akhirnya bas berhenti, motor terpaksa masuk ke lorong kereta. Adakah ini sesuai?

Ini pada saya perlu Tuan Yang di-Pertua dikaji semula. Sebab itu saya cadangkan tadi mesti ada satu laporan audit yang menyeluruh. Saya faham Tuan Yang di-Pertua kita sudah ada laporan audit keselamatan jalan raya, kita faham. Laporan audit keselamatan jalan raya itu lebih kepada keselamatan, tetapi ini saya merangkumi semua aspek sama ada soal keselamatan juga kemudahan-kemudahan awam berkaitan jalan raya supaya jalan raya itu benar-benar berfungsi sebagai mana matlamat asalnya.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin ia memerlukan satu perbelanjaan yang banyak Tuan Yang di-Pertua, saya faham. Ia merupakan satu pendekatan yang sangat menjemukan, tetapi Tuan Yang di-Pertua jika saya kaitkan dengan keselamatan jalan raya tentang kemalangan jalan raya di mana $\frac{1}{4}$ daripada kemalangan yang berlaku di jalan-jalan raya di dalam Ops Sikap baru-baru ini adalah menjurus kepada maut ataupun kematian sewajarnya kita fokus balik. Maksud saya tadi mungkin kita boleh tumpukan kepada lokasi-lokasi yang banyak berlaku kemalangan terdahulu sebelum kita berpindah kepada tempat-tempat lain.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, yang penting ialah soal sikap kita. Apabila kita menjurus kepada soal sikap, Ops Sikap baru-baru ini kerajaan melancarkan Ops Sikap melalui Polis Diraja Malaysia kita lebih bercakap tentang sikap. Ops Sikap maknanya sikaplah tetapi sebenarnya apakah yang menyumbang sikap manusia itu tadi. Betul, memang saya tidak nafikan sikap manusia apabila memandu kenderaan seolah-olah hilang kesedaran, rasa seronok memandu kenderaan laju kerana didorong sesuatu. Mungkin jalannya yang menyeronokkan dan sebagainya dan ini perlu dilihat semula Tuan Yang di-Pertua.

Persoalan sekarang Tuan Yang di-Pertua ialah sejauh mana kita telah berjaya mendidik rakyat Malaysia supaya pertamanya patuh kepada undang-undang jalan raya. Sedangkan dalam masa yang sama Tuan Yang di-Pertua kanak-kanak sekolah, murid-murid sekolah saya tak panggil pelajar-pelajar kerana ini adalah kanak-kanak atau murid-murid yang bersekolah di sekolah rendah yang menunggang atau memandu motosikal tanpa lesen.

■ 1450

Kita hendak menyelesaikan satu masalah, kita hendak selesaikan satu masalah di mana kita tidak perlu menghantar anak ke sekolah ataupun kita hendak memberi kemudahan kepada mereka pergi ke sekolah menaiki motosikal, tidak lagi naik basikal seperti Tuan Yang di-Pertua dahulu tetapi pada masa yang sama kita didik mereka supaya tidak menghormati undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, inilah satu daripada kesilapan yang banyak dilakukan oleh kita. Sama ada ibu bapanya, guru-guru, pengetua, ataupun guru besar tidak diberikan kuasa yang cukup untuk mengambil tindakan yang tegas kepada kanak-kanak sekolah, kepada murid-murid sekolah. Malah baru-baru ini apabila polis Kota Bharu di Kelantan, mengenakan saman kepada pelajar-pelajar atau kanak-kanak sekolah yang menunggang motosikal tanpa lesen ataupun yang melanggar undang-undang jalan raya, dijadikan satu isu utama oleh media tertentu. Saya ingin ucapkan tahniah kepada pihak polis di Kelantan dan saya cadangkan supaya semua polis di dalam negeri-negeri di Malaysia mengambil tindakan yang sama tidak perlulah kita harus takut ataupun lain-lain lagi kepada tuntutan-tuntutan lain hanya semata-mata kerana memberi kemudahan kepada murid-murid supaya dibenarkan menunggang motosikal dengan menyalahi ataupun dengan melanggar undang-undang jalan raya kerana ini Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita mendidik mereka tidak menghormati undang-undang jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya yang penting ialah kekuatan dalaman. Pada saya, pelajar-pelajar perlu dididik dengan, perlu ditingkatkan kekuatan dalaman mereka. Sebab itulah Tuan Yang di-Pertua saya sangat bersetuju sekiranya jika sekolah satu sesi itu diadakan. Dengan erti kata lain, sebelah pagi, belajarlah perkara-perkara ataupun subjek-subjek yang berkaitan dengan kurikulum, yang berkaitan dengan akademik dan di sebelah petang para pelajar boleh dididik dengan perkara-perkara yang berkenaan dengan kekuatan dalaman. Yang beragama Islam diajar dengan agama Islam dan yang tidak beragama Islam mungkin diajar dengan subjek-subjek lain yang berkaitan dengan pembinaan nilai-nilai murni, kekuatan dalaman.

Sekiranya guru-guru mengadu, mungkin mereka terpaksa bekerja dari pagi sampai ke petang, mungkin boleh diadakan dua sesi guru. Guru sesi pertama mengajar sebelah pagi selepas perkara-perkara yang berkaitan dengan akademik biasa. Guru sebelah petang yang mengajar perkara-perkara atau subjek-subjek yang berkaitan dengan kekuatan dalaman. Sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, saya sangat-sangat bersetuju sekiranya sekolah satu sesi ini diwujudkan di dalam negara kita walaupun terpaksa memakan belanja banyak sekurang-kurangnya kita mungkin boleh mula dahulu satu atau dua sekolah mungkin sebagai titik tolak untuk kita benar-benar serius menyambut saranan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang perlunya supaya kita wujudkan sekolah satu sesi ini.

Inilah Tuan Yang di-Pertua, tadi bila saya sentuh tentang keselamatan jalan raya ada kaitan dengan kekuatan dalaman bagaimana kita boleh melahirkan rakyat Malaysia bermula daripada sekolah dengan kekuatan dalaman daripada sistem yang kita adakan sendiri. Jadi Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja saya menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Rasah.

2.56 ptg.

Dato' Goh Siow Huat [Rasah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan Bajet 2008 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang kesesakan lalu lintas. Sambutan bunga api yang diadakan di negara kita baru-baru ini adalah begitu berjaya. Ramai rakyat dan keluarganya datang menyokong program ini dengan begitu ramai orang termasuk pelancong-pelancong daripada negara yang jauh. Saya percaya pelancong-pelancong datang melawat Putrajaya adalah matlamat yang utama dan yang kedua adalah melihat sambutan bunga api ini. Mereka datang memang dengan perasaan yang seronok dan gembira tetapi keadaan jalan yang sesak dengan begitu serius ini telah menghilangkan *mood* mereka. Boleh kata '*spoil the whole soup*' lah dengan izin.

Faktor utama kesesakan yang serius ini berlaku kerana kekurangan atau jarang nampak ada pegawai-pegawai tertentu mengawal trafik sehingga kesesakan telah berlaku dua jam lamanya. Ini sudah tentu jadi satu komen dan imej yang tidak baik bukan sahaja kepada orang-

orang tempatan tetapi juga kepada pelancong-pelancong yang datang dari negara yang jauh. Oleh itu saya harap kerajaan kita dapat ambil berat tentang kesesakan jalan dalam sesuatu sambutan secara besar-besaran itu, kita memang tahu kesesakan lalu lintas boleh berlaku apabila ada sesuatu program diadakan tetapi jika kita ada ambil langkah-langkah positif dan membuat perancangan yang awal, saya percaya kesesakan lalu lintas dapat diatasi serta dikurangkan kepada kadar yang minima supaya ia tidak menimbulkan sebarang kemarahan atau kebencian oleh orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang Hospital Tuanku Jaafar Seremban. Di sini juga saya ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada kerajaan kita kerana begitu ambil berat tentang kesihatan rakyat jelata. Nyawa rakyat jelata adalah penting lebih-lebih lagi kepada rakyat yang miskin dan yang duduk di kawasan luar bandar. Terima kasih kerana Menteri Kesihatan telah mengumumkan dalam surat khabar, mulai tahun depan 33 buah klinik kesihatan kerajaan akan panjangkan masa kerja sehingga pukul 2 tengah malam dan waktu kerja pada hari cuti juga bermula dari pukul 8 pagi hingga 12 tengah malam, dan 41 buah dewan pembedahan yang terdapat dalam 19 buah hospital kerajaan akan beroperasi pada hari Sabtu supaya pesakit-pesakit tidak perlu tunggu masa yang begitu lama, tempoh masa rawatan pesakit dapat dipendekkan sekurang-kurang tiga bulan awalnya. Ini memang adalah satu usaha kesihatan yang baik. Yang amat dialu-alukan dan memang disokong kuat oleh rakyat jelata.

Di sini saya rasa perlu sentuh sedikit tentang hospital di Seremban iaitu Hospital Tuanku Jaafar. Saya mengetahui hospital ini ada lapan buah dewan pembedahan. Ada yang besar dan ada yang kecil. Saya bersetuju memang perlu ada *reserve* satu atau dua buah dewan pembedahan untuk kegunaan kes kecemasan tetapi saya telah dapati selain *reserve* ini ada beberapa dewan lain tidak digunakan setiap hari. Ini telah jadikan lebih ramai pesakit-pesakit perlu ambil masa yang panjang baru dapat rawatan yang sepatutnya. Apakah masalah yang berlaku dan adakah hospital ini tidak cukup doktor-doktor pakar atau tidak cukup jururawat-jururawat tertentu. Saya kurang faham kerana dahulu memang tiada masalah seperti ini. Dewan adalah dibuka untuk digunakan dengan kapasiti yang penuh.

■ 1500

Oleh itu saya harap pihak Kementerian Kesihatan dapat mengambil berat tentang dewan pembedahan di Hospital Tuanku Jaafar ini supaya rakyat jelata dapat perkhidmatan kesihatan yang lebih sempurna. Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Kementerian Kesihatan kerana Institut Jantung Negara kita telah berjaya menjalankan pembedahan pemindahan jantung seorang gadis tempatan yang bernama Tee Hui Yi dengan menjalani pembedahan dua kali iaitu kali pertama daripada penderma kaum Melayu dan kali kedua adalah jantung penderma dari kaum Cina. Kejayaan ini juga membuktikan taraf perubatan negara kita telah maju dan bermutu tinggi.

Sumbangan organ dari penderma kaum Melayu juga jelas membuktikan semangat muhibah rakyat yang berbilang kaum adalah rapat dan bersatu padu. Adalah menjadi satu kebanggaan kepada kita semua rakyat Malaysia dengan pencapaian mutu perubatan yang bertaraf begitu tinggi. Yang penting sekali ialah kita perlu pastikan ubat-ubatan yang digunakan di hospital kerajaan adalah dari jenis yang baik dan bermutu tinggi. Ini adalah kerana ubat-ubatan yang terdapat dalam pasaran adalah begitu banyak jenis dari negara yang berlainan dengan harga yang tidak sama. Ada yang memang murah tetapi jika dibandingkan ia memang ada berlainan mutunya. Saya cadangkan kepada kerajaan perlu gunakan ubat-ubatan yang bermutu walaupun harganya adalah lebih mahal.

Tuan Yang di-Pertua, tentang isu sayur beracun, di samping itu saya juga rasa kesihatan makanan rakyat kita juga perlu diambil perhatian. Saya percaya masih ada begitu ramai rakyat kita *confuse* atau keliru oleh kerana isu sayur-sayuran yang menggunakan racun berlebihan yang boleh membahayakan kesihatan badan kita. Saya cadangkan racun yang cukup bahaya itu tidak boleh dijual di negara kita. Saya percaya ramai petani-petani kita adalah kurang atau langsung tidak faham kegunaan ubat racun yang sedia ada di pasaran untuk mengawal kerosakan oleh *insect-insect* ini dengan izin yang merosakkan tanaman sayur-sayuran mereka. Adalah baik biar sayur-sayur itu nampak tidak cantik yang rakyat mahu adalah sayur-sayur itu adalah sifar dari racun. Rakyat mahu makanan yang selamat dan sihat.

Tuan Yang di-Pertua, isu tentang buah-buahan tempatan, saya amat menyokong usaha kerajaan menggalakkan tanaman buah-buahan tempatan yang boleh membantu menambahkan hasil pendapatan rakyat tempatan dan juga boleh memperkukuhkan ekonomi negara kita, tetapi, tanaman yang berlebihan itu boleh juga menjadi satu masalah. Sebagai contohnya buah durian. Kita boleh nampak begitu banyak buah durian dijual pada musim buah durian di negara kita.

Saya cadangkan kepada kerajaan perlu ada satu laporan kepada orang ramai supaya sesuatu jenis buah tempatan itu tidak terlebih tanam. Kerajaan perlu beri tahu setakat ini sebanyak mana tanaman buah-buahan tempatan itu. Buah jenis itu sudah ada berapa ekar di tanam di negara kita, buah jenis apa sudah ada berapa ekar ditanam di negara kita supaya rakyat dapat dimaklumkan jenis tanaman buah itu sudah cukup untuk orang tempatan dan untuk dieksport. Orang ramai dapat dinasihatkan jangan menanam lagi, jika mahu apa jenis buah-buahan lain yang boleh ditanam. Kita tidak mahu nampak buah-buahan tempatan terlebih di pasaran pada musim buah-buahan itu sehingga banyak yang rosak, tidak berharga dan menyebabkan kerugian besar.

Tuan Yang di-Pertua, sektor pertanian adalah salah satu sumber utama dalam pertubuhan ekonomi kita. Adalah menjadi hasrat kerajaan sektor pertanian juga dapat berkembang maju supaya pertubuhan ekonomi negara kita tidak bergantung kepada sektor perindustrian sahaja. Saya dapati negara kita masih ada begitu banyak tanah kosong perseorangan yang sesuai diusahakan untuk tanaman jangka masa pendek walaupun kita telah

bincang banyak kali. Walaupun kerajaan negeri ada rancangan yang baik ini, tetapi ia masih tidak dapat dipraktikkan dengan sepatutnya.

Adakah kerajaan ambil serius tanah kosong ini supaya ia dapat diusahakan untuk menambah hasil bagi menampung orang-orang tempatan? Bolehkah kerajaan sekali lagi berunding dengan pemilik-pemilik tanah perseorangan supaya tanah kosong itu dijual atau disewakan kepada orang-orang yang berminat untuk mengusahakannya. Ini juga boleh dapat mengurangkan bahan yang kita perlukan harian dan terpaksa import setiap hari.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang pertubuhan NGOs. Kita ada bersyukur kerana kesejahteraan rakyat adalah begitu diambil berat oleh kerajaan. Kerajaan amat berhasrat orang-orang swasta termasuk pertubuhan NGOs turut memainkan peranan mereka untuk mengukuhkan dan menjamin kesejahteraan rakyat.

Dalam pertubuhan NGOs umpamanya badan-badan sosial yang dioperasi tanpa untung seperti rumah orang-orang tua, pusat golongan kurang upaya dan sebagainya. Pengerusi, setiausaha dan bendahari adalah orang-orang yang penting dalam pertubuhan itu, tetapi diketahui ada sesetengah pertubuhan NGOs itu ada juga pengerusi yang tidak mahu menandatangani cek pertubuhan itu. Ini adalah satu kejadian yang agak tidak betul. Barangkali pengerusi itu sengaja cuba mahu buat keputusan keluaran bayaran, tetapi tidak mahu terlibat secara langsung bayaran itu. Jika ada apa-apa berlaku atau aduan siasatan, beliau boleh kata cek itu bukan ditandatangani oleh beliau. Adakah kerajaan pernah mengecualikan seseorang pengerusi melanggan cek pertubuhan seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2008 adalah bersama membina negara dan menikmati kemakmuran. Hasrat kerajaan memastikan kekayaan negara terus berkembang dan dinikmati semua rakyat. Selaku pemimpin negara atau pemimpin masyarakat kita telah dinasihatkan perlu menimbang dan menjaga perasaan orang lain.

■ 1510

Oleh kerana negara kita adalah berbilang kaum, saya percaya semua rakyat jelata adalah bersetuju negara mahu makmur, negara mahu maju, masyarakat mahu stabil, kita perlu ada suasana yang harmoni dan bahagia tanpa ada sebarang isu yang boleh jadi kerisauan kepada kaum yang lain, khususnya tentang pendidikan, perniagaan dan lain-lain. Di peringkat Persekutuan, kita telah ada Program Rumah Terbuka Malaysia dan dalam setiap sambutan perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru China, perayaan Deepavali dan perayaan Krismas. Ini adalah satu program kebudayaan nasional yang amat digalakkan untuk semua rakyat di negara kita.

Ini juga satu aktiviti perpaduan masyarakat kita. Saya harap sambutan perayaan seperti ini dapat juga dilaksanakan di peringkat negeri. Saya amat bersetuju usaha kuat Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan. Beliau berkata beliau mahu melihat masyarakat kita tidak ada perasaan diancam oleh sesuatu pihak. Beliau mahu lihat *culture* atau kebudayaan

warisan bangsa masing-masing ada dijalankan dan beliau berkata sambutan seperti ini memang dapat sokongan daripada semua rakyat jelata.

Usaha ini dapat merapatkan integrasi nasional antara satu kaum dengan kaum yang lain supaya jadi satu masyarakat yang cukup bersatu padu, dapat kurangkan salah faham. Saya berharap semua kerajaan negeri perlu ambil berat menganjurkan sambutan kebudayaan kaum masing-masing di peringkat negeri untuk masa yang akan datang. Sebagai contohnya di Negeri Sembilan, kerajaan negeri telah membantu mengadakan Pesta Tanglung Tahun 2007 dan majlis ini Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengumumkan kerajaan negeri akan salurkan peruntukan sebanyak RM100,000 pada tahun 2008 untuk menganjurkan sambutan ini dengan lebih besar dan lebih meriah.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya saya amat menyokong Bajet 2008 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, kerana ia adalah satu bajet yang penuh prihatin untuk menjamin kesejahteraan rakyat dan tingkatkan daya saing negara. Kemajuan negara akan menjadi lebih bermakna dengan semua rakyat hidup dalam harmoni dan sejahtera dan menikmati kemakmuran yang dicapai oleh negara. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tenom.

3.13 ptg.

Tuan Raimi Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saya ucapkan kerana diberi kesempatan untuk mengemukakan beberapa usul mewakili warga P181 Tenom, agar ianya dapat mencapai matlamat. Di sini saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh rakyat Malaysia.

Pertama sekali saya ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita di atas kapasiti sebagai Menteri Kewangan yang telah berjaya membentangkan Bajet 2008 pada 7 September yang lalu sebagai memantapkan misi nasional ke arah Wawasan 2020. Langkah, dasar dan perubahan struktur yang mantap yang dilaksanakan untuk menangani cabaran dalaman dan luar negara telah menjadikan ekonomi negara lebih fleksibel, struktur ekonomi lebih pelbagai dan asas makro ekonomi lebih kukuh.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun ini negara kita telah meraikan Tahun Kemerdekaan Yang Ke-50, ini bermakna kita melangkah masuk fasa 50 tahun kedua sebagai sebuah negara yang merdeka juga berdaulat. Jika diimbaz kembali, kita sudah mara begitu jauh dari hari Sabtu 1957 yang bersejarah itu, di mana kita berjaya membebaskan diri daripada belenggu penjajah selama 446 tahun.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Penjelasan.

Tuan Raimi Unggi [Tenom]: Baru hendak mula.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Yang kemerdekaan itu 50 tahun, kita di Sabah macam mana? Adakah termasuk 50 tahun yang Sabah Sarawak atau macam mana?

Tuan Raimi Unggi [Tenom]: Sebenarnya ini pun kalau boleh dikirakan sebagai telah masuk juga. Saya ingin menyambung, Tuan Yang di-Pertua. Baru hendak *start* ini. Untuk ini kita harus bersyukur kerana dengan kejayaan para pemimpin yang begitu teliti dan gigih dalam membangunkan bumi tercinta ini.

Tuan Yang di-Pertua, perhubungan jalan darat merupakan aspek penting bagi setiap tempat. Justeru itu di sini saya ingin menyentuh soal jalan-jalan luar bandar, khususnya di kawasan saya. Untuk sampai ke kawasan saya, terdapat tiga jalan akses iaitu Kemabong-Sipitang-Tenom, Kimanis-Keningau-Tenom dan Tambunan-Keningau-Tenom di mana ianya terpaksa melalui Banjaran Kroker. Perjalanan tersebut mengambil masa lebih kurang tiga ataupun empat jam bergantung kepada keadaan cuaca dan juga keadaan.

Sehubungan dengan itu saya memohon agar jalan-jalan utama ini dapat dinaik taraf demi penyelesaian, kesejahteraan dan keselamatan penduduk tempatan. Ini kerana struktur jalan-jalan tersebut tidak begitu selamat untuk dilalui pengguna. Saya percaya peruntukan RM4 bilion yang disediakan untuk melaksanakan pelbagai projek bagi meningkatkan kualiti hidup di Sabah dapat turut dinikmati penduduk, khususnya di kawasan saya.

Ini penting kerana penduduk di kawasan Tenom masih dahagakan pembangunan. Mereka masih menagih proses pembangunan dan saya yakin Sabah yang menyertai pembentukan Gagasan Malaysia pada 16 September 1963 berhak menikmati segala kemudahan asas daripada kerajaan yang memerintah di mana Tenom adalah antara lokasi paling menarik, bukan sahaja di Sabah tetapi di negara kita. Pemandangan gunung-ganang di kawasan lembah dan sungai adalah antara yang menarik. Bagaimanapun agak kurang diberi perhatian dan tumpuan untuk industri pelancongan di sini.

Ingin saya katakan bahawa Tenom amat berpotensi sebagai lokasi agro pelancongannya. Sebagaimana yang kita tahu Tenom juga mempunyai Taman Pertanian Sabah di mana adanya Muzium Taman Hidup, Taman Orkid, ternak madu lebah, Taman Buah-buahan dan juga sebagainya. Kita juga mempunyai rumah kebudayaan Murut di mana Pesta Kalimantan dan juga Pesta Keamatan adalah antara faktor utama bagi menarik minat pelancong datang ke Sabah.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Minta penjelasan sedikit. Terima kasih sahabat saya dari Tenom, sahabat seperjuangan saya. Saya ingin bertanya sedikit daripada Yang Berhormat, setujukah Yang Berhormat jikalau saya sentuh perkara yang kalau kira 1963 ditolak dengan 1957 ada enam tahun perbezaan. Setujukah Yang Berhormat kalau peruntukan enam tahun itu dibagi *extra*, lebih kepada negeri Sabah?

Tuan Raimi Unggi [Tenom]: Tuan Yang di-Pertua, saya lihat kerajaan kita pun bukan sahaja enam tahun punya peruntukan, lebih daripada itu pun telah diberi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung kembali perbahasan saya. Ingin saya maklumkan bahawa tujuh bulan pertama pada tahun ini sahaja, Sabah telah dikunjungi lebih

kurang 1.32 juta di mana pelancong asing sahaja seramai 498,769. Selain pelancong Indonesia, saya lihat pelancong Korea, Jepun dan China mempunyai potensi besar datang ke negeri Sabah.

Untuk makluman, Tenom sememangnya terkenal dengan kereta api eksotik yang berusia lebih 100 tahun dari Stesen Tanjung Aru, Tenom sejauh 134 kilometer. Ini kerana laluannya melalui hutan, gua, perkampungan dan juga Sungai Padas, tetapi ini dahulu...

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak menyentuh ini kerana Yang Berhormat telah menyebut mengenai dengan pelancongan ke Sabah dan juga dinyatakan oleh Yang Berhormat bahawa pelancong asing cukup ramai ke Sabah, betul, ini semua benar. Tetapi apakah langkah-langkah buat setakat ini oleh Kerajaan Negeri Sabah sendiri untuk menarik lebih ramai pelancong domestik yang saya lihat sekarang ini ramai lagi di antara kita, khususnya di Semenanjung, belum pernah melawat Sabah.

▪ 1520

Jadi apakah langkah-langkah yang telah dibuat oleh kerajaan Sabah, satu. Yang keduanya, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan pusat terutama sekali hendak menurunkan harga pelancong domestik ke Sabah misalnya masa cuti sekolah umpamanya. Keluarga-keluarga boleh bercuti di Sabah, tidak lagi bercuti di tempat-tempat yang berdekatan. Jadi apakah sebenarnya pada pandangan Yang Berhormat untuk menarik lebih ramai lagi pelancong dari Semenanjung khususnya bukan sahaja Tenom terkenal dengan kopinya tetapi apakah tempat-tempat yang boleh dilawati oleh kami di Semenanjung. Terima kasih.

Tuan Raimi Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat tadi dan saya percaya untuk menjawab mungkin biarlah pihak-pihak berkenaan yang menjawab. Saya percaya kerajaan kita hari ini banyak mengambil tindakan untuk meningkatkan taraf pelancongan. Dan saya harap ucapan atau pandangan Ahli Yang Berhormat tadi bolehlah dimasukkan dan akan dijawab oleh pihak-pihak berkenaan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, kereta api ini dulunya menggunakan lokomotif wap tetapi sekarang ini lokomotif diesel yang mengambil masa sekurang-kurangnya enam jam. Suasana pelancongan sebegini amat disukai pelancong Eropah, mereka sukakan *adventure* dan saya melihat pelancong dari United Kingdom, Ireland, Perancis dan Jerman gemar ke negeri Sabah. Berdasarkan kepada statistik, seramai 32,329 orang pelancong Eropah sahaja ke Sabah sepanjang tujuh bulan pertama pada tahun ini. Malah Sungai Padas menyajikan aktiviti-aktiviti sukan *rafting*, ini satu faktor yang memberangsangkan dan saya berharap Tenom dapat limpahan RM200 juta yang disediakan di bawah tabung infrastruktur pelancongan yang diuruskan oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad. Dan saya meminta kepada pegawai-pegawai bank ini turun padang supaya mereka yang berminat khususnya di kawasan saya boleh menikmati peruntukan bajet ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan Tenom diperbanyakkan hotel-hotel baru dan juga saya cadangkan supaya Tenom dijadikan sebagai pusat kompleks sukan ekstrem antarabangsa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Lipis bangun.

Tuan Raimi Unggi [Tenom]: Ya, Lipis.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat dari Tenom. Jadi saya melihat banyak pelancong ataupun pelancong-pelancong asing datang ke negeri Sabah. Jadi pernah satu masa saya mendengar bahawa mereka suka ke Sabah kerana mereka suka tentang flora dan fauna yang masih banyak di Sabah yang belum ditebang dan sebagainya. Dan kalau boleh bagi mereka ini, biarlah Sabah itu kekal macam itu, dalam hutan belantara dan sebagainya, ada orang Utan dan sebagainya. Dan pernah satu ketika semasa saya mengikuti rombongan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Belanda, mereka menjalankan satu aktiviti seolah-olah kita ini menebang pokok-pokok dan menyebabkan orang-orang Utan, “*save orang Utan*” dengan izin. Ini bak kerana orang Utan yang ada di negeri Sabah dan Sarawak itu tergugat.

Jadi apa pandangan Yang Berhormat mengenai perkara ini? Bagaimana kita hendak mengatasi diayah-diayah yang dikeluarkan oleh pihak pelancong asing ini?

Tuan Raimi Unggi [Tenom]: Terima kasih Yang Berhormat Lipis. Saya percaya cadangan daripada Ahli Yang Berhormat tadi sebenarnya hari ini kita melihat kerajaan sebagai contoh kerajaan negeri kita telah banyak mewartakan kawasan-kawasan hutan supaya hidupan liar atau binatang liar seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat telah dapat dipelihara. Dan saya percaya hasil daripada lawatan pelancong-pelancong daripada luar negara, mereka melihat sendiri bahawa kita di Malaysia sama-sama menjaga binatang-binatang yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, dapat dipelihara supaya tidak pupus ditelan zaman.

Tuan Yang di-Pertua, ini penting bagi industri pelancongan sukan malah saya berharap di bawah peruntukan program belia dan sukan sebanyak RM984 juta, Tenom bolehlah mendapat kompleks sukan baru seperti mana yang saya sebutkan tadi. Sukan-sukan yang membabitkan aktiviti sukan ekstrem seperti *rafting*, larian *eco-challenge* dan kenderaan pacuan empat roda seperti Camel Trophy pada tahun 1993 serta mendaki gunung amatlah sesuai apatah lagi di Lembah Tenom yang mempunyai suhu yang agak sejuk dan dapat menjadi sebagai satu daya tarikan.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan ekonomi sejak 1970 adalah berpandu strategi serampang dua mata dasar ekonomi baru iaitu pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum dan penyusunan semula masyarakat bagi menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi. Saya melihat pembasmian kemiskinan terus menjadi agenda utama kerajaan bagi keadilan sosial. Tambahan pula kemiskinan bukan sahaja berlaku di luar bandar tetapi juga berlaku di bandar. Pelaksanaan program pembasmian kemiskinan wajar mengambil pendekatan

bersepadu dengan merangkumi bukan sahaja program-program ekonomi yang dapat menjana pendapatan tetapi juga projek sosial dan fizikal termasuklah latihan dan penyediaan kemudahan asas. Saya melihat antara program-program yang wajar diteruskan ialah program pembangunan masyarakat setempat, program pembangunan rakyat termiskin, program meningkatkan penempatan golongan petani, program kredit mikro dan usahawan mikro, program latihan kemahiran bagi ahli isi rumah miskin, skim pembangunan kesejahteraan rakyat merangkumi program ekonomi bagi menjana pendapatan projek sosial dan fizikal serta program peningkatan ekonomi, program pembangunan infrastruktur asas dan pembangunan asas.

Kali ini apa yang menarik perhatian saya ialah kerajaan telah membuat penumpuan khusus penyediaan rumah kepada yang berpendapatan rendah dan keluarga miskin. Ini adalah kerana rumah merupakan keperluan asas dan amat penting untuk membina keluarga yang lebih teratur bersesuaian dengan kempen "*Rumahku Syurgaku*". Tidak dapat dinafikan rumah begitu penting kerana semuanya bermula daripada rumah termasuklah pembinaan generasi masa depan. Seperti program perumahan rakyat termiskin dan program perumahan lain, ia haruslah lebih luas dan berteraskan prinsip setiap rakyat haruslah mempunyai rumah sendiri. Dalam melaksanakan projek perumahan ini, kerajaan wajar memastikan beberapa perkara; tidak berlaku ketirisan dalam peruntukan pembinaan rumah ini, kualiti pembinaan rumah dan penyediaan infrastruktur yang sesuai seperti air, jalan dan bekalan elektrik. Penyelesaian masalah perumahan akan memudahkan usaha untuk menjana ekonomi bagi meningkatkan penempatan isi rumah yang miskin, penyediaan latihan dan peluang pekerjaan.

Dalam melaksanakan program-program pembasmian kemiskinan, adalah dicadangkan kerajaan mengambil beberapa pendekatan. Yang pertama, meningkatkan kemampuan, membangunkan kawasan luar bandar dengan pantas. Dan pendekatan bersepadu antara agensi peneraju pembasmian kemiskinan seperti Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di samping FELDA, FELCRA, Jabatan Kebajikan Masyarakat haruslah lebih proaktif dalam melaksanakan program pembasmian kemiskinan. Kerajaan negeri juga perlu bertindak pantas dan berkesan melalui unit perancang ekonomi negeri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang ingin saya sentuh ialah impian kita untuk melahirkan bangsa terhebat yang menyentuh soal misi 2057 yang telah diputuskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Saya berpendapat bahawa inspirasi 50 tahun kedua kemerdekaan negara yang telah dicetuskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah mahu supaya rakyat Malaysia mempersiapkan diri bagi masa depan dengan berusaha untuk mencapai kecemerlangan menjadi diri mereka unggul dalam semua bidang serta meraih kegemilangan adalah suatu wawasan yang terbilang.

Kita seharusnya berterima kasih kerana Malaysia tidak ketandusan dengan pemimpin yang kaya dengan wawasan, bermatlamat, berkomitmen, progresif serta memiliki daya

kepimpinan yang tinggi. Malah setelah merdeka pada tahun 1957, Perdana Menteri kita meminta rakyat supaya merenung masa depan kita serta memiliki impian dan aspirasi yang mungkin dilihat sebagai tidak boleh dicapai hari ini tetapi dapat digapai oleh generasi kita selepas 100 tahun merdeka. Sekiranya Wawasan 2020 mengenal pasti 9 cabaran bagi mewujudkan masyarakat yang bersatu. Demokratik, beretika, toleransi, saintifik dan makmur, 2057 pula adalah mengenai usaha untuk kecemerlangan.

■ 1530

Jika 2020 merupakan asas negara maju, 2057 ialah mengenai apa yang menjadikan diri kita unggul dalam semua bidang. Sekiranya 2020 ialah mengenai bagaimana kita akan menjadi 2057 mengenai kemuncak yang boleh dicapai oleh rakyat kita. Namun Tuan Yang di-Pertua, saya melihat apa yang berlaku sepanjang 50 tahun kemerdekaan adalah suatu yang luar biasa di mana adanya revolusi dan evolusi itu. Tidak usah kita berbicara panjang tentang soal 50 tahun ini kerana faktor ini sudah banyak tercatat dalam buku sejarah dan pelbagai bahan maklumat lain.

Kita perlu faham bahawa pengisian 50 tahun kemerdekaan ini adalah yang amat penting dinikmati sekarang, tetapi persoalan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ialah sejauh mana kemampuan dan persediaan kita untuk 50 tahun akan mendatang ini. Pastinya ramai yang akan bertanya-tanya apakah corak bangsa Malaysia dan negara Malaysia pada ketika itu sedangkan pada tahun itu negara seperti Amerika Syarikat telah pula mencapai kemerdekaan selama 281 tahun.

Adakah waktu itu pemikiran bangsa Malaysia hampir sama dengan pemikiran orang Amerika Syarikat atau jauh ketinggalan atau lebih baik lagi. Di sinilah tanggungjawab kita sebagai rakyat Malaysia haruslah melihat jauh ke hadapan kerana kesannya bukan sekarang tetapi 50 hingga 100 tahun lagi. Kita perlu mempunyai matlamat dalam menjayakan tanggungjawab kita. Segala idea dan percakapan akan dijadikan garis panduan oleh generasi akan datang bagi menempuh satu tempoh yang panjang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat negara kita perlu satu lonjakan yang deras, satu margin yang tinggi melangkaui pencapaian negara-negara yang lebih terawal merdeka. Kita sudah mempunyai prasarana yang berkelas pertama dalam dunia cuma yang diperlukan ialah satu sentuhan ajaib bagi membolehkan setiap bangsa Malaysia menjadi *role model* untuk dunia pada tempoh 50 tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat empat elemen iaitu:

- (a) pembangunan modal insan;
- (b) strategi bina upaya;
- (c) pendekatan dan penerapan cemerlang, gemilang dan terbilang;

- (d) serta personaliti terunggul atau *towering personality* yang diperkasakan dengan ilmu bakal memacu negara kita untuk 50 tahun yang akan datang.

Ini dilihat pemimpin dan kerajaan sedia dengan ungkapan “Cemerlang, Gemilang dan Terbilang”, Yang Amat Berhormat telah berkata bahawa ia adalah suatu pendekatan yang boleh membawa Malaysia ke hadapan. Jadi tidak mustahillah apa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita menggariskan impian Malaysia untuk 2057 ialah bakal mempunyai penerima hadiah nobel, syarikat global tulen, jenama yang disegani dan menerajui pasaran artis dan penyair yang di sanjung di peringkat antarabangsa, antara sejumlah besar paten saintifik dalam dunia dan sebagainya. Janganlah dianggap angan-angan kosong tetapi penuh dengan maksud hikmat yang tersirat.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dengan pemberian peruntukan yang besar dalam bajet 2008 ini pastinya akan menjadikan negara maju setapak lagi ke arah negara yang maju. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang besar sahaja tidak akan bermakna sekiranya ia tidak dapat digunakan dengan sebaik-baiknya. Justeru itu pelaksanaan dan juga pemantauan oleh pihak kerajaan adalah perlu bagi memastikan apa yang terkandung dalam bajet 2008 ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

3.34 ptg

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan menyentuh dua perkara pokok iaitu soalan ekonomi.

Soalan ekonomi banyak implikasi yang berkaitan. Dalam kita memajukan ekonomi negara, kita sepatutnya mempunyai struktur-struktur yang tertentu, struktur undang-undang, struktur fizikal dan mentaliti kita sendiri, pegawai, prosedur kerajaan dan sebagainya.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut keperluan kepada struktur undang-undang dan prosedur kerajaan yang fleksibel dan pegawai yang berkemampuan menggunakan budi bicara yang wajar dan sempurna. Jabatan kerajaan dan pusat juga kerajaan negeri dan pegawai dari semua peringkat mengetahui apa itu *international competitive rating*, ciri-ciri soalan *regulation* dan *deregulation*, *cost and various of doing business* dengan izin, *transparency*, *efficiency accountability* dan lebih-lebih lagi ialah kita hendaklah bebas daripada rasuah.

Kerajaan Pusat dan negeri mempunyai dasar yang berkemampuan menarik pelabur asing dan tempatan yang menjurus kepada penarikan *volume*, bukan margin keuntungan yang tinggi atas satu pelaburan yang kecil. Yang amat penting sekali ialah kerajaan dan pegawai-pegawai yang mengetahui keperluan masyarakat peniaga, cepat, tepat dan tidak mengelirukan.

Dasar dan prosedur perdagangan yang digubal hendaklah jangan kompleks, mengelirukan dan birokrasi yang tebal. Elakkan *red tape* yang bakal membangkitkan curiga dan rasuah. Bagaimana pula dasar perhubungan dengan syarikat monopoli. Kenapa kerajaan masih membela dan melindungi syarikat-syarikat gergasi monopoli, lihat sahaja syarikat-syarikat beras, gula, besi, simen dan banyak lagi.

Boleh digesa untuk memahami monopoli beras BERNAS kepada beras, tetapi BERNAS mendapat bekalan daripada luar negara dan pembekalan beras kepada BERNAS di luar negara pula dimonopoli oleh pihak apa yang dikatakan *the gang of cartel of seven tigers of Chow Kit Road*. Saya ingin mengetahui siapakah mereka ini yang memonopoli pembekalan beras kepada BERNAS di luar negara.

Saya berharap pihak menteri membuat jawapan yang terperinci kepada persoalan monopoli pembekalan beras kepada BERNAS yang sebenarnya kontrol segala harga dan kualiti beras yang diberi kepada BERNAS untuk dihantarkan ke negara.

Dalam soalan monopoli gula, besi, simen dan banyak lagi komoditi dan keperluan negara, saya ingin mengetahui berapa banyakkah komoditi-komoditi dan kemudahan-kemudahan yang perlu kepada rakyat negara ini diberikan kepada syarikat-syarikat yang bermonopoli. Apakah langkah komoditi dan keperluan tersebut. Saya berharap pihak kementerian boleh menjawab soalan ini dan saya juga berkehendakkan senarai kalau ada syarikat yang telah diberi lesen monopoli untuk semua mengimport komoditi, membawa komoditi masuk ke negara ataupun membekalkan keperluan servis kepada negara.

Saya ingin mengetahui juga rasional untuk membantu dan melindungi pihak monopoli ini. Adakah kita akan berterusan melindungi mereka ini yang akhirnya berupaya menjejaskan Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pembangunan Negara dan juga kredibiliti dari kaca mata antarabangsa. Persoalan yang banyak ditanya ialah kenapa? Saya ingin penjelasan daripada pihak kementerian adakah kerajaan akan berterusan melindungi dan menjaga kepentingan pihak monopoli ini.

Adakah kerajaan sebaliknya akan menggubal undang-undang anti monopoli sebagaimana yang telah dibuat di negara-negara lain seperti di Amerika Syarikat, Britain dan Eropah. Baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, kita mendengar masalah besi. Masalah besi ini telah berulang kali berlanjutan dan semenjak tahun 1984, 1989, 1991, 2003 dan 2004, sekarang 2007 masalah besi masih lagi berbangkit dan masalah besi banyak kesan sampingannya apabila besi dan simen naik harga dengan sendirinya rumah-rumah yang kita bina akan dinaikkan harga.

Kalau rumah-rumah ini tidak dinaikkan harganya, dengan sendirinya rumah ini akan berkualiti rendah kerana kontraktor mungkin akan mengenakan *cut corners* dengan izin dan dengan itu boleh mendapat keuntungan kepada mereka sendiri tetapi rumah yang dijual kepada masyarakat akan berkualiti rendah. Di sinilah letaknya kenapa kita selalu mendengar yang rumah ini runtuh, yang ini terjatuh ke sungai dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh mengambil enteng perkara ini untuk memberi keuntungan kepada yang sedikit telah merugikan negara dan merugikan masyarakat kita sendiri. Kita mesti bertanggungjawab, di Parlimen ini kita sebagai Ahli Parlimen perlu menggesa pihak kerajaan supaya pihak monopoli ini dikawal tindakan mereka, bahkan saya melihat supaya lesen ataupun permit pengimport terbuka luas kepada sesiapa sahaja yang berkemampuan untuk membuat perniagaan dalam bidang-bidang pembekalan ini.

Pengimportan dan harga terkawal juga ada kesan yang negatif kepada harga ini kerana pada masa sekarang kita telah dimaklumkan bahawa *scrap metal* iaitu besi buangan mempunyai peningkatan harga 20% dengan sendirinya, pihak pengilang telah juga menaikkan harga besi.

■ 1540

Oleh kerana besi ini di kontrol oleh kerajaan harganya, ini mendatangkan kesan kepada pihak pengilang. Dalam masa yang sama penggunaan *the market force*, dengan izin tidak juga dilaksanakan. Jadi, keadaan yang bercelaru sedemikian telah mendatangkan satu masalah yang besar bukan sahaja pengilang besi, pembeli besi tetapi juga kepada *developer* dan pemaju tanah.

Dengan yang demikian saya mencadangkan supaya kerajaan memikirkan semula satu soalan soal monopoli pembekal besi, simen dan sebagainya ataupun *building material*, dengan izin. Yang kedua soal harga siling besi, simen dan sebagainya, kerajaan patutnya boleh melihat perkara ini supaya tidak mendatangkan kesan kepada pihak-pihak pemaju tanah dan pembuat rumah dan sebagainya juga kontraktor-kontraktor.

Tuan Yang di-Pertua kalau kita menyebut soalan kontraktor kita tidak boleh melarikan diri persoalan kontraktor-kontraktor kecil, kalau kontraktor ini kontraktor besar-besaran yang mempunyai *turnover* berjuta-juta mungkin mereka boleh mendapatkan hasil daripada kerja mereka, tapi mereka yang kecil-kecilan iaitu khususnya kelas F akan terkena oleh pihak-pihak penjual besi dan *building material* ini dengan harga yang tinggi dengan itu satu sekali lagi kita akan terkilan oleh kerana kita hendak memaju mereka kelas F ini untuk membantu kerajaan untuk merealisasikan Dasar Ekonomi Baru. Jadi kalau Dasar Ekonomi Baru tidak dapat direalisasikan dalam bidang pembangunan pembinaan ini nescaya sekumpulan hampir 50,000 masyarakat kelas F juga akan terkilan bersama kita. Jadi bukan saja kelas F akan terkilan tapi dasar kerajaan juga akan terganggu gugat oleh sebab masalah besi, simen dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dasar ini tidak boleh diubahkan saya mencadangkan supaya kerajaan mengadakan satu *network* pembekal kepada semua *building material* ke seluruh negara untuk membekalkan kontraktor kecil-kecilan supaya tidak mendapat tekanan daripada pembekal-pembekal yang mungkin menyimpan dan menyorokkan barang-barang mereka di tempat lain untuk menaikkan harga di tempat-tempat lain pula. Alasan kerajaan mengatakan kerana sorokan inilah mengapa barang besi, simen dan sebagainya naik harga adalah belum jelas. Saya

berharap kerajaan mengambil tindakan yang khusus dan rapi supaya tidak mendatangkan kesan negatif dari beberapa segi.

Tuan Yang di-Pertua pada masa sekarang kita dijanjikan bahawa tidak lagi kontrak secara *direct-nego* diberi kepada kontraktor-kontraktor besar-besaran untuk melaksanakan projek-projek kerajaan. Oleh kerana *direct-negotiation* ini masih dilaksanakan oleh pihak kerajaan, walaupun saya tidak membantah dasar ataupun sistem pemberian kontrak kerajaan secara *direct-nego* ini tapi kerajaan mestilah bertanggungjawab untuk menjaga supaya kos pembinaan satu-satu projek itu tidak *overrun* dengan kos tertinggi atau pun *markup price* yang dibuat oleh pihak kontraktor dan konsultan hingganya menggugatkan projek-projek kerajaan. Ini kerana kerajaan meluluskan satu-satu perancangan tiap-tiap tahun berlandaskan siling kos atau pun siling jumlah kewangan tetapi kalau kos satu-satu projek telah meningkat dengan sendirinya jumlah projek yang akan dilaksanakan akan tergugat dan akan tergendala atau pun tidak dapat dilaksanakan pada tahun yang tersebut akan ditunda ke tahun akan datang.

Kalau perkara ini telah dirancang dalam satu rancangan Malaysia umpamanya Rancangan Malaysia Kesembilan tetapi projek dengan kos yang telah menelan belanja dengan yang tertentu tetapi kalau satu projek di *markup price* dengan begitu tinggi sekali oleh kontraktor dan konsultan tidak ada penilaian yang terperinci oleh pihak kerajaan dengan sendirinya banyak projek-projek kerajaan tidak akan terlaksana. Dengan itu juga Tuan Yang di-Pertua negara kita akan kerugian sumber kewangan masyarakat kita tidak dapat menerima dengan projek-projek yg disasarkan oleh kerajaan dengan sendirinya kita akan kerugian keseluruhannya dan yang untung hanyalah yang segelintir yang kecil yang dikatakan kontraktor, konsultan dan mereka yg menerima habuan di sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua kita mesti berjaga-jaga untuk berjimat cermat, berbelanja duit kerajaan dalam masa kita berjimat cermat ini kita jangan sekali-kali lupa bahawa matlamat dasar ekonomi baru yang kita isytiharkan masih belum tercapai Dasar Ekonomi Baru 1970 ke 1990 dan disusul oleh dasar pembangunan

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Tuaran.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Santubong. Yang Berhormat telah nyatakan tentang kerugian kerajaan apabila projek-projek ini dilaksanakan secara *direct-nego* ini. Adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan pada pihak kerajaan supaya mengadakan kriteria tertentu untuk projek-projek yang dibenarkan untuk *nego* ini dan selain daripada projek yang tidak termasuk dalam kriteria ini hendaklah dibuat secara tender. Adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan untuk itu, terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak melihat dari segi projek-projek yang tertentu tapi ada landasan kerajaan mengatakan

projek *direct-nego* hanya diberi pada satu-satu projek ataupun jenis projek yang mempunyai kepakaran ataupun keperluan kepakaran yang tertentu. Jadi *direct-nego* ini memberi ruang kepada pihak kerajaan untuk menilai kepakaran ini ada kepada syarikat membuat tawaran sedemikian. Saya tidak menafikan bahawa ada kebijaksanaannya untuk melaksanakan projek ini tapi kalau kita lihat sekarang benda-benda yang dibuat kerajaan secara *direct-nego* ialah buat sekolah, buat jalan-jalan raya semua orang boleh melaksanakannya mana-mana syarikat. Bahkan kita di sini Tuan Yang di-Pertua kalau diberi secara *direct-nego* dan menggunakan mekanisme yang di laksana oleh kerajaan sekarang walaupun budak kecil jadi pengarah ataupun tuan punya syarikat boleh melaksanakan projek-projek sedemikian.

Misalannya pada tahun 19... ini persoalan peribadi Tuan Yang di-Pertua dan saya ingin menyebutkan di sini di bawah peraturan oleh sebab melibatkan saya sendiri secara peribadi. Pada tahun 2000 saya merancang satu projek di Sarawak dan jalan ini dianggap satu jalan yang amat penting bagi Kerajaan Negeri Sarawak, apabila telah berbincang dengan Kementerian Kewangan diberitahu oleh Kementerian Kewangan bahawa projek ini akan diberikan kepada semua kontraktor-kontraktor bumiputera dan 30 syarikat bumiputera disenaraikan. Apabila 30 syarikat bumiputera disenaraikan dan dibahagikan kepada tiga *packages*, iaitu tiap-tiap satu *packages* 10 syarikat bumiputera. Apabila kontrak ini telah diawardkan pada enam tahun selepas itu iaitu pada tahun 2005 atau 2006 kalau tidak salah saya, senarai ini tinggal senarai sahaja. Orang yang mendapat projek ialah orang lain. Tidak ada pun dalam senarai ini, tidak pernah dengar pun nama syarikat itu. Jadi orang yang dalam senarai, yang sudah buat *technical study*, sudah buat *feasibility study* dan sudah buang belanja beribu-ribu tidak dipanggil untuk membuat *quotation* ataupun dipanggil membuat *quotation* tetapi *quotation* mereka dibuang ke dalam tong sampah macam itu sahaja.

Jadi ini menunjukkan bahawa kerajaan tidak ikhlas melaksanakan perkara-perkara yang mereka janjikan kepada rakyat. Ini kita patut elakkan. Bahkan pula saya diberitahu oleh syarikat subkontraktor yang berjumpa saya selepas itu iaitu tiga minggu selepas kontrak itu diberi kepada syarikat yang 'dipayungterjunksan' ke Sarawak. Diberitahu bahawa nilai projek itu satu pakej RM228 juta dan diberi kepada beliau RM140 juta untuk melaksanakannya secara keseluruhan. Dengan sendiri syarikat payung terjun ini dapat untung RM80 juta begitu sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

■1550

Jadi di mana letaknya cara kita hendak berjimat-cermat. Dalam keadaan sedemikian, kita patut ikhlas melaksanakan perkara ini, janganlah syarikat payung terjun yang datang lepas itu mendapat keuntungan yang begitu besar pula. Pada hal orang yang melaksanakan projek ini akhirnya ialah syarikat tempatan yang mengetahui *parent costs*, membuat *study* dan sebagainya. Terima kasih.

Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]: Terima kasih Yang Berhormat dari Santubong, saya setuju 100% dengan apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat dari Santubong tadi itu. Ingin penjelasan sedikit ataupun setujukah Yang Berhormat bahawa syarikat-syarikat tempatan hanya diberikan peluang untuk melaksanakan projek ini secara subkontrak dan setujukah juga Yang Berhormat, bahawa ada kes-kes di mana subkontraktor-subkontraktor ini, syarikat-syarikat tempatan ini tidak dibayar penuh dan mereka tidak ada peluang untuk pergi ke mana-mana pihak untuk menuntut bayaran itu kerana mereka takut. Lain kali kalau ada projek-projek besar syarikat-syarikat daripada negeri yang lain ataupun dari Semenanjung sebagai contohlah, Semenanjung, Sabah dan Sarawak sentiasa mendapat projek yang besar melalui *direct negotiation* ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai bukti bahkan saya telah pun pernah menulis surat kepada Kementerian Kewangan tetapi malangnya surat saya pun hilang, surat saya tidak dibalas, semua perkara ini berlaku.

Seorang anak buah saya daripada kawasan Batang Lupar dahulu, dia pernah menjadi subkontraktor pada satu syarikat bernama Wikajaya. Wikajaya ini membuat RES iaitu *Rural Electrification Scheme* di seluruh Sarawak pada ketika itu, dan apabila telah mendapat - tidak besar Tuan Yang di-Pertua, hanya Kelas F dapat subkontrak RM150,000. Jadi apabila siap dan disatifikasikan oleh pihak SESCO dan projek ini dilaksanakan, penyampaian elektrik dah sampai, pembekalan dah diberi dan semuanya, *main contractor* iaitu Wikajaya hingga sekarang belum memberi bayaran RM150,000 kepada syarikat yang daripada Kampong Sebuyau, Batang Lupar sekarang. Jadi pernah orang ini berjumpa saya dan saya terus menulis surat kepada kementerian dan kementerian menjawab menyatakan ada syarat-syarat yang tertentu mengatakan pembayaran mesti dibuat selepas projek itu siapa dalam masa 30 hari, dan saya bagi tahu dengan orang ini dan saya tulis, tetapi hingga sekarang tidak ada jawapan oleh kerana sumber kewangan, mungkin telah dibayar oleh Kementerian Kewangan kepada *main contractor* dan *main contractor* iaitu Wikajaya ini sampai sekarang tidak bayar kepada subkontraktor ini, dan subkontraktor ini telah memanggil seorang peguam dan peguam apabila tengok RM150,000 pembayaran dengan orang kampung syarikat pun Kelas F, mungkin bayar RM1,000-RM2,000 ambil sambil lewa sahaja mengambil tindakan. Sehingga sekarang kes ini belum dibicarakan di mahkamah. RM150,000 mungkin kepada kita tidak besar Tuan Yang di-Pertua, tetapi orang Kelas F, RM150,000 itu adalah dunia mereka.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya berharap dan saya pernah mencadangkan kepada kerajaan supaya melaksanakan satu perundangan yang saya sebut iaitu *Prompt Payment Act*, iaitu mengikut undang-undang yang dilaksanakan di Amerika dalam tahun 1982, *Prompt Payment Act* ini adalah satu ciri-ciri yang tertentu. Dia selaras dengan arahan-arahan kerajaan, tetapi dia mempunyai *force of law* atau kuasa undang-undang, yang mana apabila mana-mana

kontraktor atau subkontraktor tidak mendapat bayaran, dia boleh membawa kerajaan, dia boleh membawa pegawai kerajaan, dia boleh membawa main *contractors*, mana-mana sahaja orang yang terlibat ke mahkamah atas kos kerajaan, atas kos pihak-pihak ini dan orang yang membawa kes ini tidak akan terkena apa-apa bayaran. Jadi dalam keadaan yang sedemikian, *legal bureau* boleh membawa kes itu ke mahkamah. Dalam keadaan yang sedemikian, barulah pembelaan kita sempurna kepada mereka yang kecil-kecilan ini. Malangnya perkara ini tidak didengar oleh pihak kerajaan kerana tidak mendatangkan hasil kepada yang ratusan juta, dan orang yang kita nak bela ini, orang kecil-kecilan sahaja. Jadi saya sebutkan tadi, jangan lupa Dasar Ekonomi Baru yang mana belum mencapai matlamatnya.

Saya memperingatkan lagi ekuiti bumiputera masih di peringkat 18.7% keseluruhannya. Ini pun termasuk *trust company* dan sebagainya yang kepada individu adalah 14.8% sahaja. Tetapi 14.8% individu ini termasuklah manusia yang *super rich* dalam masyarakat bumiputera Tuan Yang di-Pertua minta maaf saya sebut, Tan Sri Syed Mokhtar, Tan Sri Halim Saad, Tan Sri Halim Mazmin, dan banyak lagi *super rich Malaysian* yang dalam kelompok 14.7%.

Jadi maknanya kalau kita lihat secara keseluruhannya, orang yang di luar bandar pendapatan bulanan hanya RM1,729 pada tahun 2003 dan *national average* kita RM3,000, bahkan orang luar bandar pun masih di bawah pendapatan *national average*. Oleh kerana *the super rich contribute* kepada peningkatan fakta ini bumiputera pada keseluruhannya mendapat RM2,376.00 sebulan di rumah, ini pun kerana *the super rich* ini *contribute* kepada pendapatan ini. Dalam masa yang sama orang Cina mendapat RM4,279, tahniah masyarakat Cina dan orang India pun dah mencapai ke RM3,044 sebulan. Jadi menunjukkan bahawa yang 50% rakyat Malaysia orang bumiputera duduk di luar bandar hanya mendapat RM1,729.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Ayer Hitam.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Santubong. Saya tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat yang mengatakan tentang kekayaan sesuatu kaum itu.

Saya nak minta pandangan dan penjelasan daripada Yang Berhormat, yang mengatakan bahawa dalam sesuatu kaum itu ada yang kaya sangat, tidak kira Cina, Melayu, India. Tetapi apa yang menghairankan sekarang, kerajaan kita sebelum 1990 telah memaparkan statistik *intra-ethnic disparity* dengan izin, tetapi sejak tahun 1990-an ianya tidak lagi menggambarkan statistik tersebut, sebenarnya statistik ini adalah satu kayu ukur untuk melihat di manakah jarak atau gap antara yang paling kaya dengan miskin dalam sesuatu kaum tertentu. Apa pandangan dan ulasan Yang Berhormat tentang *intra-ethnic disparity* yang saya katakan tadi. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Yang Berhormat, saya melihat fakta-fakta kerajaan kadang-kadang dia masukkan semua buah dalam

satu *basket*. Bila dia masukkan buah dalam satu *basket*, lepas itu bagi dengan beberapa biji buah dan semua itu yang kecil, yang halus, yang buruk, yang tidak baik itu termasuk dengan yang terbaik, yang terelok, yang terindah. Jadi dengan sendirinya dia kata kita dah nampak indah. Jadi ini salah Tuan Yang di-Pertua.

Saya memahami soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Ayer Hitam. Sebelum tahun 1990, sebelum tamatnya Dasar Ekonomi Baru, kita gantikan Dasar Pembangunan Negara. Dasar Pembangunan Negara mempunyai satu teras yang berlainan daripada Dasar Ekonomi Baru untuk melihat. Kita agihkan, asingkan yang kaya-kaya ini kepada satu tempat, tidak kira bumiputera atau bukan bumiputera dan ini di kalangan yang miskin, kita bahagi-bahagikan di antara yang miskin ini tidak kira bumiputera ataupun bukan bumiputera.

Kita hendak melihat siapa sebenarnya di kalangan masyarakat kita yang perlukan pembelaan kerajaan. Tetapi malangnya pada tahun 1994, saya masih ingat lagi siapa Menteri Kewangan masa itu, ada ucapan di Dewan ini saya yang membantah, apabila dikatakan kita nak melihat dalam konteks bumiputera, nak melihat bumiputera yang berdaya saing, bumiputera yang berpotensi tinggi, bumiputera yang gigih, kita akan kenal pastikan mereka ini dan kita akan bimbing mereka ini, kita akan anak angkatkan mereka ini hingga bangunlah orang yang macam Syed Mokhtar, Tan Sri Halim, Halim dua tiga Halim, dan beberapa lagi *super rich people*, dan termasuklah orang seperti Tan Sri Vincent Tan dan banyak lagi. Oleh kerana bimbingan yang *target group* ini, sasaran ini, yang dibimbing oleh pihak kerajaan menjadi *super rich to reflect* dalam Malaysia dan per kapitanya akan meningkat. Tetapi malangnya kita telah membukakan jurang antara *the have and the have not, the have and the have less*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah dasar yang saya lihat pada tahun 1994,

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Saya kata... Tuan Yang di Pertua

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh gulung.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Saya kata pada tahun itu, ini adalah dasar yang salah. Oleh kerana kalau nak bikin meja jangan bikin empat kaki, kalau salah satu kaki jatuh, meja akan lingkup, kalau bikin 10 kaki, 100 kaki, sepuluh kaki meja jatuh, sekurang-kurangnya meja masih boleh berdiri, saya kata.

■1600

Kita jangan memperkecilkan kuasa dan *middle class* ini. Jadi kerana kita *target group* ini tidak menjuruskan kepada pembinaan *middle class* dengan sendirinya jumlah *middle class* kita menurun walaupun ada pembesaran tetapi daripada nisbahnya daripada *averagenya* kita nampak adalah berkurangan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua saya berharap Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Negara yang melihat *restructuring of society* ini dalam konteks seluruh rakyat Malaysia

diperlihatkan semula supaya jangan ada orang tertinggal. Ini kerana Tuan Yang di-Pertua, *study* di luar negara banyak menunjukkan bahawa kekayaan boleh mendatangkan pelbagai nikmat kepada masyarakat iaitu kajian dibuat oleh Oliver dan 'Ce'firo'.

Saya sekali lagi hendak sebutkan kajian dibuat oleh 'Conlay' perbezaan kaum adalah satu fakta utama yang mempengaruhi pencapaian pelajar-pelajar dalam peperiksaan. Walaupun kita mempunyai dasar *affirmative action* dalam soalan pendidikan. Namun kalau kita lihat macam mana pencapaian kita dalam soalan pendidikan masih bumiputera tidak dapat mengejar apa yang kita kehendaki walaupun kita sudah sebut perkara ini, walaupun dasar ini telah terlaksana 30 lebih tahun.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua kita kena buat sekarang ini iaitu dasar soalan *affirmative action* dan satu lagi iaitu dasar kapasiti *building* mesti dijalankan. Sedikit sahaja saya hendak sebut, tadi saya mendengar pagi tadi Yang Berhormat dari Jasin dan Yang Berhormat dari Jerai bangkitkan soalan Petronas, soalan MARA, soalan UDA. Tuan Yang di-Pertua ini satu realiti yang kita tidak lihat.

Soalannya kalau kita lihat apa kata 'Jeff Low dengan Graham' pada tahun 1990, harta benda ialah daripada yang di inherit oleh seseorang itu boleh mendatangi kekayaan, dan kekayaan itu boleh mendatangkan pelbagai pendapat kata 'Ce'firo; dan Conlay' pula mengatakan dia boleh meningkatkan pelajaran. Jadi semua kajian-kajian ini menjuruskan kepada harta benda tetapi malangnya jabatan-jabatan kerajaan, agensi-agensi kerajaan yang diamanahkan sebagai Petronas, sebagai UDA, Bank Pertanian, agensi-agensi kerajaan yang lain telah tidak membantu masyarakat yang kurang, yang perlukan bantuan sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Jerai, yang disebut oleh Yang Berhormat Jasin tadi.

Jadi di mana letaknya Dasar Ekonomi Baru? Di mana letaknya Dasar Pembangunan Negara? Di mana letaknya kita hendak persoalkan kejayaan dan kebolehan kita untuk mengejar apa yang kita cadangkan. Oleh kerana agensi-agensi kerajaan telah tidak peka dengan dasar kerajaan, tidak tahu melaksanakan dasar kerajaan...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat dari Santubong. Saya pun ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana menyahut juga pandangan. Berbalik kepada KLCC ini, kita sedia maklum KLCC adalah milik Petronas, Suria KLCC juga adalah milik Petronas. Kita mengambil orang barat untuk menjadi peniaga ataupun penjaga kepada *shopping complex* dengan bayaran gaji yang begitu besar, saya difahamkan RM70,000 sebulan.

"Mat Saleh" ini dia bukan kira sudah dia tidak kira sudah dasar kita, dia tidak kira sudah masalah sosial dan sebagainya. Bagi dia yang penting adalah *bottom line*, sedangkan kita

negara membangun kita melihat juga dari segi keuntungan sosial, masyarakat majmuk dan sebagainya. Jadi apakah Petronas yang diterajui oleh orang Melayu di peringkat atasan sebagai presiden tetapi hendak jaga *shopping complex* itu pun kita terpaksa import daripada negara barat.

Dan kita lihat di situ Tuan Yang di-Pertua ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Bukan yang ini realiti...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tanyalah soalan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kita lihat hari ini rakyat Malaysia hanya meniaga sebagai gerai-gerai di tengah-tengah jalan-jalan di dalam KLCC. Sedangkan Starbucks ke yang itu ini diberi peluang ruang untuk meniaga. Apalah salahnya kita adakan restoran-restoran Malaysia yang lebih profesional, lebih indah dan cantik di situ untuk memperkenalkan makanan kita. Apakah Yang Berhormat lihat di bangunan itu tidak ada langsung satu gerai yang ataupun satu lot yang meniaga benda-benda keluaran Malaysia, *handicraft* Malaysia dan sebagainya di satu bangunan yang boleh dikatakan pelancong banyak yang masuk ke situ.

Jadi mungkin Yang Berhormat boleh mencadangkan kepada Petronas untuk mengkaji balik supaya jangan anak Malaysia ditirikan dan peniaga-peniaga dari luar negara ini diagung-agungkan di dalam rumah kita sendiri. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Santubong habiskan ucapan.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Ya saya habiskan Tuan Yang di-Pertua, saya habiskan terima kasih. Saya setuju dengan Yang Berhormat Jerai ini sebab tahun lepas ada sebuah operator kedai hendak jual satu barang dia tidak ada pun tidak bayar cukai, dia tidak ada bayar *service fees*, semua dia bayar, semua cukai dia bayar. Dia pun sendiri tidak tahu kenapa dia disuruh keluar, pada hal dia bersedia membayar sewa kalau tidak salah RM30,000 lebih sebulan. Kenapa dia begitu? Kenapa ada diskriminasi oleh pihak *management* KLCC ini kepada masyarakat yang berniaga dengan ikhlas, dengan betul di tempat itu.

Jadi kerajaan Tuan Yang di-Pertua, saya bermohon kalau kita hendak batalkan, kalau kita hendak gagalkan, kalau kita hendak habiskan Dasar Ekonomi Baru saya tidak setuju Tuan Yang di-Pertua. Kalau inilah cara dengan senyap-senyap kita gagalkan Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pembangunan Negara Tuan Yang di-Pertua kita telah bercakap lain bikin lain Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong terima kasih.

4.07 ptg.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya untuk menyatakan rasa syukur kerana diberi peluang dan ruang bagi menyertai

perbahasan bajet 2008 di Dewan yang mulia ini. Rasanya belum terlambat Tuan Yang di-Pertua untuk saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri sebagai tanda kesyukuran yang bermakna apatah lagi negara sekarang berada di era 50 tahun kemerdekaan. Tuan Yang di-Pertua, tahun 2008 merupakan tahun ketiga pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berkali-kali menegaskan bahawa semua projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan mestilah disiapkan dalam tempoh perancangan tersebut.

Masalahnya Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi sahabat saya Yang Berhormat dari Santubong menyentuh tentang kekurangan bahan-bahan pembinaan ataupun material *construction* yang begitu kritikal sekali, tentang besi. Sebenarnya bukan sahaja tentang besi hampir keseluruhan barang-barang pembinaan berada dalam keadaan yang tidak menentu. Labuan tidak pernah menghadapi situasi sedemikian tetapi pada tahun ini saya menerima panggilan telefon secara peribadi daripada Ketua Pengarah ICU kerana projek kecil luar bandar pun kita gagal menyiapkan seperti yang dijadualkan disebabkan kekurangan simen, pasir, batu. Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Santubong, ini disebabkan oleh monopoli, monopoli yang diberikan oleh kerajaan kepada syarikat tertentu.

Saya menyokong apa juga tindakan untuk membuka pedagang-pedagang ini untuk lebih ramai dipelopori oleh *players of the industry* dengan izin ataupun peniaga-peniaga yang boleh mengendalikan perniagaan tersebut harus diberikan galakan untuk mengelakkan daripada berlakunya kegagalan kita melaksanakan projek-projek Rancangan Malaysia Kesembilan seperti yang dijadualkan. Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua saya juga ingin menambah sedikit rasa simpati Yang Berhormat Santubong kepada kontraktor Kelas F. Bukan sahaja tentang kontraktor Kelas Fasal, malah Kelas A pun menerima bahang.

Saya difahamkan bahawa kenaikan harga barangan yang melibatkan barangan pembinaan meningkat dengan begitu pantas sekali. Saya berbincang dengan QS satu *consultant* melibatkan satu projek di Labuan dia yang membuat anggaran kos, dia sendiri goncang. Dia kata Tuan Yang di-Pertua, tidak ada apa yang kami boleh buat kerana harga ini bukan dalam bidang kawalan kami.

■ 1610

Dalam tempoh enam bulan sahaja harga batu, simen, pasir naik melebihi 50%. Jadi saya difahamkan ada satu sekular kononnya Kementerian Kewangan cuma membenarkan supaya kalau berlaku kenaikan harga barangan, kontraktor boleh menuntut di antara 5% atau 10%. Bagaimana kalau kenaikan tersebut melebihi? Bermakna kontraktor akan rugi dan itu makanya banyak projek terbengkalai kerana kontraktor-kontraktor daripada dia berterusan rugi dia tinggalkan projek tersebut. *Cut lost* dia kata, daripada rugi berpanjangan dia *cut lost* atau dia akan siapkan tetapi dengan kualiti yang cukup buruk.

Itu yang mungkin berlaku insiden di mana atap bocor seperti di Putrajaya, tiba-tiba siling jatuh. Ini adalah kemungkinan-kemungkinan di mana kontraktor terpaksa menyiapkan projek-

projek tersebut sebab kos barangan naik tanpa sebarang kawalan dan kerajaan tidak mampu mengawal kerana barangan ini tidak disenaraikan sebagai barang-barang yang dikawal. Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik baru-baru ini dengan satu insiden yang melibatkan feri Tioman di mana setelah berlakunya insiden tersebut barulah Kementerian Pengangkutan mengarahkan pegawai-pegawai Jabatan Laut mengadakan sekatan atau pemeriksaan yang teliti.

Saya sejak duduk dalam Dewan ini telah menekankan berkali-kali tentang masalah feri, kenderaan yang mengangkut kereta di antara Labuan dengan Tanah Besar negeri Sabah, Menumbok. Daripada hari pertama hingga ke hari ini sehingga melibatkan Kementerian Wilayah, ternyata Kerajaan Negeri Sabah yang bertanggungjawab untuk melihat perkara ini tidak memberi perhatian serius. Saya berterima kasih kepada Menteri Pengangkutan yang mana telah memberikan sokongan, telah memberikan pelbagai perhatian tetapi beliau dengan jelas mengatakan "Yang Berhormat, tentang hak pendaratan ini hak negeri Sabah".

Saya tidak mahu Tuan Yang di-Pertua masalah feri pengangkutan yang berlarutan ini besok akan menjadi seperti apa yang berlaku di Tioman. Kalau ini berlaku, saya akan rujuk balik hansard-hansard saya yang saya berucap hampir setiap tahun bila mana ada ruang untuk berucap. Saya minta supaya Menteri Pengangkutan menekankan Kerajaan Negeri Sabah supaya melihat keperluan untuk menaik taraf masalah feri pengangkutan yang sudah berlarutan hampir lebih 10 tahun. Ini ada termasuk dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mana mengatakan untuk mempertingkatkan sistem pengangkutan yang lebih efisien.

Jadi kalau sekiranya ini tidak diberikan perhatian serius oleh Kerajaan Negeri Sabah, saya amat kecewa Tuan Yang di-Pertua kerana bermakna sehinggalah mereka selesai mematuhi perjanjian yang ditandatangani entah berapa tahun yang lalu, maka selama itulah rakyat akan menderita. Jangan lupa Tuan Yang di-Pertua, kita datang daripada kawasan yang sama. Kebanyakan penduduk yang menggunakan kemudahan feri ini ialah warga Sabah yang tinggal di Kuala Penyu, Beaufort, dan juga Menumbok yang bekerja di Labuan. Saya mohon dengan penuh ikhlas Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, selaku ketua pemimpin negeri Sabah memberikan perhatian yang cukup serius ke atas perkara ini.

Mudah-mudahan Tuhan tidak menurunkan ujian kapal feri tersebut karam di laut dan ada yang mati. Kalau ada yang mati besok barulah Kerajaan Negeri Sabah hendak bertindak maka ianya sudah terlambat. Jadi saya mohon Tuan Yang di-Pertua supaya perkara ini dapat diberikan perhatian serius bukan sahaja Kerajaan Negeri Sabah tetapi juga Kementerian Pengangkutan.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua saya ingin berterima kasih juga kepada Kementerian Pengangkutan kerana telah pun memberi peruntukan yang agak besar untuk menaik taraf Lapangan Terbang Labuan bernilai hampir RM368 juta kalau saya tidak silap, tetapi apa yang ingin saya tanyakan di sini, tadi saya ada kemukakan soalan tetapi tidak sampai walaupun saya

nampak Yang Berhormat Menteri Pengangkutan sendiri hadir untuk menjawab namun tidak sampai kepada soalan saya.

Apa yang ingin saya nyatakan di sini ialah di Perbadanan Labuan saya sebagai Pengerusinya, kita telah didatangi oleh pelbagai pihak yang bila mendengar Lapangan Terbang Labuan telah pun dipanjangkan dan dijangkakan beroperasi bermula tahun depan, kita telah didatangi beberapa pihak yang berminat untuk datang melabur dan sebagainya tentang konsep *open sky* yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tahun 2003 di Labuan. Begitu juga semasa menjawab soalan di Parlimen dan juga dalam pembentangan bajet, Yang Amat Berhormat ada mengatakan tentang *open sky* sekali lagi melibatkan Labuan.

Apa yang saya harapkan Tuan Yang di-Pertua ialah supaya *open sky* yang dimaksudkan itu ialah *open sky* yang merangkumi apa yang dipanggil dalam kaedah *civil aviation fifth freedom traffic ride*, di mana mana-mana pesawat boleh mendarat di Labuan dan dari Labuan dia terus menuju destinasi lain. Tidak diperlakukan seperti apa yang berlaku di Hong Kong, Hungary, Switzerland dan juga Taiwan ataupun Australia di mana yang diguna pakai ialah *third and fourth freedom traffic ride* di mana pesawat mesti balik di tempat negeri asal dia bertolak.

Kalau itu yang berlaku maka tidak ada kelebihan untuk Lapangan Terbang Labuan dinaiktarafkan. Jadi saya bermohon supaya MOT ataupun Menteri Kementerian Pengangkutan mempertimbangkan perkara ini kerana ia akan menjadi satu tarikan untuk pesawat-pesawat daripada luar negara datang dan membawa *passenger* ataupun penumpang ke Labuan sekali gus ke destinasi-destinasi yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur kerana Kerajaan Persekutuan telah memberikan peruntukan yang cukup lumayan untuk Labuan terus dibangunkan walaupun hari ini kita berusia 23 tahun masih ada lagi orang-orang yang mempertikaikan komitmen Kerajaan Persekutuan seperti baru-baru ini Naib Presiden PKR kononnya mengatakan bahawa mereka akan membawa balik Labuan ke negeri Sabah.

Saya mengatakan bahawa ini adalah *statement* orang yang kurang akal kerana hanya orang yang kurang akal akan bercakap sedemikian kerana orang Labuan tidak mungkin memilih untuk kembali sebagai sebuah daerah kecil bila mana telah dinobatkan hampir 23 tahun sebagai FT. Walau bagaimanapun, kemungkinan mereka melihat tidak banyak projek-projek mega berlaku di Labuan yang ada kebanyakannya mungkin infrastruktur-infrastruktur kecil terutama naik taraf-naik taraf jalan-jalan kampung, menaik taraf paip air, longkang, pembedungan dan sebagainya, tetapi mungkin seperti apa yang berlaku di negeri Sabah hari ini yang juga menjadi kekaguman orang Sabah pelbagai projek swasta seperti *mall* sana *mall* sini berlaku di Labuan ianya tidak berlaku.

Walaupun Labuan mempunyai status yang dikatakan begitu baik sebagai sebuah pulau yang bebas cukai namun orang masih tidak tertarik ke Labuan, soalnya kenapa? Jadi saya telah mencadangkan beberapa perkara kepada Kerajaan Persekutuan. Di antaranya ialah untuk

membina jambatan ke Labuan, Alhamdulillah hari ini kita mendapat sedikit peruntukan untuk membuat kajian yang dikendalikan oleh UMS, Universiti Malaysia Sabah di mana mungkin hasil kajian tersebut akan menjadi petanda kepada Kerajaan Pusat sama ada pembinaan jambatan Labuan ke negeri Sabah boleh dilaksanakan atau tidak.

Saya berharap mudah-mudahan kajian tersebut akan berpihak dan jambatan boleh dibina dan ianya memberi manfaat bukan sahaja kepada warga Labuan tetapi kepada rakyat di negeri Sabah khususnya. Tuan Yang di-Pertua, apa yang ingin...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Putatan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya bagi Labuan. Saya selalu melawat Labuan, memang sebahagian daripada kawasan yang saya ketahui. Dahulu saya rasa semasa saya kecil berumur lima, enam atau tujuh tahun saya berada di Labuan bersekolah di Labuan.

■ 1620

Saya rasa harga barangan di Labuan, barang-barang runcit di Labuan agak murah sekali jika dibandingkan dengan harga runcit di Tanah Besar negeri Sabah.

Jadi apa yang kita lihat juru runcit-juru runcit di Labuan memang ada benda-benda yang murah. Terutama sekali liquor, arak, rokok, beer, brandi dan wiski, tetapi harga seperti baju, harga seperti barangan-barangan yang lain agak berlainan, lebih mahal daripada Kota Kinabalu kerana, ada peniaga-peniaga di Labuan ini memberi *retail price* dari Kota Kinabalu dan dijual di Labuan. Jadi adakah pembaharuan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat supaya barangan di Labuan sebagai *free port* ini dimurahkan lagi.

Kedua, cadangan untuk mewujudkan Universiti ASEAN ini, adakah Yang Berhormat untuk menghidupkan lagi cadangan untuk menubuhkan dan mewujudkan Universiti ASEAN di Polda. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Terima kasih Yang Berhormat. Memang kerajaan melalui Kementerian Wilayah Perbadanan Labuan dan agensi-agensi lain yang ada di Labuan berusaha untuk menarik pelabur ataupun *retailers* dengan izin untuk berniaga di Labuan. Malangnya hingga ke hari ini yang menjadi isu ialah tentang kepadatan penduduk. Labuan hanya memiliki 70 ribu penduduk.

Jadi bila mereka membuat *business* analisis mereka mengatakan Labuan tidak cukup *purchasing power* untuk mereka beroperasi. Walaupun saya tidak setuju dengan pendapat tersebut, tetapi memandangkan ini adalah inisiatif pihak swasta, maka kita tidak ada pilihan.

Saya telah melobi berhabis-habisan untuk bawa masuk Mc'Donald. Ada orang sanggup bayar francais mereka, hendak bawa masuk Coffee Bean, Starbucks, Dome, semuanya tidak dapat kerana bila mereka membuat lawatan kononnya, mungkin mereka akan rugi. Kita tidak *give up*, kita telah berusaha untuk mewujudkan suasana di mana besok mereka akan sedar

bahawa walaupun kita ada 70 ribu orang penduduk, tetapi kuasa pembeli kita mungkin lebih banyak daripada mereka yang mempunyai penduduk 500 ribu. Meyakinkan mereka ini merupakan satu *effort* yang mungkin terpaksa kami lakukan berterusan.

Begitu juga dengan penubuhan Universiti ASEAN. Saya telah pun berkali-kali menyuarakan perkara ini kepada Menteri Pendidikan Tinggi daripada mantan sehingga sekarang. Kepada mereka, masih belum ada keperluan. Malah saya mencadangkan UMSKAL ataupun Universiti Malaysia Kampus Antarabangsa Labuan dijadikan sebuah universiti bertaraf universiti penuh, tetapi mereka kata masih dalam peringkat kajian. Jadi, kalau misal kata inilah komitmen yang mereka berikan, maka saya tidak boleh bergantung dengan pewujudan universiti-universiti untuk menambah penduduk di Labuan. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta laluan. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya simpati kepada Yang Berhormat Labuan ini. Sebab oleh kerana penduduknya tidak padat, maka segala usaha untuk membawa francais dan pelabur-pelabur asing begitu gagal tiap kali dilakukan. Jadi apakah Yang Berhormat menyedari bahawa mungkin Yang Berhormat kena mencari satu jalan penyelesaian iaitu memberi intensif kepada penduduk-penduduk di Tanah Besar supaya berhijrah ke Labuan dengan memberi, mungkin perumahan yang murah ataupun membuka lot-lot tanah yang sesuai supaya penduduknya bertambah.

Sebab memang juga kalau saya pelabur saya bimbang tidak ada *purchasing power*. 70 ribu mungkin 20% yang kaya, 80% tidak mampu maka memang kebimbangan itu ada. Jadi mungkin dengan cara yang sedemikian masalah Yang Berhormat boleh selesai.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan tidak setuju. Rasanya kalau diterima cadangan Yang Berhormat Kinabatangan ini, Labuan akan banyak menerima pendatang-pendatang daripada negeri Sabah yang tidak langsung mempunyai kuasa pembeli dan menjadi beban kepada saya di Labuan. Jadi tidak payah terimalah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Labuan kalau berdasarkan kepada sejarah sebelum kita menjadi Wilayah Persekutuan dulu pun ekonomi Labuan berorientasikan aktiviti *oil and gas*. Di awal tahun 70-an hinggalah ke penghujung 80-an, kalau saya tidak silap ada sebuah syarikat besar yang mempunyai pekerja hampir seribu ke dua ribu orang yang dikenali sebagai *brown and road* yang menjadi penjana kepada ekonomi Labuan pada ketika itu.

Bilamana Labuan menjadi Wilayah Persekutuan dan masa itu ada Sabah Gas Industri, ada Sabah *Shipping* dan sebagainya maka *brown and road* memperkecilkan saiz perniagaannya hingga mereka tutup dan masuklah syarikat-syarikat yang lain.

Walaupun demikian, hingga ke hari ini Tuan Yang di-Pertua, kepada Labuan, aktiviti *oil and gas* merupakan penjana ekonomi utama kepada Labuan yang mampu mewujudkan ribuan peluang pekerjaan bukan sahaja di dataran, tetapi juga di *offshore*. Jika diambil kira saya ingat

jumlah pekerja di *offshore* dan *onshore* untuk industri *oil and gas* dan juga petrol *chemical*, saya anggarkan bernilai lebih kurang tiga hingga ke empat ribu. Ini juga merupakan salah satu kuasa pembeli yang kuat di Labuan.

Untuk itu Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Wilayah, saya bersyukur mempunyai Menteri Wilayah yang bukan sahaja yang komited untuk membangunkan Labuan tetapi prihatin bila masuk pelabuhan. Kementerian Wilayah melalui Yang Berhormat Menterinya telah pun memberikan lampu hijau untuk Labuan memperhebatkan lagi industri *oil and gas* dan petrol *chemical* ini. Di mana untuk menjadikan Labuan sebagai petrol *chemical zone* ada dalam perancangan IMP3.

Jika sekiranya ini berjalan lancar Tuan Yang di-Pertua, saya yakin kita mampu mewujudkan sekurang-kurangnya lima ribu ke lapan ribu lagi pekerja-pekerja ataupun peluang-peluang pekerjaan di Labuan. Untuk itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya kerajaan mengkaji jika tidak dapat ditubuhkan Universiti ASEAN seperti sahabat saya daripada Putatan katakan tadi, sekurang-kurangnya wujudkanlah satu institut yang boleh melahirkan pekerja mahir untuk industri *oil and gas*.

Hari ini, kita membawa masuk pekerja daripada Filipina untuk kerja-kerja *welding*, *welders* dan sebagainya. Kerja-kerja ini tidak memerlukan lulusan universiti, tetapi kepakaran dan latihan yang bersiri ataupun lanjutan dan ianya boleh dilakukan. Saya berbincang dengan beberapa pegawai Petronas baru-baru ini di Labuan dan mereka mengatakan, Datuk, perkara yang sama juga kita telah buat di Terengganu, tetapi tidak ada kesungguhan kerajaan dalam membantu kami untuk melatih warga tempatan. Kata mereka, kalau ada komitmen daripada kerajaan terutamanya EPU dan sebagainya, mereka berkata sekurang-kurangnya kita boleh mengurangkan pengambilan pekerja-pekerja asing untuk industri *oil and gas construction* dan sebagainya, lebih daripada 50%. Ini juga sekali gus membantu kita Tuan Yang di-Pertua daripada wang kita mengalir keluar daripada Malaysia.

Hari ini, jika ditanya kepada Bank Negara, jumlah wang kita yang mengalir keluar bukan juta tapi bilion dalam setahun. Apakah kita akan teruskan biarkan perkara ini terus berlaku? Jadi Tuan Yang di-Pertua saya memohon supaya kerajaan mengkaji. Kita sentiasa bercakap tentang kebanjiran pekerja-pekerja asing. Saya mungkin tidak keterlaluan, apakah lesen-lesen yang diberikan kepada mereka yang membawa pekerja-pekerja asing ini sangat menguntungkan sehingga teguran-teguran tidak mendapat perhatian. Atau adakah orang dalam kementerian yang terlibat dalam proses syarikat-syarikat sedemikian rupa sehinggakan kemasukan mereka dengan menggunakan AP dan kuota berlebih-lebihan?

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: [Bangun]

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ketereh Yang Berhormat, bagi jalan.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Nak tanya ke?

■ 1630

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Hendak minta penjelasan, Yang Berhormat. Yang Berhormat sebut mengenai pekerja asing. Saya cukup bersetuju dengan Yang Berhormat. Kebanjiran pekerja asing di dalam negara kita sudah sampai kepada tahap yang menjijikkan, tahap yang meloyakan dan tahap yang menyebabkan rakyat sudah mula tertanya-tanya. Apakah rakyat Malaysia ini sudah tidak reti buat kerja? Dalam berbagai-bagai bidang bukan sahaja *oil and gas*. Tadi saya dengar Yang Berhormat kata, tidak ada komitmen kerajaan di dalam hendak melahirkan pekerja tempatan mengenai dengan *oil and gas*.

Bagaimana dengan bidang lain? Penjelasan yang saya hendak tanya Yang Berhormat ialah, kemasukan pekerja asing ini sebenarnya, adakah benar-benar kerana keperluan tenaga pekerja atau sebenarnya kerana keinginan hendak bawa orang berniaga, orang yang untung? Itu yang sebenarnya saya ingat. Saya dok baca ini, seolah-olah *this is not so much* dengan izin *bring the workers* kerana hendak mengisi kekosongan pekerjaan tetapi sebenarnya kerana hendak bawa orang. Itu yang terjadi, bila bawa tidak ada kerja, bila bawa tidak ada kerja. Jadi apa pandangan Yang Berhormat mengenai masalah ini sebenarnya?

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Saya bersetuju dengan Yang Berhormat. Malah kalau saya boleh mencadangkan Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita hapuskan sistem membawa pekerja asing melalui ejen-ejen ini. Ejen-ejen ini merupakan *culprit* dengan izin. *Culprit* yang menyebabkan banyak pekerja asing hilang dan kita tidak ambil tindakan kepada mereka seperti menggantung atau membatalkan lesen mereka. Kenapa tidak diberikan kepada *players of the industries* dengan izin sekiranya *conception worker* yang perlu untuk seribu pekerja.

Jadi mereka diberi kuota *direct* tanpa perlu melalui orang ketiga. Ini tidak menjadi masalah Tuan Yang di-Pertua. Kalau saya hendak 100 pekerja, saya harus memohon menggunakan AP ataupun kuota ABC Sdn. Bhd. dan ABC akan membawa orang masuk untuk saya dan saya bayar sekian, sekian, tidak termasuk levi dan sebagainya. Selepas itu besok, akan ada keluar di surat khabar, pekerja ini gaji kecil, dipotong dan sebagainya. Kenapa? Kerana kita sendiri membenarkan adanya orang ketiga menjadi ejen seperti Yang Berhormat sahabat saya katakan tadi. Hampir samalah maksud saya itu. Saya katakan mungkin nilai untuk satu orang satu kuota itu jauh lebih mahal dan menguntungkan berbanding daripada keperluan untuk orang yang membawa masuk pekerja itu sendiri.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mintalah, saya minta, jangan atas dasar pelancongan. Jangan atas dasar kemasukan pelancong ke negara kita, maka permit-permit ini disalah guna. Saya hairan, pada satu ketika saya hendak balik ke Labuan Tuan Yang di-Pertua. Sekali saya lihat di dalam satu kapal terbang, semua orang Bangladesh. Sampai saya pun terpaksa duduk ekonomi kerana penuh dengan orang Bangladesh. Saya kata, "Eh, apa ada dekat Labuan ini? Saya Yang Berhormat, MP. *I should know*, dengan izin apa yang berlaku? Rupa-rupanya dekat

seribu lebih orang, mereka datang untuk menjadi pekerja-pekerja di *construction company* dan juga untuk Projek Mega Methanol Petronas.

Akhirnya, saya dapat tahu tidak semua bekerja, dan ada lagi yang tersimpan. Bermakna mereka dibawa masuk berlebihan. Soalan saya besok, kalau orang-orang ini hilang, menghilangkan diri dan tidak dapat dikesan, dan dia akan memberi masalah sosial kepada kawasan setempat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Bangun].

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kinabatangan.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Jadi, apa tindakan kerajaan kepada mereka yang membawa masuk ini Tuan Yang di-Pertua?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, memang inilah kerja Petronas. Saya ingat Yang Berhormat menyedari daripada dahulu. Di Sabah pun begitu. Kita ada cari gali yang terbesar di Sabah, tetapi orang Sabah yang kerja tidak sampai dua peratus, semua dari luar. Jadi, kalau inilah syarikat gergasi harapan negara tetapi pekerja-pekerja daripada buruh pun orang luar, apa lagi di Labuan Yang Berhormat?

Jadi saya mahu Yang Berhormat menyarankan kepada kerajaan supaya Petronas ini ada obligasi sosial. Kita tahu bahawa memang mereka mahu mencari kekayaan, tetapi hendaklah dilihat bagaimana potensi orang di dalam negara kita sendiri untuk bekerja dalam industri *oil and gas* ini dan ataupun di tempat *downstream* dia? Kalau Petronas terus mengamalkan begini, pekerja luar dia import, akhirnya pekerja-pekerja tempatan tidak akan ada peluang dan tidak ada pengalaman dalam industri *oil and gas* di Sabah dan di Labuan ini.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat tentang pekerja asing, saya pun sudah huraikan dengan begitu banyak. Saya berharaplah supaya kerajaan melihat supaya mereka tidak datang tanpa tujuan dan mereka tidak dibawa masuk. Kalau boleh, kajilah polisi yang menggunakan *outsourcing company* ini Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat, pegawai-pegawai kementerian yang mengeluarkan lesen-lesen untuk *outsourcing* ini, boleh pergi ke Dubai, Abu Dhabi atau Qatar yang hari ini mengimport pekerja-pekerja daripada Bangladesh dan sebagainya. Yang mengimport mereka ini masuk ini bukan agensi-agensi ataupun bukannya syarikat-syarikat swasta, tetapi agensi kerajaan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Penjelasan sedikit.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Agensi kerajaan. Jadi, saya cadangkan. Saya pernah ke Qatar dan ke Abu Dhabi melihat bagaimana mereka ini dikumpulkan di dalam satu kem. Saya cadangkan supaya kementerian yang mengeluarkan lesen ini pergi, bawa pegawai kaji. Kalau kita tidak perlu lagi *outsourcing company*, kita batalkan semua, biarkan kerajaan urus kemasukan pekerja-pekerja ini. Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Putatan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya dari Labuan. Saya ada satu cadangan Yang Berhormat berkenaan dengan pekerja-pekerja asing ini yang kita tahu sebenarnya pekerja-pekerja yang tidak mahir yang diimport oleh syarikat-syarikat dan agensi-agensi ini. Jadi kalau kita tengok di bawah mata kita sendiri, ramai pendatang-pendatang asing yang sudah berada di negara kita ini. Terutama sekali di kawasan saya di Pulau Gaya. Banyak, ramai pekerja-pekerja, orang-orang ini, pendatang-pendatang ini tidak mempunyai pekerjaan yang tetap.

Jadi setujukah Yang Berhormat, jikalau kerajaan melihat perkara ini bukan sahaja masalah sosial yang berlaku di penduduk setempat, tetapi kita mesti menggunakan mereka ini, menyelesaikan masalah sosial ini, supaya mereka-mereka diberi pekerjaan yang tetap. Satu kaedah, satu pendekatan yang paling baik saya rasa, kalau Yang Berhormat setuju adalah melatih penduduk-penduduk PTI yang sudah berada di negeri Sabah ini untuk dilatih di pelbagai industri, pembinaan kah, dari segi pertanian kah dan sebagainya. Saya minta penjelasan, kalau bersetuju atau tidak.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Tuan Yang di-Pertua saya bersetujulah cadangan Yang Berhormat Putatan itu dan saya jadikan sebahagian daripada ucapan saya Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Boleh gulung Yang Berhormat ya.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, dalam Bajet 2008, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyentuh tentang meningkatkan daya saing Labuan sebagai pusat kawalan luar pesisir. Tuan Yang di-Pertua, Labuan bukan sahaja memerlukan bayaran cukai yang lebih fleksibel.

Dengan adanya alternatif baru di mana syarikat luar pesisir boleh memilih sama ada dikenakan cukai menggunakan akta cukai untuk syarikat kawalan luar pesisir ataupun di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967, tetapi banyak lagi insentif-insentif lain yang diperlukan oleh syarikat-syarikat luar pesisir ini untuk lebih berdaya saing. Saya difahamkan Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa siri perbincangan diadakan di antara syarikat-syarikat *offshore* dengan Kementerian Kewangan dan sebagainya tetapi hanya ini sahaja yang diberikan kepada permintaan-permintaan yang mereka kemukakan.

Saya rasa jika Kerajaan Persekutuan ingin melihat Labuan betul-betul tampil sebagai sebuah pusat kawalan luar pesisir yang berdaya saing, banyak cukai-cukai harus dikaji semula dan insentif-insentif diwujudkan untuk menarik pelabur-pelabur ataupun *player's of the industry* untuk datang menggunakan kemudahan yang ada di Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali ini melibatkan tentang koridor-koridor yang diumumkan oleh Perdana Menteri. Saya terkilan bila mendengar *Northern, Southern*, termasuklah yang melibatkan Sabah dan Sarawak.

■ 1640

Tetapi bila saya teliti dalam pengumuman tersebut, Labuan tidak ada termasuk dalam koridor yang diumumkan. Jadi saya ingin bertanya kepada kerajaan adakah Labuan dimasukkan dalam *eastern corridor* yang melibatkan Sabah dan Sarawak ini atau cadangan sahabat saya daripada Bukit Mas semasa ucapan penangguhan untuk mewujudkan apa yang dipanggil *East Malaysia Regional Development Area (EMARDA)* yang bermula daripada Lawas, Sipitang, Beaufort, Kuala Penyu dan juga Labuan boleh diwujudkan oleh kerajaan. Kalau tidak Tuan Yang di-Pertua, Sabah dan Sarawak maju, Labuan tertinggal dan saya akan jadi dalam satu cerita *beauty and the beast*. Bila jadi *beast* Tuan Yang di-Pertua tahulah bukan sahaja menyengat, macam-macam boleh jadi.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mintalah supaya dalam apa jua perancangan Kerajaan Persekutuan yang melibatkan Sabah dan Sarawak tolong jangan lupa *the only Federal soil in the whole island of Borneo is* Labuan dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Sekian, dengan ini saya mohon menyokong Bajet 2008. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kubang Kerian.

4.41 ptg.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk membahaskan Bajet 2008 dan insya-Allah saya akan mengambil dua ataupun tiga isu untuk diperbahaskan dalam Dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, dalam negara demokrasi berparlimen, kebebasan badan kehakiman adalah penting. Badan kehakiman mestilah bebas dari pengaruh badan eksekutif. Kebebasan badan kehakiman bukan sahaja perlu dilaksanakan dengan sebaiknya tapi hendaklah ianya nampak dilaksanakan.

Sebarang pengaruh atau campur tangan badan eksekutif ke atas badan kehakiman akan menyebabkan rakyat hilang keyakinan kepada badan dan kepada sistem pentadbiran keadilan yang ada dalam negara kita. Keadilan perlulah ditegakkan dengan sebaiknya tanpa mengira status, agama, kaum atau kumpulan politik. Bagi menegakkan prinsip di atas bukan sahaja badan kehakiman perlu dilihat sebagai satu badan yang bebas tapi hakim-hakim yang dilantik juga perlulah bebas dari sebarang pengaruh politik. Di bawah Perlembagaan Negara, Ketua Hakim Negara, hakim-hakim Mahkamah Persekutuan, hakim-hakim Mahkamah Rayuan dan hakim-hakim hendaklah dilantik...

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Ketereh.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Sekejap, saya habiskan ayat saya. Saya akan bagi sahabat saya Ketereh. Hendaklah dilantik oleh Yang Dipertuan Agong yang bertindak di atas nasihat Perdana Menteri setelah berunding dengan Majlis Raja-raja. Sebelum

nasihat diberikan Perdana Menteri hendaklah meminta fikiran Ketua Hakim Negara berdasarkan peruntukan ini, pelantikan hakim-hakim pada hakikatnya ditentukan oleh Perdana Menteri kerana Yang Dipertuan Agong di bawah peruntukan perlembagaan yang telah dipinda mestilah mendengar nasihat Perdana Menteri. Secara ringkas jawatan hakim-hakim sebenarnya dikawal secara politik oleh Perdana Menteri. Peruntukan yang ada, yang sedia ada telah banyak mendapat kritikan daripada banyak pihak. Sila.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Ucapan daripada Kubang Kerian menyebut tentang kebebasan kehakiman dan tujuan ada kebebasan kehakiman ini ialah untuk memastikan bahawa setiap kali keputusan daripada hakim adalah adil dan tidak memihak kepada sesiapa. Saya sejak minggu lepas Yang Berhormat terfikir-fikir mengenai satu keputusan kehakiman yang baru iaitu pembebasan saudara Malik daripada tahanan ISA kemudian dia dibebaskan, dia dakwa kerajaan dan akhirnya hakim membuat keputusan bahawa dia ini salah ditahan dan dia diberi pampasan sebanyak RM2.5 juta. Maka saya bertanya, keputusan ini sebenarnya adalah keputusan yang membuktikan ianya bebas daripada kongkongan kerajaan ataupun sebenarnya membuktikan apa. Setengah orang kata kalau dia *go against* kerajaan maknanya itu bebaslah. Kalau *for* kerajaan tak bebaslah. Yang ini jelas. Pernyataan kehakiman pun menyatakan bahawa tahanan itu adalah dibuat kerana politik. Ertinya dia bebas. Apa pandangan Yang Berhormat mengenai perkara ini.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Saya juga mengikuti dengan teliti mengenai kes Malik Husin melawan *prosecutor* ini. Saya merasakan bahawa mengikut amalan dalam negara kita pihak *prosecutor* boleh *appeal* lagi kepada Mahkamah Rayuan dan kemudian boleh *appeal* lagi ke Mahkamah Persekutuan. Jadi bagi saya sama ada kita akan melihat kes ini akan memuaskan hati sebelah pihak. Biarlah pada saya ianya sampai pada tahap yang tertinggi iaitu Mahkamah Persekutuan. Jadi barulah adil bagi saya untuk kita membuat sebarang penilaian di atas kes ini. Terima kasih sahabat saya Ketereh.

Apabila pelantikan hakim-hakim dikawal secara politik oleh Perdana Menteri ianya merupakan salah satu asas yang telah memberikan ruang kepada banyak pihak untuk mengatakan di Malaysia badan kehakimannya tidak bebas. Ianya adalah satu perkara yang amat malang, lebih malang lagi jika sekiranya individu-individu tertentu yang mempunyai kaitan rapat dengan mana-mana parti politik dilantik untuk menjadi hakim. Sekiranya ia berlaku masyarakat akan menuduh bukan sahaja badan kehakiman tidak bebas tetapi individu-individu hakim itu sendiri juga tidak bebas dan dikawal secara politik. Memang sukar untuk memilih individu-individu hakim yang tidak mempunyai kecenderungan politik kerana setiap orang mempunyai kecenderungan politik masing-masing. Tetapi adalah bijaksana jika kecenderungan politik individu-individu hakim tersebut tidaklah nampak secara terang-terangan bagi menentukan sikap mereka terhadap apa jua kes dan tragedi yang berlaku dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah merdeka lebih kurang 50 tahun. Kita merdeka kerana kita mahukan apa jua yang berlaku dalam institusi penting dalam negara kita ini dilihat adalah adil dan saksama termasuklah apa yang dikatakan kepimpinan yang dapat menentukan, mengurus tadbir negara ini dengan baik. Tidak ada gunanya kita menghalau penjajah yang kita anggap pengkhianat, yang kita anggap sebagai cuba campur tangan dalam urusan politik dan ekonomi dalam negara kita tetapi setelah 50 tahun kita merdeka, apabila kemerdekaan ini diserahkan kepada anak watan negara ini, kepada warganegara ini sendiri maka kita melihat suatu keadaan yang semakin runtuh, *rotten to the core* dengan izin apatah lagi yang melibatkan tentang isu terkini yang melibatkan badan kehakiman dalam negara kita.

Isu video klip VK Lingam hanyalah satu episod yang menambah lagi keporak-perandaan sistem kehakiman dalam negara kita. Sama ada dakwaan itu benar atau tidak tetapi kes-kes yang melibatkan tentang institusi yang sangat penting ini telah menjadi satu perbualan, telah menjadi dengan izin satu *public outcry* yang mesti mendapat perhatian daripada kita semua apatah kita sebagai Ahli-ahli Parlimen dan warga Parlimen yang menentukan dasar dan perundangan dalam negara kita. Bukan kita tidak pernah berbangga dengan adanya anak-anak watan dalam negara kita sendiri, warganegara kita sendiri yang pernah memberikan suatu komitmen dan menunjukkan satu jasa yang baik dan mengharumkan nama kehakiman dalam negara kita.

Izinkan Tuan Yang di-Pertua untuk saya menyebut nama-nama dengan penuh hormat kepada mereka tokoh-tokoh yang dianggap sebagai *legal giant*, Tun Salleh Abas, Yang Berhormat Yang Mulia Raja Azlan Shah, Tun Sufian, Hakim Yusof Abdul Kadir dan Hakim George Seah yang dianggap sebagai satu kumpulan hakim yang telah memberikan perkhidmatan dan telah mendapat meletakkan sistem kehakiman kita di tahap yang terpuji dan tertinggi dalam negara kita. Tetapi apa yang paling malang yang pernah berlaku ialah selepas berlakunya insiden pemecatan Tun Salleh Abas. Di sinilah bermulanya satu pertikaian yang disebut tadi sebagai *public outcry* dengan izin, yang telah melanda sistem kehakiman kita di mana ia merupakan satu *watershed* dengan izin di mana pemecatan Tun Salleh Abas dan pemecatan Hakim George Seah dan Tan Sri Wan Sulaiman adalah merupakan satu pertikaian-pertikaian yang sangat memalukan sistem kehakiman dalam negara kita.

Saya suka untuk memperjelaskan dalam Dewan yang mulia ini satu tulisan yang bukannya tulisan dalam buku picisan tapi tulisan yang saya bawa dalam Dewan yang mulia ini satu tesis yang ditulis oleh Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim sewaktu beliau menyiapkan tesis beliau untuk mendapatkan Ijazah PhD beliau daripada University of London.

■1650

Beliau mengulas bahawa pemecatan Tun Salleh Abbas, Hakim George Seah, dan Tan Sri Wan Sulaiman sebagai dengan izin *a political one although the modus operandi, maxim to be have followed the constitutional arrangement*. Ini tulisan yang ditulis oleh Datuk Seri Utama

Dr. Rais Yatim dalam tesisnya yang mengkritik terhadap keputusan tindakan yang dibuat terhadap Tun Salleh Abbas, Hakim George Seah, dan Tan Sri Wan Sulaiman pada waktu itu. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa siri perlakuan dan tindakan-tindakan yang seharusnya kita ambil, sebagai contoh pada hari ini yang telah menyebabkan berlakunya apa yang dikatakan dengan izin, *justice in jeopardy*. Sistem keadilan dalam negara kita telah menjadi satu keadaan yang cukup merbahaya, kerana cuba kita bayangkan bila sistem yang tertinggi ini dilanda dengan krisis yang ada pada hari ini, apakah lagi yang boleh diharap oleh rakyat Malaysia terhadap badan-badan yang lebih bawah daripada itu? Kalau dikatakan *credibility*, integriti hakim-hakim ini mula dipertikaikan oleh rakyat pada hari ini.

Saya mengambil contoh isu tentang surat-surat yang telah ditulis oleh Hakim Syed Aidid, di mana 33 pertuduhan yang mencatatkan tentang salah laku para hakim. Kenapa Syed Aidid ini tidak dipanggil oleh satu suruhanjaya, kenapa Hakim Syed Aidid ini tidak dipanggil oleh satu badan yang penuh integriti, ataupun dipanggil oleh badan integriti yang ada pada hari ini untuk mengesahkan segala yang beliau tulis, yang beliau menulis tentang berlakunya kes-kes yang melibatkan perilaku, salah laku para-para hakim dalam negara kita.

Yang kedua tentang kes Eusoff Chin bercuti dengan peguam yang sedang menjadi buah mulut pada hari ini, tentang V.K. Lingam, tentang tiket-tiket kapal terbang yang disiarkan, yang boleh didapati di laman-laman web yang telah menjadi suatu bualan umum yang ada pada hari ini. Kemudian Kes Tan Sri Loy Hean Heong yang berjumpa dengan Tun Hamid Omar pada waktu itu di pejabatnya, di mana buku daftar itu hilang, buku daftar di mahkamah itu dihilangkan dan kes petisyen pilihan raya Likas di Sabah, di mana Hakim Eusoff Chin telah menelefon Hakim Dato' Ahmad Kamil Awang pada waktu itu untuk memberikan perhatian terhadap kes-kes tersebut. Kes Air Molek sebagai contoh, di mana berlakunya fenomena *judge shopping*, boleh berlakunya pemilihan para-para hakim yang memalukan negara dan Hakim NH Chan dalam Mahkamah Rayuan menyatakan, bahawa dalam satu ucapan yang saya *quote* pada hari ini berdasarkan kepada beberapa jurnal yang saya rujuk. "*This is a case when in justice is perpetuated by court of law.*" Di mana keadilan itu disahkan, dilakukan oleh mahkamah dalam negara kita.

Kemudian kita lihat dalam kes Anwar Ibrahim, yang menyaksikan bagaimana berlakunya apa yang dikatakan satu budaya baru, *the fabrication of evidence*. *Evidence* yang direka-reka yang tidak dapat untuk dibuktikan dan akhirnya kita melihat bagaimana kes ini telah menjadi satu yang bukan sahaja ditertawakan oleh warganegara Malaysia, tetapi telah menjadi satu kes yang menjadi *international jokes*, satu senda gurau, satu *mockery* di peringkat antarabangsa. Jadi oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan di sini bahawa berdasarkan kepada apa yang saya sebut pada sebentar tadi, bahawa kita hendaklah berpegang teguh pada prinsip ataupun pada etika dalam kita memilih para-para hakim ini.

Saya sempat menyemak tentang beberapa panduan yang boleh kita jadikan satu asas terutamanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, di dalam memilih para-para hakim ini dalam satu jurnal yang saya rujuk di sini, *the process of appointment of the judges in some foreign countries, the United Kingdom* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. *The UK - United Kingdom, Parliament saves the Prime Minister who is both head of government and leader of the majority party in the Parliament. It is not involved in the process of appointment of judges of the High Court bench and above.* Ini satu perkara yang dibuat di United Kingdom.

Yang kedua dengan izin, *Lots of appeal in ordinary in The House of the Lord, heads of division and Lords justice of appeal in the Court of Appeal are appointed by the Queen on the recommendation of the Prime Minister.*

But the Lords Chancellors is generally sort. Justice in the High Court are appointed by the Queen on the recommendation of the Lord Chancellor. Ini satu proses yang saya rasa boleh membawa kepada suatu sistem yang lebih baik. Walaupun ini berlaku di UK, tidak semua dari Barat itu yang selalu kita perkatakan suatu perkara yang mesti kita tolak, budaya yang perlu kita tolak, tetapi ada perkara-perkara yang *in terms of justice*, sebagai contohnya yang boleh kita ambil sebagai contoh dalam kita melantik dan menentukan para hakim terutamanya yang akan menduduki mahkamah-mahkamah yang peringkat tinggi, peringkat rayuan dan peringkat Persekutuan, yang mesti dilihat mereka ini bersih dan sistem ataupun cara prosedur pelantikannya itu mestilah dilihat sebagai satu perkara yang boleh dipertanggungjawabkan.

Demikian juga cara yang ketiga Tuan Yang di-Pertua, dengan izin *the administration of judicial appointments is carried out by the Lords Chancellors Department. The Lord Chancellor is supported by a permanent secretary and judicial appointments group in associating his judicial appointments functions.* Ini juga satu perkara dan satu rujukan yang saya rasa perlu untuk kita lihat dalam kita menentukan peranan yang dimainkan oleh badan eksekutif, dalam menentukan proses pelantikan hakim dalam negara kita.

Saya juga suka untuk mengungkap beberapa perkara yang saya rasa ada kaitan dengan apa yang dikatakan sebagai kredibiliti, sebagai integriti kerajaan dalam mereka menentukan sistem kehakiman ini berjalan dengan keadaan yang baik dan boleh dilihat keadilannya.

Ibnu Khaldun pernah mengatakan dalam buku yang terkenal *Al-Muqaddimah*, memberikan amaran bahawa satu kesilapan yang dilakukan oleh seorang pemimpin oleh kerajaan itu sendiri, kesan buruknya akan dirasakan oleh rakyat paling kurang 50 tahun setengah abad.

Kita tidak mahu menerima akibat daripada satu kesalahan yang dilakukan oleh pihak pemerintah, oleh pihak kerajaan ini rakyat jelata akan menerima kesan buruknya paling kurang 50 tahun, bukan satu tahun, bukan dua tahun tetapi 50 tahun kita akan merasai bagaimana hari ini kita melihat kenapa ia berlaku setelah kita dianugerahkan dengan kemerdekaan yang ke-50

tahun. Kenapa kalau kita membaca dalam sejarah pra kemerdekaan dan setelah kita dianugerahkan dengan kemerdekaan, hakim-hakim pada waktu itu masih lagi orang Inggeris.

Masih lagi ada, walaupun ada di kalangan itu ada hakim-hakim warga negara Malaysia anak watan negeri yang *British trained* sebagai contoh, tetapi kita boleh melihat perilaku mereka, etika mereka, kehakiman mereka, mahkamah kita pada waktu itu adalah jauh daripada apa yang berlaku pada hari ini. Tidak ada berita angin yang kencang pada waktu itu, ada skandal dan seumpamanya tidak ada apa yang dikatakan *judge shopping* pada waktu itu, tetapi kenapa setelah kita diberikan kemerdekaan ini yang sepatutnya kita semakin baik, kita semakin maju ke hadapan, sistem kehakiman kita sepatutnya berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan negara-negara yang lain Korea sebagai contoh, bangun dari Perang Dunia Kedua, kita juga bangun daripada Perang Dunia Kedua.

Korea hari ini lihat bagaimana negara mereka, ekonomi mereka, Parlimen mereka, dan hakim-hakim mereka, sistem keadilan mereka. Ini yang perlu kita contohi. Dan janganlah semakin jauh kita meninggalkan garisan kemerdekaan, kita akan menjadi sebuah negara yang seolah-olahnya surut ke belakang. Kita bukannya *move forward*, kita *move backward* dalam kita melihat apa yang kita katakan tentang integriti sistem kehakiman dan perundangan dan keadilan dalam negara kita.

Volter pernah menyebut, *when the government is wrong, it is dangerous to be right*. Ini perlu diambil sesuatu ungkapan yang pada saya, yang adil sebab dalam Dewan ini tentang ada *quotation* daripada ulama-ulama Islam, ada *quotation* daripada ahli-ahli pujangga daripada Barat sendiri yang ingin melihat bahawa *justice* inilah satu perkara yang sangat dibanggakan oleh masyarakat mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga melihat tentang bagaimana wujudnya falsafah apa yang dikatakan *the separation of power* ini.

■1700

Ini kerana di Inggeris, di England pada waktu itu berlakunya campur tangan yang keterlaluan. Sama ada dari pihak gereja, daripada pihak istana terhadap eksekutif, terhadap kehakiman pada waktu itu. Maka idea ini ditimbulkan. Ini yang dikatakan sebab mengapa mereka memperjuangkan tentang *the separation of power* di zaman *enlightenment* dan kemudian diperbaharui oleh Montes-quieu dan akhirnya menjadi bahan rujukan semua ahli undang-undang pada hari ini tentang bagaimana yang dikatakan, apa dia yang dikatakan *separation of power* ini.

Jadi saya mengharapkan supaya perkara ini diambil sebagai satu yang boleh kita pertanggungjawaban kepada hari ini. Sampai bila? Sampai bila hari ini ada lagi isu-isu seperti ini. Hari ini VK Lingam, esok apa lagi dan apakah tindakan-tindakan yang dibuat? Apakah satu ia tanggungjawab politik yang akan kita laksanakan terhadap isu-isu semua ini, kerana ia melibatkan satu badan yang paling tinggi dalam negara kita.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: *[Bangun]*.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Ya, silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Kubang Kerian. Yang Berhormat Kubang Kerian menyebut tentang semasa zaman penjajah. Di mana dulu dikatakan tidak ada skandal dan sebagainya dan isu-isu sekarang tidak timbul seperti sekarang tidak timbul. Tapi yang saya tahu zaman penjajah dulu, tiga perkara. Pertama segala kekayaan negara dibawa keluar. Segala kesuburan dibawa keluar. Galian, timah dan sebagainya.

Kedua, ilmu tidak berkembang dalam negara Malaysia. Maknanya itu kedua, tapi ketiga saya hendak sebut ialah, kita dibutakan dengan segala maklumat. Sama ada maklumat dalaman apatah lagi maklumat luaran. Ertinya segala perkara yang berlaku pada masa itu rakyat tidak tahu kerana daifnya maklumat-maklumat pada masa itu. Sistem maklumat berbanding sekarang. Saya berfikir, kalau pun ada kecacatan saya dapat *better* sekarang. Sekurang-kurang ada ruang untuk kita membuat pembetulan kalau betul. Namun tak bolehlah kita bandingkan zaman penjajah lebih baik dari zaman sekarang. Sekian, terima kasih.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya dari Ledang. Saya tidak *quote* atau saya tidak mengatakan bahawa penjajah itu lebih baik daripada kita pada hari ini. Tapi apa yang saya sebut dalam konteks hakim-hakim pada waktu itu, tidak ada isu yang besar seperti yang ada pada hari ini.

Saya akui kita ajar di sekolah dahulu, penjajah datang ke negara kita memunggang hasil negara kita, campur tangan dalam sistem politik dalam negara kita, mereka datang untuk memiskinkan, membiarkan rakyat hidup dalam keadaan kemiskinan pada waktu itu. Itu betul. Itu yang kita belajar dalam sejarah.

Walau bagaimanapun, dalam konteks kehakiman yang kita sebut pada hari ini, biarlah. Bermakna semakin jauh kita diberikan dengan nikmat kemerdekaan ini, maknanya kita semakin membawa, kita semakin dihormati. Hakim-hakim kita, mahkamah kita, sistem pelantikan hakim kita ini semakin mendapat perhatian dan mendapat suatu sanjungan daripada rakyat sendiri dalam negara dan luar negara. Bukan sebagaimana kita terpaksa hadapi pada hari ini. Itu maksud ucapan saya sebenar sebentar tadi.

Perkara kedua Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak sebut dalam ucapan saya pada hari ini tentang yang dikatakan ketulusan kerajaan di dalam memberikan, mengagihkan kekayaan negara yang disebut sebagai apa yang disebut oleh rakan-rakan tadi apa yang dimaksudkan tentang *delivery system*. Sistem penyampaian kerajaan mesti lebih *efficient*, lebih baik untuk memastikan bahawa harta kekayaan ini mesti dirasai dalam bentuk yang lebih adil pada rakyat khususnya bila kita menyebut tentang 50 tahun kita merdeka.

Kita telah dapat melihat dalam beberapa perkara dalam negara kita yang melibatkan tentang kontrak-kontrak besar kerajaan. Tadi disebut oleh sahabat-sahabat kita tentang

Petronas, tentang bagaimana lahirnya satu golongan elit di kalangan mereka yang mendapat keuntungan, boleh menjadi *millionaire* ataupun menjadi bilionair *within the night*. Menjadi jutawan dan menjadi multi jutawan dalam masa satu malam akibatkan mereka dianugerahkan ataupun mereka menjadi golongan yang *selected people* yang diberikan projek dan seumpamanya. Maka lahirlah golongan-golongan ini dan akhirnya kita melihat bila mereka gagal, kerajaan terpaksa *build up*. Ini berlaku, kes Halim Saad, MAS dan seumpamanya yang tak perlu saya unkit dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat kepada buku. PIN iaitu Pelan Integriti Nasional yang memperlihatkan ada garis-garis besar atau dikatakan dasar-dasar yang mesti diikuti dalam kita memperuntukkan satu-satu projek yang kita rasakan penting dan bernilai bilion ringgit ini supaya dapat kita laksanakan dalam bentuk yang nampak ketulusannya. Kita telah dapat melihat banyak projek-projek yang dirunding secara terus, *direct nego*. Ini diberikan alasan bahawa terdapat kontraktor-kontraktor itu yang tidak ada keupayaan dan kerajaan terpaksa mengadakan *direct nego* untuk mereka.

Kita ingin memperlihatkan dan memperjelaskan bahawa adakah benar dengan adanya sistem *direct nego* ini memastikan kontraktor yang dapat itu benar-benar berkemahiran. Apa salahnya kalau projek itu berjumlah berbilion ringgit sekali pun, dengan cara, dengan pendekatan *open tender* itu, apa masalah kerajaan untuk menentukan kesahihan, kecekapan, integriti, pengalaman dan kredibiliti seseorang kontraktor itu ataupun sesebuah syarikat itu. Apa bezanya?

Apabila projek ini dapat kita tentukan secara open tender, ini lebih mudah untuk sama ada kepimpinan politik, kementerian-kementerian, menteri-menteri, pegawai-pegawai tinggi kerajaan yang menjaga projek ini melihat profil mereka. Membandingkan kebolehan mereka. Menganalisis pengalaman mereka. Apa bezanya kalau itu jawapan kepada menteri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, itu jawapan menteri-menteri yang kadang-kadang di jebur dalam Parlimen ini kerana kontrak itu tidak dapat untuk menyiapkan kerja ataupun kontraktor itu tidak ada wibawa dalam menjalankan projek tersebut maka jalan yang terbaiknya ialah *direct nego*.

Jadi medan yang mana? Premis yang mana kita lihat akan membuka kepada apa yang dikatakan ketidaktuluan dalam pembahagian projek-projek yang besar ini. Saya mengambil contoh projek, ada lapan projek tambatan projek, tambatan banjir Kuala Lumpur. Satu dah siap, SMART Tunnel, yang dah siap pun, bila datang hujan dalam keadaan yang tidak diduga masih gagal lagi. Alasannya tidak boleh bergantung dengan satu projek. Ada tujuh projek lagi dan projek ini, semua projek yang bernilai hampir RM8 bilion ini, dianugerahkan kepada hanya satu syarikat Wijaya Baru Sdn Bhd. Satu syarikat sahaja.

Saya ingin mendapatkan satu penjelasan daripada pihak kerajaan, adakah Wijaya Baru Sdn. Bhd ini ada profilnya? Boleh dipertanggungjawabkan profilnya. Ini projek yang bernilai RM8 bilion. RM8 bilion pada satu syarikat, lapan projek. Kalau satu projek yang gagal, yang

Perdana Menteri begitu marah sekali dengan syarikat ini, bertanya tentang jangka masa siapkannya, masa bila, kenapa tidak boleh menampung air sekian banyak, alasan yang diberi cukup mudah. Satu dah siap yang tujuh belum siap.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, adakah wajar kerajaan memberikan kepada satu syarikat sahaja, lapan projek yang bernilai lebih kurang RM8 bilion dan yang peliknya pula Tuan Yang di-Pertua, surat permohonan Wijaya Baru ini diminitkan oleh Perdana Menteri pada 15/05/2006 pada pukul 10 pagi. Namun yang paling pelik sekali, 10 pagi diminitkan, 12 tengah hari telah dipanggil satu mesyuarat yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Ini pada sayalah Tuan Yang di-Pertua, kalau kita bercakap tentang *walk the talk*, kita bercakap tentang *tell me the truth*, kalau kita bercakap tentang transparansi, kalau kita percaya apa yang dilaporkan oleh Tan Sri Ambrin Buang dalam laporan audit negara, semuanya disebut tentang ketirisan, kebocoran, berlakunya ketidakadilan, berlakunya ketidakseimbangan dalam pembahagian projek-projek ini.

■1710

Kalau saya tidak tahulah saya sebagai Ahli Parlimen daripada pihak pembangkang bercakap tentang perkara ini. Kalau ini selalunya dianggap pembangkang tidak ada kerja lain, asyik mencari kesalahan kerajaan, tetapi apa yang saya sebutkan, semuanya dilaporkan secara umumnya dalam Laporan Audit Negara...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, gulung, Yang Berhormat, habiskan.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: .. dan ini sudah tentu sangat besar kesannya terhadap implikasi yang sedang berlaku terhadap projek-projek besar dalam negara kita yang melibatkan bukan sedikit wang rakyat. Negara kita boleh *collapse*, negara kita boleh runtuh dengan sistem yang ada seperti ini. Kita tidak perlu ada serangan dari luar. Negara ini tidak perlu lagi ada satu peperangan dunia yang keempat untuk runtuh, tetapi kita boleh runtuh dan saya harap bahawa bau busuk inilah Tun Mahathir sendiri pun pernah sebut dalam ucapan terakhir beliau sebelum dimasukkan dalam IJN. Beliau mengatakan *there is something is rotten in the state of Denmark*. Sekarang mungkin *something is rotten in the state of Malaysia* yang banyak saya rasa perkara-perkara yang perlu kita perjelaskan dalam Dewan Rakyat ini dan saya mengharapkan ada satu penjelasan yang boleh diberikan satu tanggungjawab untuk kita memberikan suatu keyakinan kepada rakyat.

Kalau ini dianggap tidak betul, kalau ini dianggap satu kesalahan, kalau ini dianggap sebagai satu salah guna kuasa, rakyat mesti diberitahu. Ini wang rakyat. Ini cukai yang dipungut oleh rakyat. Setiap sen yang dilaporkan oleh Ketua Audit Negara ini mesti dipertanggungjawabkan dan paling malang kalau kita hanya membaca laporan itu atau apa yang kami sebut dalam Dewan yang mulia ini sebagai satu perkara yang tidak memberikan apa-apa

kesan, saya bimbang Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat untuk menjamin masa depan negara kita untuk kemerdekaan yang kedua pada masa yang akan datang. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sepanggar.

5.12 ptg.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana dapat memberi peluang bagi saya untuk membahaskan bajet tahun 2008 ini. Tuan Yang di-Pertua, tepat selepas tujuh hari kita merayakan ulang tahun Jubli Emas ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang dikasihi dengan bertema “Bersama Membina Negara dan Menikmati Kemakmuran” dalam membenteng Bajet 2008, bajet pertama dalam kita melangkah masuk ke fasa 50 tahun yang kedua selepas sebagai sebuah negara yang berdaulat

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan penuh kepercayaan dan keyakinan pasti negara akan terus berkembang dan dapat dinikmati oleh semua lapisan rakyat agar kemajuan negara akan menjadi lebih bermakna dalam keharmonian rakyat bangsa Malaysia. Tumpuan Bajet 2008 kepada tiga strategi utama dengan mempertingkatkan daya saing negara, memperkasakan pembangunan modal insan dan menjamin kesejahteraan rakyat bangsa Malaysia kerana tepat pada masa agar semua lapisan rakyat betul-betul bertanggungjawab untuk terus berkewajipan dan penuh keprihatinan kepada rakyat di akar umbi, khususnya di luar bandar dan rakyat yang masih di peringkat rebung agar peringkat kematangan insan dapat diberi pendidikan pelajaran dalam semua bidang untuk menjadi rakyat yang betul-betul menikmati ertinya dengan jelas kemerdekaan tanpa batasan dan dapat bersaing secara global.

Tuan Yang di-Pertua, dengan yuran tahunan sekolah rendah dan menengah serta yuran peperiksaan dimansuhkan, Skim Pinjaman Buku Teks diperluaskan kepada semua pelajar daripada keluarga yang berpendapatan isi rumah RM1,000 ke bawah sebulan diberi sepasang pakaian seragam bagi satu kegiatan kurikulum, elaun guru pendidikan khas dinaikkan daripada RM100 kepada RM250 sebulan, elaun guru-guru berkelulusan ijazah dinaikkan daripada RM85 kepada RM150 sebulan, kenaikan elaun guru-guru mengajar bahasa Cina dan Tamil, saya juga memohon dan merayu kepada kerajaan agar ini diperluaskan kepada guru-guru yang mengajar bahasa ibunda di Sabah dan Sarawak di sekolah kebangsaan yang diberi elaun RM60 sejam bagi lepasan ijazah dan RM50 sejam bagi lepasan diploma.

Saya ingin juga menekankan di sini bahawa guru-guru di Sabah dan Sarawak haruslah diberi taraf yang sama. Ini seharusnya tidak diketahui sedangkan guru-guru di pedalaman dan terpencil tersembunyi penderitaan mereka. Dengan pemansuhan yuran dan skim kemudahan yang diperkenalkan ini, maka ibu bapa tidak mempunyai alasan lagi untuk tidak menggalakkan anak-anak mereka ke sekolah. Bebanan ibu bapa telah diringankan, tiada alasan murid-murid tidak minat bersekolah sebab kerajaan akan menanggung dan menjamin anak-anak selesa di

dalam bangku sekolah. Saya ingin menyarankan kepada kerajaan agar ibu bapa yang sengaja tidak menghantar anak-anak mereka ke sekolah dikenakan denda yang sesuai.

Menyentuh tentang keselamatan murid-murid sekolah, sekali lagi saya ingin merayu agar sekolah bantuan di Sabah, khasnya sekolah-sekolah mubaligh ataupun *mission school*, dengan izin, diberi tumpuan dan bantuan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh dengan sistem penyampaian dalam Bajet 2008 menawarkan kepada semua KSU dan ketua pekhidmat skim kontrak selama tiga tahun dengan ganjaran diberi berasaskan KPI dan pendaftaran perniagaan baru diluluskan dengan serta-merta adalah satu galakan yang sangat memberangsangkan, saya percaya dan yakin tujuan murni kerajaan ini sangat dialu-alukan dan kena kepada tempatnya dan masa di mana RMK9 sedang pesat diimplementasikan. Namun demikian, dengan projek-projek yang telah diluluskan dalam RMK9 yang belum pun dimulakan kerjanya. Contohnya dua projek di kawasan saya yang telah diberi kelulusan tetapi tiada tanda-tanda projek ini akan bermula.

Pertama, jalan Kokol Poring-Poring sepanjang 17 kilometer yang telah diperuntukkan sejumlah lebih kurang RM36 juta telah dibuat pengukuran pada penghujung tahun 2006, namun sehingga kini tiada tanda-tanda pelaksanaan projek secara fizikal. Saya telah mendapat tahu bahawa anggaran peruntukan RMK9 tidak mencukupi dan memerlukan peruntukan tiga kali ganda daripada peruntukan yang telah disediakan. Pihak Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara telah melawat jalan Kokol pada awal tahun ini dan melaporkan telah pun membentangkan di Dewan yang mulia ini laporan mereka.

■ 1720

Kedua ialah Jalan Telipuk Culuk di kawasan Telipuk yang juga telah diperuntukkan dalam RMK-9 kelihatan terbengek, walhal jalan ini yang termusnah teruk sewaktu banjir lumpur pada tahun 2005 bulan Julai, 17 hari bulan. Sistem penyampaian yang efisien dan efektif tidak kelihatan pada projek-projek yang telah diketengahkan tadi. Apa yang sudah terjadi sedangkan kita menjangkau penghujung tahun 2007 dan mendekati *mid term review* dengan izin bagi RMK-9 yang semakin hampir? Bolehkah jaminan yang diberi dalam RMK-9 ditunaikan atau sekadar janji di hujung bibir oleh pihak pegawai yang mengaburkan mata rakyat.

Berbalik kepada sistem penyampaian, saya teringat janji Menteri Kerja Raya dalam sesi kedua Parlimen di Dewan yang mulia ini yang menjelaskan bahawa, "*kalau tidak ada peruntukan, kita bagilah*", itu kata Menteri Kerja Raya. Dengan ini bagi menaik taraf JalanPetatan - Mensiang, adalah diharapkan agar ia dapat peruntukan bagi tahun 2008. Begitu juga yang disarankan oleh Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan bagi projek SPMB dan Jabatan Perumahan Negara di kawasan Inanam tidak akan diteruskan sekiranya kesemua infrastruktur seperti naik taraf jalan, air dan tenaga air belum dilaksanakan. Maka jaminan untuk menyediakan infrastruktur ini, saya memohon dapat dipertimbangkan demi untuk kemakmuran rakyat kawasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sejak awal ini, kos keperluan seharian kian meningkat tidak kira yang diimport ataupun yang dibuat dan dihasilkan dalam negara termasuk perkhidmatan. Kesemua kos yang telah melambung tinggi, banyak yang beranggapan bahawa ini adalah sebab kenaikan bahan api seperti minyak. Kita ucapkan syukur dan tahniah kepada kakitangan awam yang telah mendapat kenaikan gaji yang agak lumayan namun penderitaan rakyat, kebanyakan yang di jalan-jalan dengan izin *ordinary people in the state* masih belum dapat ditangani. Walaupun menteri yang berkenaan telah banyak kali menyarankan untuk memantau peniaga-peniaga yang menaikkan harga barang, namun di kawasan luar bandar dan juga pekan-pekan kecil rakyat tidak ada pilihan. Kita terpaksa, mahu tidak mahu kita membayar minuman kopi yang dahulunya RM1 secawan, dan kini RM1.50 secawan.

Atau kenaikan harga sebanyak 50% biarpun sekiranya kenaikan bahan-bahan yang diguna diambil kira, ia tidaklah setinggi mana yang kita nikmati sekarang ini. Kelihatan ada yang tidak kena pada penguatkuasaan, ada yang mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan yang tinggi dan tidak dikenakan denda yang setimpal. Ada juga yang lesennya di beku tetapi masih menjalankan perniagaan mereka. Siapa yang harus dipersalahkan? Peniaga ataupun pelanggan? Satu contoh yang ketara di Sabah ialah kos bahan binaan yang meningkat. Kemungkinan terdapat pengilang yang bersubahat dengan peniaga bagi mengaut keuntungan yang tinggi. Disebabkan keperluan untuk memberi kerja-kerja untuk bumiputera kelas F di Sabah, sebilangan kontraktor ini sedang menderita kerugian disebabkan tidak dapat menyempurnakan projek-projek pada masa yang telah ditetapkan atas sebab ketiadaan bahan-bahan binaan khususnya simen, bitumen dan sebagainya.

Sekiranya ada pun bahan seperti pasir yang merupakan hasil daripada bumi, harga juga telah melonjak. Kontraktor-kontraktor kecil-kecilan sukar melabur perkara ini kerana mereka selalunya terhimpit dan tersepit dalam perusahaan mereka. Apa yang akan menjadi nanti apabila kesemua penderitaan ini akan melanda pengguna iaitu rakyat jelata. Maka di Dewan yang mulia ini, yang kita dapat suarakan penderitaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dengan tujuan murni Kerajaan Negeri Sabah untuk mengindahkan dan mencantikkan pandangan Pulau Gaya, penduduk-penduduk setinggan di Kampung Pondok telah dipindahkan ke Kampung Berungun di kawasan Telipuk pada hujung tahun 90-an. 550 buah rumah telah pun ditambak daripada lebih 500 buah rumah yang sedia ada di kampung tersebut. Yang telah dibina sendiri pada mulanya dikhaskan bagi pelarian daripada Filipina pada tahun 70-an yang dikenali dengan rakyat Filipina yang diberi surat tinggal di Malaysia iaitu IMN13. Pada ketika ini, kedua-dua penempatan di tempatnya berjiran adalah majoriti dari suku kaum Filipina masih tidak mempunyai kemudahan asas yang sempurna.

Walaupun perumahan dan penempatan yang dibina oleh kerajaan bagi penduduk daripada Kampung Pondok dilengkapi dengan kemudahan asas pada mulanya, kemudahan infrastruktur yang sudah berusia lebih dari tujuh tahun itu nampaknya dalam keadaan yang

membimbangkan pada ketika ini. Tambahan kepada ketiadaan kemudahan asas yang dilaksanakan di penempatan pelarian Filipina ini. Saya difahamkan bahawa ramai penduduk di penempatan ini menghidap penyakit berjangkit seperti tibi, lebih-lebih lagi aspek kesihatan, kebersihan serta keselamatan juga sukar diatasi disebabkan ketiadaan pihak tertentu yang memantau dan meninjau tahap kualiti kehidupan penghuni di kawasan ini. Tiada badan-badan yang tertentu mahu pun di peringkat penduduk sendiri yang menjaga tahap perjalanan kehidupan mereka sendiri. Bagaimana dengan kawalan kesihatan, keselamatan sukar sekali untuk ditangani. Saya merayu kepada Kerajaan Pusat dan juga negeri agar dapat mempercepatkan tindakan yang diperlukan sebelum terlambat. Jangan pula sampai menyebabkan serangan selesema burung dan meletupnya penyakit yang berjangkit serta yang tidak diingini, baru bergegas ke kawasan yang tersembunyi ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merayu kepada kerajaan agar tidak mengetepikan peruntukan pada Bajet 2008 untuk kawasan Sepanggar. Walaupun di depan mata tetapi selalunya terlepas pandang daripada pihak EPU dan ICU. Contohnya, peruntukan bernilai RM23.19 juta bagi penempatan semula penduduk yang terlibat dengan Projek Tambatan Sungai Telipuk ke Taman Perindustrian Kota Kinabalu ataupun KKIP dengan izin iaitu *side in-services scheme* dipinda peruntukan itu ke projek POIC di Lahad Datu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Sepanggar, berapa minit lagi nak habis? Boleh habiskan dalam masa lima minit?

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Tidak, saya sambung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat sambung esoklah.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi esok.

Dewan ditamatkan pada pukul 5.30 petang.